

# Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**LANGKAN AKHBAR AMANAH SEGERA!**  
**PERCUMA T-SHIRT**

untuk urusan Langganan  
☎ 011 3233 4322

**Amanah Kedah dapat 13 kerusi, 10 DUN 3 parlimen**



→ ms2

**Nasrudin ungkit nilai persahabatan dalam Pas**



→ ms8

**Pelancaran Jelajah PH di Melaka mengagumkan**



→ ms16-17

**ORANG ramai** berebut-rebut untuk bersalam dan mengambil gambar Tun Dr Mahathir ketika beliau menyertai sesi Teh Tarik di Melaka dan program Jelajah PH baru-baru ini.



# PH GUNA 1 LOGO



**PAKATAN Harapan (PH) akan menggunakan satu logo sahaja dalam PRU-14 nanti iaitu salah satu logo dari parti gabungannya.**

**"Sama ada RoS lulus atau tidak logo Pakatan Harapan, kita akan tetap guna satu logo sahaja dalam PRU akan datang," kata pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad.**

→ Laporan penuh muka 2

**PROMOSI TERBARU!!**

**DAPATKAN SEGERA**

☎ 01132334322  
untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

FAIZ FADZIL  
**KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT**




HANYA RM 30

**TEKAL BERJUANG**  
MEMOIR ANUAR TAHIR




HANYA RM 35

MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN




HANYA RM 39

**SYURA & DEMOKRASI**  
dari perspektif Maqasid al-Shariah



HANYA RM 49

Charles Allers  
**ANWAR IBRAHIM**  
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM





# PH akan guna salah satu logo parti gabungan

**P**AKATAN Harapan (PH) tetap akan menggunakan satu logo sahaja dalam pilihan raya umum ke 14 nanti iaitu salah satu daripada empat logo parti dalam gabungan itu.

Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan bersama itu diambil sekiranya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) tidak memberikan kelulusan terhadap pendaftaran PH.

"Kita parti dalam Pakatan Harapan akan menggunakan satu logo sahaja dalam PRU14. Sama ada RoS lulus atau tidak logo Pakatan Harapan, kita akan tetap guna satu logo sahaja dalam PRU akan datang.

"Ini keputusan bersama," ujarnya dalam sidang media yang diadakan selepas Mesyuarat mingguan Majlis Presidien di Ibupejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) di Petaling Jaya Selasa, 27 Februari lalu.

Ditanya logo parti mana yang akan digunakan kelak bagi mewakili calon Pakatan Harapan beliau enggan mendedahkan.

"Kita belum boleh isyhtihar lagi logo parti mana.

"Kita boleh guna salah satu logo daripada empat parti melainkan RoS meluluskan logo PH tetapi Ros begitu takut dengan kita sehingga



**Tun Dr Mahathir bersama Datuk Seri Dr Wan Azizah ketika sidang media PH bagi mengumumkan keputusan untuk kekal menggunakan satu logo walaupun RoS gagal luluskan pendaftarannya.**

tidak dapat untuk meluluskan logo hingga hari ini.

"Untuk guna satu logo kita kenal lah guna satu daripada logo parti, tetapi parti yang mana kita belum tetapkan.

"Jika parti itu bersetuju logonya digunakan parti lain dalam pakatan harapan parti itu kena bagi kebenaran kepada siapa yang nak guna simbol partinya," terangnya.

Pada Ahad Dr Mahathir dalam ceramahnya di Alor Gajah Melaka, berkata, kemungkinan PH tidak akan menggunakan logo parti gabungan

sekiranya RoS tidak meluluskan permohonan gabungan itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Bersatu pada Jelajah PH di Melaka itu dipetik berkata, jika PH bertanding atas tiket parti komponen dengan logo masing-masing, rakyat akan keliru.

Sekiranya PH tidak mempunyai logo ketika bertanding pada pilihan raya umum akan datang, diharapkan, rakyat dapat mengenali empat parti yang berada dalam komponen PH ini yang terdiri daripada PKR, AMANAH, Bersatu dan DAP.

## Najib panik, mula fikir senario PH menang

**PRESIDEN** Umno, Datuk Seri Najib Razak didakwa sedang panik dan mula berfikir secara serius senario jika Pakatan Harapan menang dalam PRU 14 nanti.

Pengarah Komunikasi PKR, Fahmi Fadzil berkata, minggu lalu Najib telah mengeluarkan satu kenyataan di blog beliau yang menyentuh dua senario yang konon akan berlaku jika atau bila Pakatan Harapan memenangi PRU14.

"Kenyataan ini sebenarnya menunjukkan bahawa DS Najib dan pasukan beliau sudah panik dan mula secara serius menerima senario di mana Pakatan Harapan bakal menang PRU14 nanti," katanya dalam satu kenyataan.

Oleh itu, katanya, kenyataan beliau ini lucu dan sebenarnya cuba mengalih pandangan umum dari pelbagai masalah negara termasuk gejala najis rasuah dan skandal-skandal besar seperti 1MDB yang sedang disiasat di pelbagai negara termasuk oleh DOJ di Amerika Syarikat.

"Kenyataan tersebut juga menunjukkan bahawa Najib memilih untuk menyerang pimpinan utama Pakatan Harapan, termasuk Tun Dr Mahathir, DS Anwar Ibrahim dan DS Dr Wan Azizah, secara peribadi," katanya.

Katanya, pendirian PKR berkenaan isu calon Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Pakatan Harapan adalah jelas, di mana PKR memegang teguh kepada persetujuan dan pengumuman Pakatan Harapan 7 Januari 2018 untuk mengangkat Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri dan DS Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri.

"Dr Wan Azizah akan memikul tanggungjawab sebagai calon Timbalan Perdana Menteri sedaya upaya sehingga satu waktu di mana DS Anwar bersedia dan boleh memasuki semula arena politik negara," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, Najib sebenarnya perlu memberi lebih fokus terhadap usaha menjawab pelbagai isu yang telah dibangkit hingga kini, termasuk apakah memegang kuasa itu hanya untuk menggondol kekayaan peribadi dan bertindak zalim terhadap musuh-musuh politik.

## Amanah Kedah dapat 13 kerusi, 10 DUN 3 parlimen

**PERUNDINGAN** di peringkat nasional telah membolehkan Amanah mendapat tambahan dua kerusi negeri lagi, menjadikannya 10 kerusi di Kedah.

la diperolehi oleh Amanah selepas perundingan di peringkat nasional selesai ekoran kegagalan perundingan di peringkat negeri untuk menyelesaikan pembahagian kerusi itu.

Sebelum ini, Amanah hanya mendapat tiga kerusi parlimen di Kedah berbanding

Bersatu enam dan PKR juga enam.

"Saya rasa semua pihak berpuashati dengan pembahagian kerusi di Kedah," kata Timbalan Pengerusi PH Kedah, Dr Ismail Salleh.

Selepas Johor, Negeri Sembilan dan Perlis berjaya menyelesaikan pembahagian kerusi di peringkat negeri masing-masing, Kedah menjadi negeri pertama yang berjaya diselesaikan di peringkat nasional.

Empat kerusi yang bertindih iaitu Pantai Merdeka, Guar Cempedak, Kulim dan Gurun berjaya diselesaikan melalui rundingan di peringkat nasional.

Amanah berjaya mendapat dua kerusi iaitu Pantai Merdeka dan tambahan kerusi Belantik selepas bersedia menyerahkan Guar Cempedak kepada Bersatu.

Bersatu pula mendapat Guar Cempedak dan Kulim manakala PKR mendapat Gurun.

Dengan pembahagian ini, kerusi di Kedah diselesaikan dengan Bersatu mendapat 14 kerusi, PKR dan Amanah masing-masing 10 kerusi manakala DAP mendapat dua kerusi negeri.

"Kami selesaikan seminggu selepas keputusan menentukan kerusi itu berdasarkan merit bagi setiap kerusi selepas perbincangan diserahkan kepada perunding peringkat nasional," kata Dr Ismail Salleh, Timbalan Pengerusi PH Kedah.



**Dr Ismail mendengar rintihan seorang wargaemas dalam kunjungannya ke Simpang Empat.**



# Baiki indeks rasuah dengan tukar kerajaan

Oleh **HUSIN MAHAT**

**K**UALA LUMPUR: Rakyat Malaysia perlu mengambil serius kemerosotan Malaysia dalam Indeks Tanggapan Rasuah (CPI) 2017 dan mengambil kesempatan terbaik menjelang pilihan raya umum akan datang untuk membina semula negara melalui perubahan kerajaan.

Timbalan presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata, tiada jalan lain bagi rakyat untuk memerangi gejala rasuah yang semakin parah di negara ini kerana 'ibu segala rasuah' iaitu skandal mega 1MDB gagal ditangani kerajaan BN sedangkan ia adalah punca utama imej Malaysia merudum di mata dunia.

Salahuddin diminta mengulas kedudukan Malaysia dalam CPI 2017 yang jatuh merudum ke kedudukan 62 berbanding kedudukan 55 pada tahun sebelumnya.

Malaysia berkongsi kedudukan ke-62

dengan Cuba apabila mendapat 47 mata. Penarafan kosong bermaksud paling rasuah dan 100 pula sangat bersih.

Mengulas lanjut, Salahuddin menyeru rakyat agar bersama Pakatan Harapan (PH) yang menyatakan komitmen untuk membanteras rasuah dan penyelewengan kuasa.

Mengulas kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dzulkifli Ahmad yang terkejut dengan laporan Transparency International Malaysia (TI-M) itu dan menyifatkan negara sepatutnya berada pada kedudukan lebih baik jika tindakan agresif serta tangkapan dibuat agensi itu diambil kira, Salahuddin hairan mengapa Dzulkifli berbangga dengan kes tangkapan rasuah yang meningkat.

Malah SPRM, katanya gagal menyelesaikan siasatan terhadap 1MDB yang menjadi ibu kepada skandal rasuah di negara ini sebaliknya menyerahkan beban siasatan kepada pihak polis.

Dalam perkembangan berkaitan, TI-M

menjelaskan beberapa isu yang menjadi punca kemerosotan Malaysia dalam CPI 2017.

Menurut Presiden TI-M Datuk Akhbar Satar, isu tersebut adalah skandal 1MDB, kes SRC International Sdn Bhd, derma RM2.6 bilion, skandal Felda dan air Sabah serta keputusan mahkamah terhadap Naib Presiden PKR Rafizi Ramli.

"(Kes-kes ini) adalah contoh hilangnya kepercayaan awam, pelabur dan komuniti peniaga terhadap sistem di negara ini.

"Selain itu keadaan korupsi dan politik juga memberi kesan kepada kedudukan negara dalam CPI," katanya ketika pelancaran indeks itu di Kuala Lumpur, 22 Feb lalu.

Kedudukan Malaysia bertambah baik bermula pada 2012 hingga 2014, tetapi mula jatuh sejak 2015.

Katanya, kedudukan Malaysia mula jatuh sebaik selepas timbulnya isu 1MDB dan diburukkan lagi apabila kes

itu tidak diselesaikan.

Ia menimbulkan tanggapan bahawa pihak yang mencuri dana awam terlepas daripada hukuman, katanya lagi.

Beliau menyifatkan negara kini berhadapan krisis integriti dengan meningkatnya kes berprofil tinggi melibatkan mereka yang berkuasa dan kes rasuah melibatkan golongan muda.

Beliau berkata tangkapan SPRM sejak tiga tahun lalu menunjukkan 54 peratus daripada kira-kira 2,000 yang ditahan adalah mereka yang berusia antara 20 hingga 40 tahun.

"Kita perlu mencari punca utamanya. Apakah ia disebabkan didikan, sistem persekolahan, ekonomi atau kepimpinan negara? Kita tidak tahu," katanya dipetik Malaysiakini.

Pada CPI 2017, Singapura dan Brunei mendapat kedudukan paling baik di kalangan negara Asean, masing-masing pada tangga keenam (84 mata) dan ke-32 (62 mata).

Malaysia berada di hadapan Indonesia dan Thailand, yang berkongsi kedudukan ke-96 dengan 37 mata.

Kemboja pula pada tempat tercorot dengan kedudukan ke-161 dengan 21 mata.

# Lelong ikan bukti Umno tak cerdik

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA SELANGOR:** Rata-rata pengguna Facebook mengecam tindakan Ahli Parlimen BN Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim membuat lelongan harga ikan di Kompleks Umno kawasan itu, 25 Feb lalu.

Kritikan netizen dapat dilihat pada sejumlah komentar di Facebook rasmi Berita Harian Online yang turut menyertakan rakaman video aksi lelongan dengan paparan golongan wanita berebut untuk mendapatkan ikan jenahak.

Antaranya, Zila Asmida yang merasa kasihan melihat kaum ibu itu seolah-olah seperti pelarian lantaran sanggup berebut untuk mendapatkan bekalan ikan dengan harga murah.

Beliau berpendapat reaksi kumpulan wanita terbabit tidak harus dibanggakan sebaliknya bukti rakyat pada masa ini hidup dalam kesusahan.

Bagi Syed Ferdaus Syed Mohammad, bukan kerja kerajaan untuk melelong ikan sebaliknya unakan kuasa menentukan harga ikan mengikut kemampuan rakyat.

Rasa simpati turut dirasakan Harun Mohammad apabila melihat realiti rakyat bawahan

yang terpaksa saling berebut demi kelangsungan hidup akibat kenaikan kos sara hidup.

"Orang atasan lakukan demi mendapat balasan undi. Jika benar kamu berkhidmat membantu rakyat, buat saja jualan murah sebaik sahaja kamu angkat sumpah menjadi YB (Yang Berhormat)," kata Harun lagi.

Sementara itu, Abdullah Ishak berpendapat barangan keperluan tidak harus dilelong apatah lagi golongan wanita warga emas sepatutnya menghabiskan masa pencen dengan anak dan cucu bukannya bertur panjang untuk mendapatkan barangan keperluan.

Tidak kurang juga komentar netizen yang mengaitkan aksi lelongan itu sebagai cara BN berkempen memandangkan pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) yang semakin hampir.

"Aku tak fahamlah dengan sesetengah ahli parlimen ni. Kalau nak berkempen, janganlah sampai memperbodohkan rakyat bangsa sendiri.

"Apalah salahnya buat jualan murah. Kenapa mesti nak lelong? Bangga bila dapat tengok kaum-kaum wanita terpekik terlolong minta ikan.

"Sekali tengok dah macam dekat (pelarian) Somalia dah, menadah tangan beramai-

ramai," tulis Eyzan Tasnim.

Kecaman Eyzan itu juga senada dengan Nor Asikin Yusoff yang menyifatkan semua orang boleh membeli ikan tersebut jika diadakan jualan murah.

"Ini namanya (lelongan ikan) membodoh-bodohkan rakyat.

"Kalau betul-betul nak tolong, jual saja ikan tu dengan harga yang murah. Semua org boleh beli. Tak payah nak lelong-lelong," kata Nor Asikin.

Berita Harian melaporkan

Irmohizam membuat lelongan harga ikan sempena Program Jualan Sentuhan Rakyat & Jualan Ikan Segar LKIM Parlimen Kuala Selangor di Kompleks Umno Kuala Selangor.

Video Muhammad Sulaiman berdurasi 30 saat itu menerima lebih 800 komentar dan hampir 180 perkongsian hanya dalam tempoh enam jam dimuat naik di FB Berita Harian Online.

Semakan mendapati Irmohizam yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno dan Pengerusi

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) terlibat dengan aktiviti melelong ikan sejak tahun lalu dengan kehadiran ahli parlimen BN di kawasan terlibat.

Antaranya, di Bagan Datuk pada 19 November 2017 yang turut disertai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi merangkap ahli parlimen kawasan itu.

Tahun ini pula, senario sama menyaksikan penduduk setempat yang berpendapatan rendah turut berebut membeli



Tindakan Irmohizam membuat lelongan ikan dikecam orang ramai.

## Minda Pengarang

### Jelajah kali kedua semakin perkukuh PH

**D**I tengah harapan yang sangat tinggi semoga rundingan pembahagian kerusi Dun beberapa negeri berjalan lancar dan akan berakhir segera, kini Pakatan Harapan sudahpun memulakan jelajah tanah air peringkat kedua. Sambutan di Alor Gajah, Melaka dilihat sangat memberansangkan.

Sebelum itu ceramah besar-besaran Pakatan Harapan di kawasan Parlimen Parit Sulong, Batu Pahat Johor memperlihatkan sokongan luar biasa rakyat Johor dengan ribuan yang hadir, suatu isyarat akan kebangkitan rakyat Johor mahukan perubahan.

Siri jelajah kedua Pakatan Harapan ini dilakukan secara besar-besaran, sesuai dengan iklim perkembangan politik tanah air, di mana PRU14 akan tiba beberapa bulan lagi.

Pelbagai halangan dihadapi oleh Pakatan Harapan dalam meneruskan perjuangannya untuk memenangi PRU14 ini. Simbol Pakatan Harapan untuk digunakan dalam PRU14 ini masih belum lagi diluluskan, tetapi pemimpin PH nampaknya sangat sabar menghadapinya. Malah pimpinan PH sudah menyediakan alternatif, jika simbol Pakatan Harapan masih tidak diluluskan. Namun ia menunggu dan menunggu dengan penuh sabar.

Dalam masa yang sama, isu persempadanan semula pilihan raya – yang dilihat memihak kepada Umno/BN – juga sebagai suatu hambatan yang sangat besar dihadapi oleh Pakatan Harapan dalam menghadapi PRU14 ini.

Kita yakin walaupun pelbagai kesukaran dihadapi oleh PH ini akhirnya akan berjaya diatasi oleh PH, justru ia dilatari keyakinan, kesabaran dan kebijaksanaan



pendukung Pakatan Harapan.

Maka jelajah PH kali pertama dan kedua ini memperlihatkan sokongan rakyat berterusan, malah bertambah. Umpamanya him-

punan besar-besaran di kawasan Parlimen Parit Sulong, Johor baru-baru ini menghantar insyariat jelas akan sokongan rakyat Johor kepada Pakatan Harapan.

Demikian juga dalam jelajah siri kedua Pakatan Harapan di Alor Gajah, Melaka beberapa malam lalu, di mana sambutannya begitu menggalakkan, pada hal selama ini Melaka juga dianggap kubu Umno/BN juga. Tetapi kini, keadaan dilihat berubah.

Jelajah siri kedua pimpinan Pakatan Harapan dijadualkan akan sampai ke negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Selepas itu jelajah kedua ini akan sampai ke negeri utara – Perak, Kedah dan Pulau Pinang.

Kita yakin, rakyat di semua negeri yang dikunjungi oleh pimpinan PH ini akan mengalu-ngalukan, justru ini amalan demokrasi yang sangat harum yang perlu diamalkan dan tidak ada apa yang dibimbangkan.

Sementara itu, di kawasan Parlimen dan Dun yang sudah diputuskan calon dari komponen PH akan bertanding, kini diberitakan sudah membuat persiapan rapi. Jenteranya sudah digerakkan, malah pejabat dan markasnya pun sudah dibina. Ini menunjukkan pendukung komponen Pakatan Harapan sudah sangat bersedia untuk menghadapi pilihan raya akan datang ini.

Kesimpulannya, rakyat sedang menunggu-nunggu akan ketibaan PRU14 ini dan diharapkan akan berlangsung secara demokratik dan aman.

## Status agama anak bawah umur

**DI** sudut Islam, dalam menjelaskan status agama anak bawah umur, para fuqaha' mempunyai pandangan yang berbeza.

Pertama, mazhab Shafie, Hanbali dan lain-lain (jumhur) berpendapat agama kanak kanak bawah umur adalah mengikut pihak pihak yang memeluk Islam. Jika ibunya memeluk Islam, maka agama anaknya adalah Islam wpun bapanya bukan Islam. Jika bapanya memeluk Islam, maka anaknya adalah Islam wpun ibunya tidak memeluk Islam.

Kedua, agama anak bawah umur adalah mengikut agama bapanya, jika bapanya bukan Islam, maka anak tersebut bukan Islam walaupun ibunya memeluk Islam.

Di segi perundangan sivil dan syariah, setakat ini tidak ada peruntukan dalam undang undang sivil dan enakmen syariah yang memperakukan agama anak bawah umur adalah mengikut agama ibu atau bapanya jika salah seorang atau kedua-duanya memeluk Islam (*wallahu'alam* mungkin saya tidak berjumpa).

Apa yang ada ialah peruntukan yang menetapkan status agama anak anak tersebut mengikut undang undang seperti berikut;

**a.** Perlembagaan Persekutuan. Artikel 12 (4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan agama kanak kanak bawah 18 tahun hendaklah ditentukan oleh ibu atau bapa atau penjaga kanak kanak tersebut (tanpa



Pencerahan Mingguan  
**Tanweer Usbu'ii**

**USTAZ CHE' IBRAHIM MOHAMED**  
Naib Pengerusi AMANAH Kelantan

menyebut samada ibu/bapa/ penjaga tersebut memeluk Islam atau tidak).

**b.** Akta 164 Kerajaan BN pernah mencadangkan untuk memasukkan satu peruntukan Seksyen 88A yang baru dalam Akta 164 yang memperuntukkan kanak kanak bukan Islam bawah umur 18 tahun hendaklah kekal di atas agama asal ibu bapa yang melahirkan mereka (kecuali ibu dan bapa atau penjaga membenarkannya memeluk Islam).

**c.** Dalam Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Negeri, jika di Terengganu, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan lain-lain memperuntukkan kanak kanak bawah 18 tahun boleh memeluk Islam dengan izin ibu DAN bapa mereka atau penjaga (kena izin kedua ibu bapa)

Manakala jika di Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah dan lain-lain memperuntukkan kanak kanak bawah 18 tahun boleh memeluk Islam dengan izin ibu ATAU bapa atau penjaganya (perlu izin ibu atau bapa sahaja), tetapi di Pahang pula mempe-

runtukkan hanya kanak kanak yang berumur lebih 18 tahun sahaja yang boleh memeluk Islam, adapun kanak kanak bawah 18 tahun tidak ada apa apa peruntukkan dalam enakmen Pahang.

Berbeza pula di Kelantan yang lebih terbuka, iaitu sesiapa sahaja boleh memeluk Islam tanpa apa apa sekatan dengan kebenaran qadhi atau hakim syarie.

Adakah kanak kanak bawah umur yang memeluk Islam boleh murtad?

Walaupun ulama dan undang undang berselisih pendapat dan peruntukan di sudut keperluan izin ibu bapa untuk memeluk Islam, namun ulama sepakat mengatakan kanak kanak bawah umur sah keislamannya, yakni boleh memeluk Islam tetapi tidak sah murtadnya.

Enakmen Pentadbiran Syariah Negeri Negeri juga memperuntukkan seorang yang telah disahkan Islamnya, tidak boleh dianggap murtad kecuali dengan pengesahan mahkamah syariah.

**Di segi perundangan sivil dan syariah, setakat ini tidak ada peruntukan dalam undang undang sivil dan enakmen syariah yang memperakukan agama anak bawah umur adalah mengikut agama ibu atau bapanya jika salah seorang atau kedua-duanya memeluk Islam (*wallahu'alam* mungkin saya tidak berjumpa).**





# Perjuangan satu dekad

“Reformasi” mungkin terlalu jauh untuk generasi yang lahir pada tahun 1990-an dan 2000-an. Untuk mereka yang pernah melalui zaman Reformasi, “Tsunami politik 8 Mac” adalah hasil yang diketuai selepas satu dekad “Reformasi” dilaungkan. Sedar atau tidak, kita bakal menyambut ulangtahun ke-10 “Tsunami 8 Mac 2008”, satu insiden yang berjaya merombak lanskap politik tanahair 10 tahun lalu.

Jikalau “Reformasi” lebih berkisar kepada mata lebam Anwar Ibrahim, “Tsunami Politik 8 Mac” jelas memperlihatkan pelbagai gelombang yang teretus daripada pergolakan dalam masyarakat. Perarakan peguam untuk mende-sak penyiasatan terhadap video Lingam, tuntutan sistem pilihan raya yang adil oleh BERSIH, protes komuniti India melalui himpunan HINDRAF dan sebagainya, telah mewarnai jalan raya dengan kemarahan rakyat.

Demonstrasi jalanan ini sebagai manifestasi ketidakpuasan yang terpendam untuk sekian lama. Ketidakpuasan ini teretus lantaran ketidakadilan, penyelewengan, manipulasi dan penipuan daripada pihak kerajaan. Rakyat yang tertindas akhirnya bangkit dan menuntut perubahan.

Di sebalik aksi politik ini, terdapat juga isu-isu yang memperlihatkan konflik kepentingan antara komuniti tempatan dengan



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

pembangunan, pada hari-hari menjelang PRU12 tahun 2008. Antaranya pencerobohan Kampung Berembang, pembinaan kabel bertvoltan tinggi di kampung baru Rawang, perlombongan emas menggunakan bahan kimia cyanide di Bukit Koman dan sebagainya.

Ketidakadilan mengambil tempat atas nama pembangunan, dengan menggadaikan kepentingan penduduk tempatan. Malapetaka yang menimpa penduduk ini dirasai oleh masyarakat yang bersimpati dengan mereka. Sentimen ini bergolek dan akhirnya mengombak untuk membadai Barisan Nasional.

Penduduk tempatan bangkit dan lawan, sehingga menggarap kemenangan di akhirnya. Terdapat satu lagi gerakan yang agak penting ketika itu, tetapi kurang menarik perhatian di kalangan masyarakat khususnya komuniti Melayu, iaitu usaha untuk mempertahankan tapak Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) Sungai Buloh.

Ramai yang tidak memandang berat kepentingan tapak warisan sejarah ini, sehingga bersahaja jikalau ia perlu dirobohkan untuk memberi laluan kepada pembangunan.

Hakikatnya, tapak di Sungai Buloh ini diiktraf sebagai antara pusat kawalan kusta yang terbaik dan paling penting di dunia. Dibina pada tahun 1920-an, pusat kawalan kusta direka sebagai kawasan penempatan yang paling terancang, kondusif dan berperikemanusiaan untuk pesakit kusta. Harus diingatkan, penyakit kusta belum ditemui ubatnya ketika itu. Pesakit kusta diasingkan dari orang ramai, kerana takut penyakit kusta merebak. Mereka hidup merana, bukan sahaja disebabkan keperitan yang ditanggung lantaran penyakit itu, juga diskriminasi masyarakat umum terhadap mereka.

Apa yang istimewanya dengan PKKN Sungai Buloh? Ia dirancang sebagai sebuah komuniti yang “mampan diri”, dilengkapi dengan segala kemudahan asas yang diperlukan. Di sini eksperimen demi eksperimen dijalankan ke atas pesakit kusta untuk menemui ubat rawatan, vaksin pencegahan dan kaedah pembedahan untuk penyakit kusta. Akhirnya ubat dan kaedah rawatan ditemui di PKKN Sungai Buloh, dan digunakan di seluruh dunia.

Pencapaian yang membanggakan ini telah memahat nama Malaysia di dunia. Namun, nilai

kewujudan PKKN Sungai Buloh tidak harus terhakis setelah misi bersejarah ini disempurnakan. Banyak kisah yang terharu berlaku di kawasan penempatan pesakit kusta ini.

Misalnya, disebabkan kejahilan dan prejudis terhadap penyakit kusta ketika itu, bayi yang dilahirkan pesakit kusta wajib dipisahkan daripada ibu bapanya. Mereka akan diambil sebagai anak angkat oleh keluarga lain, terpisah daripada ibu kandung mereka buat selama-lamanya. Bayangkan, betapa pedihnya buat ibu bapa yang hanya sempat menjenguk sekejap bayi mereka setelah dilahirkan, dan kemudian dipisahkan begitu sahaja.

Dari kaca mata zaman sekarang, memang ini langkah yang tidak berperikemanusiaan, jikalau tidak mengambil kira konteks zaman itu yang belum menemui ubat rawatannya. Apapun, ia telah berlalu, dan hanya boleh dijadikan sebagai pengajaran – betapa kejahilan, prejudis dan diskriminasi boleh menghancurkan kebahagiaan seseorang insan dan sesebuah keluarga.

Pesakit kusta yang sembuh masih mendiami di PKKN Sungai Buloh pada hari ini, rata-ratanya melepasi umur 60-an tahun. Mungkin golongan ini telah dilupakan, sehingga apabila Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil-alih tanah kawasannya untuk pembinaan Fakulti Perubatan pada

tahun 2007. Sekumpulan aktivis berpandangan bahawa tapak ini harus dipertahankan sebagai tapak bersejarah, dan tidak wajar dirobohkan semata-mata untuk pembangunan lain.

Maka bermulalah kempen untuk menghalang perobohan tapak PKKN Sungai Buloh. Ia berjaya pada peringkat fasa pertama kerana akhirnya pihak kerajaan bersetuju untuk mengekalkan tapak tersebut. Cabarannya, bagaimana pula setelah pesakit kusta terakhir meninggal dunia satu hari nanti? Bagaimana tapak ini harus diperingati? Kumpulan aktivis ini telah melancarkan kutipan derma dan berjaya menubuhkan satu galeri kisah Lembah Harapan, mencatatkan sejarah PKKN yang pernah menyalakan harapan untuk pesakit kusta yang seketika dahulu hidup dalam kesakitan, ketakutan dan kegelapan.

Galeri ini telah dirasmikan pada 25 Februari 2018, menandakan bagaimana ketabahan dan kecekalan kumpulan aktivis ini sepanjang satu dekad yang lalu. Gerakan ini berkembang sejajar dengan perjuangan pendemokrasi politik tanahair. Tatkala ada yang melencong dari landasan perjuangan politik, aktivis gerakan sosial ini telah beristiqamah untuk mempertahankan sejarah tanahair dan maruah rakyatnya.

## Lagi bukti sokongan rakyat Johor kepada PH

**DENGAN** hanya beberapa bulan lagi menjelang PRU14, ternyata sokongan rakyat Johor kepada Pakatan Harapan terus meningkat.

Selama puluhan tahun, Umno sangat berbangga dan enjoy dengan sokongan rakyat Johor kepadanya, terutama di kawasan Felda, hingga menjadi satu mitos bahawa Johor adalah kubu terkuat Umno/BN.

Tetapi kini semuanya telah berubah. Malah perubahan ini seperti bumi dengan langit. Hingga kita tidak terbayangkan bagaimana perubahan itu berlaku.

Minggu lalu, puluhan ribu rakyat Johor, menyertai himpunan Pakatan Harapan di Seri Medan, dalam kawasan Parlimen Parit Sulong, Batu Pahat Johor. Himpunan itu dihadiri oleh Tun Dr Mahathir Muhammad dan barisan pimpinan Pakatan Harapan, termasuk pimpinan PH Johor. Turut dihadiri oleh penduduk dari Pontian, Muar, YongPeng, Air Hitam dan kawasan lain di Johor.

Timbalan Presiden AMANAH, Salahuden

Ayub, memberitahu saya, “Ini sambutan luar biasa, tidak pernah berlaku selama ini. Ia adalah sokongan rakyat Johor kepada Pakatan Harapan dan Tun Dr. Mahathir sendiri.”

Sebelum itu, Tun Dr Mahathir dan pimpinan PH yang lain sudahpun mengadakan ceramah di kawasan Parlimen Tanjung Piai sebanyak dua kali. Kali pertama di halaman rumah Salahudin Ayub sendiri, kali kedua di Kukup dalam kawasan Parlimen Tanjung Piai juga.

Sambutan kedua-dua tempat itu begitu hebat, di mana orang kampung berduyun-duyun datang mendengar ceramah pimpinan PH itu. Sebuah pejabat Pakatan Harapan sudah dibuka di pekan Kukup. Begitu juga di Sengaran, Pulau Sebatang, bandar Pontian sendiri.

Adapun kedudukan Pagoh, kawasan Parlimen Tan Sri Muhyidin Yasin, kata pen-



diduk yang ditemui, “Insya-Allah selamat walaupun sedang digempur hebat oleh UMNO/BN untuk merampasnya kembali.”

Kini, AMANAH Johor bersama rakan komponen yang lain – Bersatu, PKR dan DAP – sudah mengatur jentera pilihan raya hingga ke peringkat akar umbi.

Ahli Bersatu, yang dulunya Umno sangat mengetahui mengenai ‘dunia Umno’ dan kita yakin, mampu menanganinya.

Kita yakin, hari-hari selanjutnya, Pakatan Harapan akan dapat meneruskan misinya di kawasan lain di Johor- di Segamat, Air Hitam, Yong Peng, Mersing, Endau, Kota Tinggi, termasuk kawasan Felda Parlimen Sembrong, Felda Kahang Barat, Kahang Timur, Bukit Batu dan kawasan Felda yang lain.

Kita yakin, pemimpin ANAK (Persatuan Anak Peneroka), Mazlan Aliman, anak Johor sendiri sendiri mampu menghadpi cabaran di Johor ini ini nersaamaa pemimpin

AMANAH yang lain di Johor – Aminolhuda Hasan, Suhaizan Kayat, Hafiz Ayub dan lain-lain.

Kini sudah diperkenalkan calon AMANAH di Dun Pulai Sebatang, Pontian dan Dun-Dun lain.

Memang bukan mudah untuk PH menawan Johor, memandangkan sejarah Umno yang begitu kukuh selama ini. Tetapi politik adalah sesuatu yang sangat dynamic, bukan sesuatu yang beku dan kekal, maka itu, kita yakin sambutan dan sokongan rakyat Johor kepada Pakatan Harapan kali ini akan mengukir sejarah gemilang akan perubahan ini.

Ada beberapa faktor yang memungkinkannya, pertama harga barangan yang terus meningkat, yang sangat membebankan, kedua tekanan dolar Singapura yang menyebabkan daya beli orang tempatan Johor menjadi lemah, kerana orang Singapura ramai yang membeli belah di Johor dengan doar mereka yang tinggi.



# Suspek rasuah pemimpin PPBM tidak direman, bebas berdemo

**P**ETALING JAYA: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan status siasatan kes rasuah membabitkan bekas ahlinya dalam 'Operasi Banteras Dedak' parti itu.

Peguam Mohd Haniff Khatri Abdulla berkata, pihaknya telah pun menghantar notis kepada SPRM berhubung perkara tersebut dan kesal kerana sehingga saat ini tiada sebarang perkembangan berhubung siasatan kes tersebut dimaklumkan kepada umum.

Pihaknya juga memberi tempoh sehingga 2 Mac bagi SPRM memberikan maklum balas secara rasmi tentang hasil siasatan, dakwaan dan perintah reman yang diambil terhadap suspek wanita dalam kes ini.

"Kami beri tempoh tujuh hari kepada SPRM untuk beri maklum balas kepada pengadu dan orang awam tentang kedudukan kes.

"Jika mereka gagal maka segala tindakan yang dibenarkan di sisi undang-undang akan diambil oleh pengadu (PPBM).

"Saya harap Ketua Pesuruhjaya SPRM Datuk Zulkifli Ahmad perlu mengambil serius perkara ini," katanya.

Dalam sidang media di ibu pejabat PPBM



Mohd Haniff menunjukkan foto suspek kes rasuah yang terlibat dalam demonstrasi di hadapan ibu pejabat RoS di Putrajaya.

itu, Mohd Haniff berkata orang awam sudah jemu dengan 'omongan kosong' isu rasuah oleh pihak berkuasa khususnya SPRM.

Beliau turut mendedahkan identiti pengadu iaitu ahli biasa seumur hidup PPBM yang dilantik sebagai Ketua Penaja Srikandi PPBM Perlis.

Pengadu, jelas Mohd Haniff mengaku telah cuba disuap oleh suspek untuk hadir dalam demonstrasi yang diadakan pada 5

Feb lalu di Pejabat Pendaftar Pertubuhan (RoS) di Putrajaya.

Beliau menambah, suspek wanita terbabit pernah menjadi ahli PPBM dan memegang jawatan sebagai penolong setiausaha Srikandi Pusat tetapi pada 30 Mei tahun lalu telah meletak jawatan dan digugurkan keahlian pada 14 Sept lalu.

"Beliau (suspek) telah hadir dalam demonstrasi yang diadakan semalam (22

Feb) di hadapan bangunan RoS pula.

"Bagaimana suspek yang ditangkap pada 5 Feb bebas mengadakan demonstrasi pada 22 Feb. SPRM perlu jawab," ujarnya.

Mohd Haniff juga inginkan penjelasan SPRM mengapa suspek tidak direman malah terlibat dalam demonstrasi membantah PPBM.

"Sampai hari ini kita tidak diberitahu apa yang sedang berlaku," ujarnya kesal.

Mohd Haniff menjelaskan, pihaknya berhak mendedahkan identiti pengadu dan suspek kerana siasatan dilakukan oleh parti sebelum maklumat diserahkan kepada SPRM.

"Jadi kami berhak dari segi undang-undang mendedahkannya kepada media dan umum. Jika SPRM berintegriti dedahkan maklumat rasmi mengenai hasil siasatan kes ini," cabarnya.

Mohd Haniff turut mendedahkan perbualan telefon antara suspek dan pengadu yang mengakui wang suapan diberikan oleh individu yang rapat dengan perdana menteri yang juga presiden Umno.

Turut hadir dalam sidang media itu Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir, Ketua Srikandi Rina Harun dan pengadu.

## RUU 355: Umno 'checkmate' Pas, DAP juga yang salah

Oleh **HUSIN MAHAT**

**KUALA LUMPUR:** Walaupun rang undang-undang (RUU) persendirian Akta 355 bagi memperkasakan Mahkamah Syariah dibawa ke sidang Dewan Rakyat dengan persetujuan Umno sejak tiga sesi lalu, namun hasilnya masih tidak kelihatan memandangkan ia belum lagi dibahaskan dan diundi anggota dewan.

Ahli parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin berkata, RUU persendirian ahli parlimen Marang yang juga presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu dibentang di Dewan Rakyat melalui kebenaran Speaker Dewan Rakyat.

Namun kesal beliau, RUU itu tidak pernah dibahas di Dewan Rakyat walaupun di luar dewan para pendokong Pas menyifatkan Abdul Hadi sebagai 'hero' Islam.

"Kami dari parti AMANAH khususnya, arif sangat ni semua 'game' (permainan) Umno untuk tonjolkan imej kononnya mereka juga sokong hukum Islam yang Pas bawa dengan benarkan presiden Pas sekadar bentang RUU itu; dibahaskan tidak,

jauh sekali untuk diluluskan," kata pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH itu.

Menulis di laman FB, Hanipa mengakui pernah menasihati pemimpin Pas bahawa jika Umno benar-benar mahu menyokong usaha menaikkan taraf dan bidang kuasa Mahkamah Syariah bagi membolehkan Kelantan melaksanakan hudud, sepatutnya pemimpin Umno (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) yang menerajui kerajaan membawa pindaan Akta 355 ke Dewan Rakyat.

"Itu lagi mudah, tak berbelit, berkesan dan mungkin berjaya," katanya.

Beliau juga masih ingat alasan pemimpin Pas bahawa jika Umno membawa RUU 355 ke Dewan Rakyat, ia diumpamakan seperti Pas membawa bola ke kotak penalti tetapi Umno yang menjangking gol.

Hanipa turut menyentuh tindakan seorang bekas ahli parlimen Umno memfailkan saman di mahkamah bagi mencabar RUU 355 daripada dibentangkan dengan menamakan Speaker dan

Setiausaha Dewan Rakyat sebagai responden.

"Speaker dan Setiausaha Dewan Rakyat cuba batalkan saman mantan YB Umno itu tapi gagal. Tak tahulah adakah Pas akan keluar 'fatwa' ke atas mantan YB Umno itu, peguam beliau dan hakim tersebut kerana kes itu. Takut nanti DAP juga yang salah!" sindir Hanipa.

Menurut beliau, dengan keputusan terbaru mahkamah itu dan sidang Parlimen yang berkemungkinan akan berakhir pada Mac atau April ini, beliau yakin pembentangan RUU 355 itu tidak akan ke mana selain di takuk lama.

"Hanya dibentang dan tak berbahas, tak ada bacaan kali pertama, kedua dan ketiga, tak diluluskan di Dewan Rakyat, tak dibentang dan dilulus di Dewan Negara, tiada perkenan Yang di-Pertuan Agong dan lepas itu tidak juga diwartakan.

"Maaflah juga jika saya kata amat mudah betul Umno 'checkmate'kan Pas dalam isu ini.

"Jangan gusar, ini semua mesti salah DAP juga," katanya sinis.

## 50% bahasa ibunda dunia bakal pupus

Oleh **ATRIZA UMAR**

**KUALA LUMPUR:** Proses globalisasi dan pembangunan ekonomi yang tidak sekata telah memangsakan banyak bahasa ibunda dan menyebabkan ianya terancam dan mungkin hilang sama sekali, kata Pengerusi Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG Lau Chee Boon.

Menurut beliau, lebih daripada 50 peratus daripada sekitar 7,000 bahasa yang digunakan di dunia mungkin akan mati dalam beberapa generasi dengan 96 peratus daripadanya dituturkan oleh hanya 4 peratus penduduk dunia.

"Hanya beberapa ratus bahasa yang benar-benar telah diberi tempat dalam sistem pendidikan dan domain awam, dan kurang daripada seratus digunakan dalam dunia digital," kata Lau.

Lau berucap dalam majlis sambutan Hari Bahasa Ibunda Sedunia (IMLD 2018) yang berlangsung 21 Feb lalu di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lum-

pur & Selangor (KLSCAH).

Sambutan ini diadakan bagi menyahut seruan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (Unesco) yang telah mengisytiharkan Hari Bahasa Ibunda Sedunia yang disambut pada 21 Feb setiap tahun.

"Daripada perspektif yang lebih luas, bahasa adalah instrumen yang paling berkuasa untuk memelihara dan mengembangkan warisan ketara dan tidak ketara," jelas Lau.

Beliau menegaskan bahawa berbilang etnik, bahasa dan budaya adalah aset berharga negara.

Sehubungan itu beliau mengharapkan pemimpin negara menghayati tema IMLD tahun ini iaitu "Memelihara kepelbagaian linguistik dan mempromosikan multilingualism untuk menyokong SDGS (Matlamat Pembangunan Mampan)".

Malaysia adalah salah satu daripada 28 negara yang menyokong cadangan pengisytiharan 21 Feb sebagai Hari Bahasa Ibunda oleh Unesco.





# ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

**20 PAX  
JEMAAH  
1 FREE**  
\*Tertakluk Terma  
& Syarat



UMRAH  
MUSIM  
BIASA

**HARGA DARI RM4,900 (11h/09m)**

CUTI  
SEKOLAH

**HARGA DARI RM5,190 (11h/09m)**

[www.alfajrtraveltours.com](http://www.alfajrtraveltours.com)

## PAKEJ CUTI SEKOLAH 2018

### AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-23  
(BULAN MAC)  
KAWASAN SELANGOR  
\*TARIKH & TEMPAT AKAN DI  
BERITAHU KEMUDIAN

**YURAN  
RM200**

SILA HUBUNGI :  
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines  
نسماء للطيران

**PENERBANGAN UMRAH  
DARI KUALA  
LUMPUR TERUS KE  
MADINAH/MEKAH**

### HARGA TIKET NESMA DARI

**LOW SEASON**  
RM2,750  
(KUL/JED/JED/KUL)

**PEAK SEASON**  
RM3,250  
(KUL/JED/JED/KUL)



### MAC (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,190
03 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,190
13 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,390
22 MAC	KUL/JED/JED/KUL	5,090

### APRIL (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
10 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090
28 APR	KUL/JED/JED/KUL	5,090

### MEI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
07 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,090
16 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,690

### OKTOBER (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
29 OKT	KUL/JED/JED/KUL	4,990

### NOVEMBER (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
06 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,190
10 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
11 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
12 NOV	KUL/JED/JED/KUL	4,990
13 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
14 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
15 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,290
18 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,190
19 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,090
20 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
21 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
24 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890
26 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
28 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,990
29 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,890

### DESEMBER (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
03 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
05 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
06 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
08 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
10 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
11 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
12 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
15 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
17 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,790
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
20 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,990
22 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,890
24 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190
26 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190
27 DIS	KUL/JED/JED/KUL	4,990
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,190

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795

EMAIL : [alfajr\\_travelsb@yahoo.com.my](mailto:alfajr_travelsb@yahoo.com.my)

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

**PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)**  
(768307-X)(KPL/LN 5056)



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

KEDAH	MELAKA	PERAK	PAHANG	NEGERI SEMBILAN	SABAH
UST FITRI / HJ AZIZAN 04-4480709	HJ RAZAK OMAR 012-310 8464	EN FAIZUL 012-568 1150	HJ YUSOF 016-987 5115	HJ RAZAK AMIT 017-327 2205	HJ AWANG ADI 013-559 8889
011-4066 0800 / 013-741 0321	SELANGOR HJ NORSHAM 011-3231 4248	KELANTAN CIKGU NASIR 013-906 5903	PPINANG UST LATIF 019-510 0255	JOHOR HJ KAMAR 019-776 3300	SERAWAK HJ IBRAHIM 013-823 5841

SELANGOR	Wakil Daerah	SABAH	Wakil Daerah	KELANTAN	Wakil Daerah	SIMPANG LIMA/SEMERAH	Wakil Daerah														
BATU CAVES HJ NOORDIN AMPANG MOHD ROZAIRIZAL AMPANG HJH CONNIE AMPANG HJH ROSNANI GOMBAK USTAZ ZULFEKAR KLANG HAJAH FADILAH GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE BATANG KALI USTAZ ANAS SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT KLANG HJ MUSTAFAR BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA BANGI HJ MOHD JAJOLI SHAH ALAM HJ HASSAN HULU KELANG HJ ROZALI SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL BANGI HJH NORIBAH HULU SELANGOR NORAISHAH SERENDAH RADZIAH MD ISA	012-640 3144 013-364 6452 017-681 2727 019-256 0478 013-807 7722 011-3550 0615 019-277 7070 019-225 0189 019-332 6002 012-350 5437 012-235 8640 019-359 6423 010-221 2962 019-250 1210 018-214 0248 019-234 1922 012-222 8958 019-567 2254	PERAK BOTA HJH AZIZAH TAIPING HJ ABDUL RAHIM IPOH MOHD ANI MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD BAGAN DATO HAJI HAMZAH	019-383 4586 013-704 5646 013-908 5969 019-958 4003 012-964 9730 016-987 5115 019-393 4586 012-243 7490 013-950 2585	PERAK BOTA HJH AZIZAH TAIPING HJ ABDUL RAHIM IPOH MOHD ANI MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD BAGAN DATO HAJI HAMZAH	016-774 8965 016-562 8140 012-589 8965 017-523 9308 014-254 5221 019-347 1575	K. LUMPUR SEMARAK KASHPUL ANUAR SEGAMBU HJH ROHANI DEMANSA RAJA ROSLEE KEPONG MEGAT NAJIB	016-656 5803 019-248 3420 012-327 6401 012-315 8613	MELAKA BANDAR MELAKA HJH MASTURA ALOR GAJAH M.NAZEERY JASIN PN ROHANI HARUN	017-347 7512 017-898 1474 012-651 6003	KOTA BHARU USTAZ OSMAN PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI BACHOK CIKGU NURI NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID PASIR MAS HAJI ALIAS	019-980 8538 013-972 9304 019-989 9028 017-237 2387 012-651 8172 019-915 5656	N. SEMBILAN BAHAU UST ZUBIR NILAI YAHYA OTHMAN GEMAS RIZAL KEMIS TELOK KEMANG ABD RAHMAN RASAH AZMAL SEREMBAN UBAIDAH JELEBU HJ MAZIN	012-380 6140 011-1096 5342 019-604 6315 017-365 4399 016-685 4141 013-361 2875 011-1064 1046	PERLIS KANGAR MOHD SOLEHIN	019-460 5016	KEDAH BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ	019-474 3732	JOHOR AIR HITAMUTHM HJ. BAHARUDDIN PARIT RAJA HJ. YAHYA BATU PAHAT HJ. SULAIMAN SRI GADING HJ. ABD. JALIL PARIT SULONG HJ. REDZUAN YONG PENG HJ. A. RAZAK PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM SRI MEDAN HJ. RAMLI	011-1053 0254 013-756 3090 017-729 2402 011-1875 7710 011-1519 2400 013-770 3346 017-716 6499 019-761 1117	EN. MASUD KHAIRUL FAUZI TMN. BROLEH PN. HAMIMAH RENGIT HJH JUNINAH TKG. PECAH HJH ARFAH JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN SRI GADING HJH. ZAHARAH SKUDAI EN. ABD. JALIL NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT SENAI EN. ZAINUDIN INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL PASIR GUDANG EN. AMBOK SULOH KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH KOTA TINGGI HJ. SAHRONI PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM PARIT RAJA EN. MAIROP KULAI/KULU TIRAM PN. ROPINAH SIMPANG RENGAM AZREEN KLUANG HJ. SHAMSUDIN BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF MUAR HJ. WAGIMAN KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM SIMPANG RENGAM ABD WAHAB MAH ULU TIRAM HJ. MARJONI MAJIDEE HJH SUKARTINI PLENTONG MUHAMMAD ALI BANDAR BARU UDA PN. SITI MUTIAH SETIA INDAH HASNAN PASIR RAJA EN. SULAIMAN TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD PARIT RAJA MOHD ZAINOL PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS	012-739 8477 012-722 8004 013-956 2524 017-752 2803 017-268 9029 019-700 0440 013-777 7044 019-779 9787 019-661 3068 012-798 4778 018-577 8898 019-776 3345 013-749 4432 019-797 2464 013-750 1889 017-712 3556 013-770 2810 019-777 0075 019-715 1764 019-792 6047 013-700 0454 019-720 0536 016-717 8098 013-754 6044 013-716 4114 019-709 1148 018-313 2274 016-707 2507 011-1273 7991 016-751 6565 013-722 4568 019-778 4487 019-728 2233 019-728 3783 019-374 4393

\*\*HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m) VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850+ (KAMBING)

Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.



# Audio 'sumpah jadi abu' mula tersebar

**S**ebahagian audio rakaman yang didakwa menjadi bukti pengakuan kerjasama antara Umno dan Pas oleh seorang AJK Pas Pusat mula tersebar Isnin lalu.

Audio yang dijolokkan sebagai 'sumpah jadi abu' berdasarkan kenyataan amaran

agar ianya tidak disebar, juga berupa pengakuan Pas menerima duit dari Umno.

Video berdasarkan audio pengakuan berdurasi 2.30 minit itu mula dikesan dalam Facebook, kemudiannya telah dikesan disebar melalui media sosial yang lain khususnya WhatsApp.

Video klip bertajuk 'Bukti Pas ambil duit Umno' itu memaparkan suara penjelasan seorang yang dikatakan AJK Pas Pusat itu menjelaskan bagaimana rakaman ini bermula.

Ia dikatakan bermula apabila sesetengah pemimpin Pas tidak berpuashati dengan dakwaan pemimpin Pas yang

lain menerima duit Umno. Antaranya RM2 juta untuk pilihan raya negeri Sarawak tahun lalu.

Beliau bersama beberapa rakannya dikatakan menuntut penjelasan secara tertutup daripada AJK Pas Pusat berkenaan dan sesi tersebut telah dirakamkan audionya.

Sebelum ini, dalam ceramahnya di Kota Bharu, Naib Presiden AMANAH, Husam Musa mendakwa mempunyai bukti pengakuan ini dan pihak yang membuat pengakuan itu meminta agar ia jangan disebar atau "akan disumpah menjadi abu."

Ekoran itu, seorang ahli Pas di Kuala Terengganu telah membuat laporan polis mengenainya.

*Keratan dari video 'Sumpah Jadi Abu' yang mini mula menular dalam laman sosial.*



## Musuh Pas bukan Umno tetapi AMANAH, kata Mahfodz

**DALAM** pilihan raya umum ke 14 ini, objektif Pas adalah untuk menjatuhkan AMANAH bukan lagi Umno, kata Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Dr Mahfodz Mohamed dalam satu ucapan di program Fastaqim 2.5 di negeri itu.

"Kita nak jatuhkan AMANAH yang tidak amanah. Kalau tuan-tuan kalah di Parit Yaani, malulah nak letak mana muka Pas di sini?" ujarnya.


Dalam pada itu, Umno yang menjadi musuh tradisi Pas sejak sekian lama tidak dibangkitkan.

Tapak program berada di Dun Parit Raja yang dimenangi Umno tidak langsung disentuh oleh beliau.

Selain itu Pas Johor hanya menyasarkan kemenangan bagi 12 kerusi Dun Johor sahaja dan tidak berminat untuk memerintah negeri Johor.

"Maka kita berusaha sungguh-sungguh untuk menang tiga kali ganda daripada yang kita menang pada PRU13 iaitu 12 Dun (dari 4 Dun) di Johor ini.

"Kita boleh menjadi pembangkang yang kuat, pembangkang yang efektif dan juga boleh jadi 'king maker' di negeri Johor ini," sambung Mahfodz.



# Selepas terdedah rakaman audio, Nasrudin ungkit nilai persahabatan dalam Pas

**SELEPAS** tersebarnya rakaman audio yang dikatakan suara seorang AJK Pas Pusat yang mengaku parti itu bekerjasama dengan Umno, Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan mengungkitkan nilai persahabatan dalam parti itu.

"Tiada yang lebih indah berbanding sebuah persahabatan yang diikat kukuh dengan nilai ukhuwwah Fillah," tulis ahli parlimen Temerloh itu dalam Facebooknya yang dipercayai ada kaitan dengan rakaman sulit tersebut.

"Persahabatan inilah menguatkan saf perjuangan dari ancaman pelbagai anasir yang merosakkan amal jamaei dan thiqah berjamaah," tambah beliau dalam tulisan itu ketika rakaman audio menjadi tular dalam laman sosial.

Dalam rakaman itu, suara yang didakwa seorang AJK Pas Pusat itu mengaku Pas menerima duit dari Umno termasuk RM2 juta semasa pilihan raya negeri Sarawak tahun lalu.

Beliau turut mengaitkan perkara itu dengan pimpinan parti yang lain



*Nasrudin membangkitkan soal nilai persahabatan dalam penulisan terbarunya.*

termasuk presiden Pas sendiri, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sebelum ini, Naib Presiden Amanah, Husam Musa mendakwa beliau menerima rakaman audio berkenaan dan akan diedarkan sebelum pilihan raya.

Dalam ceramahnya di Kota Bharu, Husam Musa mendakwa mempunyai bukti pengakuan ini dan pihak yang membuat pengakuan itu meminta agar ia jangan disebar atau "akan disumpah menjadi abu."

Ekoran itu, seorang ahli Pas di Kuala

Terengganu telah membuat laporan polis mengenainya.

### KONFLIK DALAMAN

Menurut Nasrudin, jamaah (Pas) menjadi ceria dan anggotanya gembira apabila orientasi organisasinya berlandaskan nilai persahabatan yang menepati piawaian yang dikehendaki oleh sebuah Gerakan Islam.

"Sebaliknya mendung akan mengiringi sepanjang sesi atau musim andai jamaah kehilangan nilai persahabatan ini.

"Tentu sahaja krisis serta konflik mudah tercetus dan paling tidak 'perang dingin' sesama anggota akan wujud apabila makna sebuah persahabatan tercalar atau dibiarkan tercemar dek pelbagai virus negatif yang menular dikalangan anggota," tulis Nasrudin yang dipercayai ada kaitan dengan pendedahan rakaman ini.

Ini kerana, hanya pihak yang dekat dalam Pas sahaja terlibat dalam per-

temuan dengan AJK Pas pusat yang mendedahkan hubungan Pas dengan Umno tersebut.

Menurut Nasrudin, semua anggota Pas memahami betapa jamaah yang gersang dari nilai dan erti persahabatan yang dikehendaki oleh Islam ini akan mendorong berlakunya kepincangan dalam pelbagai organ parti.

Antaranya, kata beliau, saling curiga mencurigai antara satu sama lain dalam apa jua penampilan dan aktiviti.

Lalu, katanya, mewujudkan suasana suram dan resah dikalangan pendokong jamaah. Saling tidak mempercayai.

Berlaku juga tikam belakang, cantas, bocor rahsia dan menjatuhkan imej akan menjadi saraf yang digerakkan sesama sendiri demi survival karier politik kononnya demi jamaah.

"Wujud team yang saling bertembung antara satu sama lain dan kemudiannya berlaku tajir atau serangan peribadi yang tidak wajar sesama anggota jamaah," katanya.



# Indeks rasuah Malaysia semakin merudum

**BARU-BARU** ini, Transparency International (TI) telah mengumumkan Indeks Persepsi Rasuah 2017 (Corruption Perception Index - CPI). CPI ini telah dikeluarkan setiap tahun semenjak tahun 1994. CPI ini telah membuat kajian ke atas 180 buah negara di dunia. TI telah menggunakan skala 0 hingga 100 yang mana skor 0 adalah paling korup dan skor 100 paling bersih.

CPI ini menggunakan kajian yang dibuat terhadap komuniti bisnes di seluruh dunia termasuklah terhadap pakar, penganalisa risiko dan orang awam yang tinggal di negara berkenaan.

CPI ini juga menggunakan paling kurang tiga sumber kajian bebas di negara berkenaan dan CPI Malaysia pula menggunakan sembilan sumber kajian yang berbeza. Ini menunjukkan



kredibiliti CPI yang dibuat ini.

Menurut laporan TI, tahun 2017 menunjukkan lebih dua pertiga negara tersebut mempunyai skor di bawah 50. Manakala, New Zealand dan Denmark menduduki tangga teratas bebas rasuah dengan skor 89 dan 88.

Pada tahun 2017, Malaysia pula telah menduduki tangga ke 62 daripada 180 dalam CPI dengan skor 47 daripada 100. Pada tahun 2016, Malaysia menduduki tangga ke 55 dengan skor 49. TI juga melaporkan bahawa tahap CPI Malaysia adalah sama dengan negara Cuba. Skor yang diperolehi pada tahun 2017 adalah skor yang pal-

ing corot pernah diperolehi semenjak 5 tahun lepas.

Di kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia (Ranking 62: Skor 47) menduduki tangga ketiga di bawah Brunei (Ranking 32: Skor 62) dan Singapura (Ranking 6: Skor 84). Indonesia dan Thailand pula menduduki tangga keempat dengan ranking 96 dan skor 37.

Di kalangan negara Islam, Emiriyah Arab Bersatu adalah negara paling kurang korup dengan ranking 21 dan skor 71. Qatar menduduki tangga kedua di kalangan negara Arab dengan ranking 21 dan skor 63.

TI juga menyatakan bahawa isu 1MDB dan derma RM2.6 bilion, skandal FELDA, rasuah air di Sabah adalah punca utama ranking Malaysia jatuh 7 anak tangga. Tambahan lagi, sabitan ke atas YB Rafizi Ramli dalam isu NFC telah menjadi punca masyarakat awam, pelabur asing dan komuniti bisnes telah hilang kepercayaan terhadap Malaysia. Meskipun begitu, TI menyatakan bahawa jika tidak kerana tindakan agresif SPRM untuk melakukan siasatan dan pendakwaan maka ranking Malaysia akan jatuh lebih teruk.

Dalam respon segera Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, beliau menyatakan

kejutan bagaimana ranking Malaysia telah jatuh dengan teruk sedangkan SPRM telah menjalankan tugasnya dengan baik. Beliau juga dilaporkan berkata bahawa SPRM akan membuat kajian untuk membuat indeks CPI tersendiri bagi Malaysia.

Respon balas Ketua Pesuruhjaya SPRM itu telah disambut negatif oleh masyarakat yang menganggap idea untuk mencetuskan CPI khas bagi Malaysia adalah melucukan sedangkan Malaysia perlu bersaing di peringkat antarabangsa.

Bagi Pakatan Harapan (PH), isu rasuah ini adalah antara salah satu daripada tujuh inisiatif segera yang akan dibuat dalam tempoh 100 hari jika PH dipilih menjadi kerajaan baru di Putrajaya selepas Pilihan Raya Umum ke 14.

Isu rasuah ini jika tidak ditangani segera akan menjadi barah yang akan merosakkan ekonomi Malaysia dalam tahun yang mendatang. Walaupun kerajaan cuba menunjukkan SPRM telah melakukan tindakan agresif dalam memerangi rasuah tetapi tindakan tersebut masih belum mencukupi. Isu pokok berkaitan 1MDB dan skandal RM2.6 bilion itu masih belum ditangani. Terbaharu kenyataan Tan Sri Irwan Serigar, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan bahawa 1MDB akan digulungkan selepas segala hutang diselesaikan tidak menambahkan keyakinan masyarakat awam dan pelabur. Hakikatnya, kerajaan BN sekarang tidak mampu untuk menangani isu rasuah dan satu-satu caranya untuk memulihkan CPI ini adalah dengan menjatuhkan kerajaan BN dalam PRU-14.

## Corruption Perceptions Index (CPI) 2017

Tarikh	2013	2014	2015	2016	2017
Rangking	53	50	54	55	62
Skor	50	52	50	49	47
Negara	177	175	168	176	180

Sumber: Transparency International

CPI 2017 NEGARA ASEAN		
Negara	Rank	Skor
Singapura	6	84
Brunei	32	62
Malaysia	62	47
Indonesia	96	37
Thailand	96	37
Vietnam	107	35
Filipina	111	34
Myanmar	130	30
Laos	135	39
Kemboja	161	21

SUMBER: TRANSPARENCY INTERNATIONAL

# Kem tentera bantu pemimpin kanan BN

**LIMA** pemimpin utama Barisan Nasional iaitu Datuk Seri Najib Razak, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Seri Hishamuddin Hussein, Datuk Seri Ismail Sabri dan Presiden MIC Datuk Seri S. Subramaniam mendapat kem tentera untuk membantu mereka menang dalam pilihan raya.

Tiga menteri kabinet kanan yang menang dengan majoriti tipis pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) berpeluang untuk menang sekali lagi dengan kehadiran pengundi tentera yang diragui di kawasan masing-masing, kata Bersih 2.0.

Timbalan Pengerusi Bersih 2.0 Shaharul Aman berkata, 1,079 pengundi tentera berpindah ke kem Segamat (Johor), 1,234 ke kem Bera (Pahang) dan 1,411 ke kem Hutan Melintang (Perak) dimana ketiga-tiga menteri memenangi kerusi mereka pada PRU13 dengan majoriti kecil.

Sebelum ini, Perdana Menteri Najib Razak mendapat paling banyak undi tentera di Pahang iaitu 5,137 dalam Kem Batu 10, pada PRU 11 lalu.

Pakatan Harapan (PH) juga mendakwa, sebuah kem tentera baru dibina di Semberong iaitu Kem Paloh yang terletak dalam kawasan Menteri Pertahanan yang juga naib presiden



Zahid antara yang memberoleh manfaat daripada kem tentera yang dipindahkan ke kawasannya iaitu Bagan Datok.

Umno, Hishamudin Husein.

Kem Hutan melintang terletak dalam parlimen timbalan perdana menteri, Datuk Seri Zahid Hamidi, Kem Bera dalam kawasan parlimen Bera yang diwakili oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri manakala Kem Segamat diwakili Menteri Kesihatan Datuk Seri S. Subramaniam.

Ketiga-tiga mereka menang tipis dalam pilihan raya umum ke 13 lalu.

Pada PRU13, Zahid hanya menang dengan majoriti 2,108 undi, Subramaniam menang kerusi Segamat dengan majoriti 1,217 undi manakala Ismail menang dengan majoriti 2,143.

Melalui pembinaan kem baru ini, Zahid akan mendapat 1,411 pengundi tentera di kem Hutan Melintang di

Bagan Datok.

Kem Segamat pula akan mendapat 1,079 pengundi tentera manakala Kem Bera akan ada 1,234 undi tentera.

Sehubungan itu, Bersih 2.0 menuntut semua pesuruhjaya SPR meletak jawatan kerana gagal melaksanakan tugas dengan cekap, bertanggungjawab dan amanah.

"SPR dan Kementerian Pertahanan perlu tampil memberi penjelasan

bagaimana perkara ini boleh berlaku, dan sama ada perkara sama berlaku di kem tentera lain.

"SPR perlu membatalkan pemindehan dan pendaftaran baru ini sebelum daftar pemilihan tambahan diwartakan."

Bersih 2.0 menyeru orang ramai menyertai kempen Pemantau PRU14 untuk memastikan PRU14 dijalankan secara adil dan bersih.

HANDMADE  
 NO HARMFUL CHEMICALS  
 PARABEN FREE  
 HALAL

**DR. OLIVE**  
BODY CARE

*Natural Safe Effective*

OTHER PRODUCTS:  
 SOAPS  
 BODYSCRUBS  
 SERUMS  
 DEODORANT  
 SUNSCREEN  
 TEA  
 SUPPLEMENTS

SABUN MANJAKANI  
KAPSUL MANJAKANI

Contact Info:  
 TEL: +6013 754 9335  
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com  
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare



# Warisan putus saman Menteri Luar

**KUALA LUMPUR:** Parti Warisan Sabah (Warisan) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman atas dakwaan menghina parti itu dan presidennya Datuk Seri Shafie Apdal dengan kata-kata berbau perkauman.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina di Sabah Hope Centre 23 Feb lalu, Shafie mengesahkan partinya akan mengheret Anifah ke mahkamah selepas menentukan jumlah pampasan yang wajar.

"Mana boleh seseorang seperti itu, seorang menteri luar negeri, seorang menteri kabinet secara terbuka mengatakan saya orang asing? Ini tak boleh," katanya dipetik FMT.

Sekurang-kurangnya tiga laporan polis dibuat ahli parti itu terhadap Anifah berhubung kenyataan beliau bahawa Warisan

adalah 'parti lanun' yang mahu membuat tuntutan hak nenek moyang mereka ke atas negeri itu.

Ucapan Anifah didakwa dibuat di satu majlis Tahun Baru Cina bersama masyarakat Cina Kimanis di sebuah hotel di Kota Kinabalu sebelum cuti Tahun Baru Cina.

Dalam rakaman ucapan itu, Anifah menasihati hadirin supaya memilih penduduk asli Sabah sebagai ketua menteri; kenyataan yang dianggap sindiran kepada Shafie yang dianggap bukan penduduk asli Sabah.

Shafie yang tidak berpuas hati dengan sindiran Anifah berkata isu ini sengaja dicituskan menteri kabinet itu.

"Mereka yang

memulakannya, walaupun jelas dinyatakan dalam undang-undang tubuh siapa pribumi Sabah. Bajau salah satu daripada kaum itu dan saya daripada etnik itu," katanya.

Pada Jan lalu, Shafie mempertikaikan mengapa seteru politiknya menimbulkan isu keturunan sedangkan ketua menteri terdahulu juga berketurunan Bajau.

Shafie turut kesal dengan tindakan parti lawan yang mengocak sentimen kaum dan menggunakan taktik menakut-nakutkan orang dengan mencemuh logo Warisan, iaitu sebuah kapal layar sebagai 'kapal lanun'.

"Saya mahu tegaskan Warisan parti berbilang kaum dan

terbuka kepada semua rakyat Sabah. Ada pihak mungkin mengatakan kita perlu label parti mengikut kaum. Tetapi saya rasa, kita perlu semai perasaan persaudaraan dan kesatuan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

"Kalau kita tidak terlalu tertumpu pada kaum, saya percaya kita boleh selesaikan banyak masalah," katanya.

Beliau memberi amaran kepada BN terutama Umno bahawa tsunami baru politik akan melanda Sabah dan menamatkan pemerintahan parti itu di Sabah.

"Saya percaya gelombang baharu ini akan mengulangi tsunami Pakatan Harapan (PH) di Semenanjung dengan lebih kuat di Sabah melalui Warisan," katanya.

Turut hadir di majlis itu Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Pengerusi PH Sabah Christina Liew dan para pemimpin DAP dan AMANAH Sabah.



Shafie Apdal

## Bersih 2.0 desak pastikan ketelusan undi pos

**KOTA KINABALU:** Pengerusi Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) Maria Chin Abdullah menyarankan parti-parti politik mendesak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) agar memastikan ketelusan proses undi pos.

Ini kerana jelas beliau, penambahan kumpulan dalam kategori pengundi pos dibimbangi terdedah kepada manipulasi keputusan pilihan raya.

"Kadang-kadang peti undi disimpan di lompak polis. Saya rasa parti politik kalau boleh buat memorandum atau jumpa SPR desak benarkan pemantau," katanya dalam pelancaran kempen Satukan Tenaga, Kalahkan Penipuan, dekat sini, 24 Feb lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, SPR telah membuka permohonan untuk warga

Malaysia yang berdaftar sebagai pemilih dan termasuk dalam kategori 'pengundi pos dalam negara' untuk memohon sebagai pengundi pos mulai 19 Feb lalu.

Permohonan tersebut dibuka susulan keputusan SPR membenarkan 12 kategori penjawat awam sebagai pengundi pos dengan syarat majikan mengesahkan bahawa mereka bertugas semasa hari pengundian.

Kumpulan terbabit adalah petugas pilihan raya, polis dan tentera yang tidak dapat hadir mengundi awal, anggota Jabatan Penjara Malaysia, petugas media serta anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Turut tersenarai anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), petugas Jabatan Kesihatan (hospital dan klinik

kerajaan sahaja), Sukarelawan Polis (PVR), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan anggota Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

Jawatankuasa Pemandu Bersih 2.0 dalam satu kenyataan 21 Feb lalu menyebut, usaha dilakukan SPR untuk memastikan integriti dan ketelusan pilihan raya amatlah sedikit walaupun suruhanjaya itu memberi jaminan setiap penjawat awam mempunyai akses kepada hak mengundi.

"Lebih membimbangkan adalah permohonan pengundian pos dalam negara telah dibuka sebelum tarikh sebenar pilihan raya dimaklumkan.

"Bagaimana penjawat awam boleh mem-

buat permohonan undi pos tanpa mengetahui bahawa mereka sememangnya bertugas pada hari mengundi?" soal badan pemantau pilihan raya itu.

Menurut jawatankuasa itu, SPR tidak harus menggunakan undi pos tanpa prosedur dan proses yang telus bagi memastikan kebebasan hak mengundi serta kerahsiaan undi dan ketelusan proses pilihan raya terjamin.

"Bajet 2018 memperuntukkan sebanyak RM370 juta kepada SPR untuk memastikan kelancaran proses pilihan raya.

"Selain dari undi pos, SPR kini mempunyai peruntukan untuk membuka pusat mengundi sementara di bawah piawaian proses mengundi seperti biasa," kenyataan media Bersih 2.0 dipetik.

## Apa status siasatan siri rasuah hartanah Johor?

Oleh **ARIF ATAN**

**PULAI:** AMANAH Johor mendesak pihak berkuasa dan Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin menjelaskan perkembangan siasatan beberapa kes rasuah hartanah yang menggemparkan negara sejak tahun lalu.

Timbalan Pengerusi AMANAH Johor, Dzulkefly Ahmad berkata, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkenaan tidak harus senang hati dan terus berdiam diri tentang sejumlah skandal membabitkan kepentingan rakyat itu.

"Khaled kena jawab kenapa beberapa rangkaian rasuah hartanah sehingga hari ini masih tiada penyelesaian?"

"Kes bekas Exco Perumahan dan

Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Latiff Bandi sampai sekarang tidak selesai. Kita mahu tahu apa penamat akhirnya?"

"Kes Ketua Pemuda Umno Gelang Patah bersama rakan wanitanya dalam penipuan tawaran Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ), apa cerita? Tidak ada berita sampai sekarang," tegasnya dalam siri ceramah Luaskan Harapan di Taman Pulai Utama, 23 Feb lalu.

Untuk rekod, Abd Latiff, 52, bersama seorang perunding hartanah dihadapkan ke mahkamah pada April tahun lalu atas 33 pertuduhan rasuah hartanah mencecah lebih RM30.3 juta.

Mengikuti kertas pertuduhan, Abd Latiff didakwa bersubahat dengan Amir Shariffuddin Abd Raub, 45, untuk menerima rasuah

daripada beberapa individu bagi mendapatkan kelulusan pelepasan sejumlah lot Bumiputera kepada pembeli awam serta pengurangan bayaran wang sumbangan Tabung Perumahan Negeri Johor bagi projek Eco Botanic Pulai.

Sebulan sebelum itu, seorang Ketua Pemuda Umno bahagian di Johor ditahan reman bersama teman wanitanya masing-masing berumur 43 dan 41 tahun bagi membantu siasatan bersabit kes penipuan tawaran memiliki RMMJ.

Kedua-dua suspek itu ditahan reman pada 7 Mac tahun lalu kerana dipercayai terbabit dalam menipu empat mangsa dengan jumlah kerugian sebanyak RM120,000 sejak tahun 2016.

Bagaimanapun, selepas tempoh tahanan reman mereka dilanjutkan

selama dua hari sehingga 14 Mac, status kes yang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksan itu tidak lagi dilaporkan.

Mengulas lanjut, Dzulkefly turut mendesak agar Khaled memberitahu rakyat Johor tentang isu sebenar penglibatan 'orang dalam' ekoran pencerobohan sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer Pejabat Tanah dan Galian (PTG) oleh sindiket memalsukan geran tanah.

"Bilik kebal yang menyimpan rahsia rasmi geran-geran tanah PTG yang bolos, apa jadi dengan kes ini?"

"Kebocoran dokumen SPRM yang tular di media sosial dengan terdapat beberapa siri pembayaran kewangan berjumlah RM12 juta kepada JO1 (Johor Official 1) iaitu berkaitan rasuah

hartanah.

"Rakyat mahu tahu kerana melibatkan jutaan ringgit yang sepatutnya menjadi sebahagian pendapatan negeri tetapi akhirnya masuk ke kantung beberapa pimpinan Umno yang tidak amanah dan tidak telus dan mengamalkan salah guna kuasa.

"Kenapa tidak disiasat?" soalnya lagi merujuk pada skandal pengubahan status lot perumahan bumiputera kepada status bukan bumiputera.

Sehubungan itu, Dzulkefly menggesa rakyat menggunakan kuasa undi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) untuk memilih kerajaan yang lebih berintegriti dan bertanggungjawab supaya semua kekejaman rasuah kleptokrat dihentikan.



# Serum alami keluaran Dr. Olive Bodycare

**ASSALAMUALAIKUM** dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti dimusim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat dipasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaupun bagaimanapun, ini tidak

bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu efektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

## Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat mneyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi

tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakkan yang berpunca daripada persekitaran.

## Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:  
Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dahulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti

pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.wix.com/drolivebodycare](http://www.wix.com/drolivebodycare)

**SERUM**

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

**20% Sale**  
DISCOUNT

Serum 5ml  
RM 39.90  
RM 31.90

Serum 20ml  
RM 159.60  
RM 127.70

**DR. OLIVE**  
BODY CARE

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal  
SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+60 13 754 9335

drolivebodycare@gmail.com  
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare



# Surat tunjuk sebab buat Najib dan BN

“Apabila laporan media mendedahkan tentang saham Eagle High Plantation (EHP) yang merudum ke paras IDR204 sesaham berbanding IDR580 ketika membeli dahulu, Najib dan BN sememang mencari nahas dalam pilihan raya umum ke-14, yang bakal diadakan bila-bila masa dari sekarang. Umum masih ingat Felda berbelanja RM2.26 bilion membeli 37% saham EHP itu.”

**SEOLAH-OLAH** tidak cukup untuk menguji kesabaran rakyat khususnya warga peneroka - dengan merudumnya saham FGV kepada RM1.80, skandal pembelian hartanah dan hotel-hotel mewah yang penuh pertikaian di London dan beberapa tempat lain, dan paling mutakhir tentang 'terjualnya' tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur yang kononnya telah berjaya didapatkan semula; umum tidak mahu lagi dengar apa-apa cerita yang buruk tentang Felda lagi.

Apalah sangat tentang saham Eagle High Plantation di Indonesia itu? Apa rakyat peduli, kata sesetengah pihak yang tidak langsung mengikuti perkembangan politik dan ekonomi negara mutakhir ini. Bukankah harga saham sememang turun naik sepanjang tahun? Ini semua angkara pembangkang hendak memburuk-buruk kerajaan!

Ya, sekali pandang sememang macam itulah sifat dan gelagat saham di mana pun bursanya. Tetapi bukan kes Eagle High Plantation ini! Sebabnya? Kerana pembelannya penuh kontroversi dan paling mengecewakan (baca celaka), ia dikatakan ada hubung kait dengan Perdana Menteri Najib Razak. Begini ceritanya serba ringkas.

Pembelian 37% saham EHP, melalui FIC Properties Sdn Bhd, sememang ditentang pelbagai pihak kerana dikatakan bukan sahaja tidak wajar dari segi keutamaan tetapi paling kontroversi membayar hampir 95% lebih tinggi dari pasaran ketika itu. Jumlah 37% pula bukanlah pembelian 'controlling stake' atau menguasai syarikat.

Lebih kontroversi lagi kerana mengikut sebuah pemantau (watchdog) International Palm Oil Monitor (IPOM), laporan 'due diligence' (saringan legal dan kewangan pelaburan) oleh sebuah 'top 4 firm audit global' yakni KPMG, yang disaksikan sendiri oleh IPOM, telah mengenal pasti pelbagai salah laku tadbir-urus kewangan dan turut mengalami kerugian kewangan untuk beberapa tahun mutakhir. Di samping itu, EHP tidak menjalankan 'amalan terbaik' global seperti RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil) dan ISPO.

Dengan saham yang merudum mendedahkan ini, Felda sedang mengalami kerugian susutan nilai sebanyak US\$300 juta atau RM1.3 bilion dalam pemilikan yang dipaksa ke atasnya.

Pembelian ini dikatakan oleh Pengerusi

Felda Tan Sri Shahrir Samad sebagai menjalankan kehendak kerajaan. EHP untuk pengetahuan, adalah syarikat di bawah Rajawali Group milik taikun Indonesia Peter Sondakh, rakan golf PM Najib. Beliau semakin tertekan dengan perkembangan ini.

Mungkinkah antara sebab itu juga, Najib semakin sesak dan lemas, lalu tidak berjumpa tarikh 'fengshui'nya untuk membubarkan parlimen sehingga kini.

Lebih penting dari isu survivalnya, rakyat ingin tahu, pentadbiran Najib mesti bertanggungjawab kepada rakyat dan khususnya warga Felda, mengapa kerajaannya 'memaksa' juga pembelian saham yang hampir 100% lebih mahal dari harga pasaran ketika itu!

Ketika segala bukti dan maklumat kritikal termasuk 'due diligence' yang dijalankan KPMG menunjukkan bahawa pembelian ini adalah tidak wajar dari apa jua segi sekali pun, mengapa Najib masih memaksa pembelian ini, yang diketahui adalah milik 'buddy golf'nya, yang tentunya membawa pelbagai dakwaan yang negatif!

Juga buat Pengerusi Felda, Shahrir Samad,



## ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

dalam setahun pemilikan EHP, apakah kegiatan dan pelaburan aliran yang kononnya adalah faktor pendorong pembelian EHP dahulu?

Tegasnya, dengan semua salah-laku pengurusan serta pelaburan yang sarat dengan kontroversi dan skandal kewangan ini, warga Felda khususnya dan rakyatnya umumnya, kini memberi 'Surat Tunjuk Sebab' mengapa Najib dan kerajaan BN tidak boleh dipecat! (baca dikalahkan).

Dengan kata lain dari 54 kerusi Felda di seluruh negara, Najib hari ini kaget dan panik memikirkan bahawa mengikut maklumat pihak 'think-tank' BN, bahawa Najib akan kalah paling tidak dalam 25 kerusi Felda, sementara Tun Dr Mahathir mahu kan warga Felda mengalahkan Najib-BN di 30 kerusi Felda yang persaingan sengit akan bakal berlaku.

Semoga Allah selamatkan rakyat dan negara ini dari penguasa dan kerajaan kleptokrat.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

## Saman fitnah: Tun M jauh berani dari Najib Razak

**SEMASA** Tun Mahathir Mohamad (Tun M) menjawat perdana menteri (PM) kita harus akui apa yang pembangkang tak kata pada Tun M.

Namun, saya bersetuju dengan Tun M yang kata dalam keterangannya di Mahkamah yang beliau tidak pernah saman sesiapa walaupun mereka mungkin memfitnah beliau.

Bagi saya, dalam hal ini Tun M adalah betul. Ini kerana sebagai PM beliau sentiasa terdedah kepada "public scrutiny" (pemerhatian awam) dan amat tidak wajar mana-mana PM menyaman sesiapa pun khususnya kes fitnah.

Apatah lagi, PM terlibat dalam pelantikan hakim termasuk ketua hakim negara (CJ). Saya masih ingat kata kata George Carmab QC, "Of course, politicians are



not angels, nor do we expect them to be".

Tetapi keadaan yang sama tidak berlaku kepada perdana menteri sekarang, Datuk Seri Najib Razak. Kerja beliau nak saman orang sahaja, tapi yang anehnya, dia tak mahu pergi mahkamah.

Apabila beliau saman mantan Pengarah Urusan Harakah dan Harakahdaily mengenai dakwaan memfitnahnya dalam isu 1MDB, saya dan Faiz Fadzil

mewakili Dr. Rosli dan Harakahdaily pada masa tu.

Kami bangkitkan isu pembelaan "fair comment" dan "qualified privilege". Najib buat permohonan untuk membatalkan pembelaan kami, tapi mahkamah menolak permohonan beliau. Patutnya kes kena bicara, Najib kena pergi mahkamah, kena duduk dalam kandang saksi dan saya berpeluang untuk soal balas (cross examine) dia, tapi tak kesampaian sebab meskipun kami menang, khidmat kami ditamatkan oleh Pas.

Bagi saya, jika betul Najib nak saman fitnah, beliau patut saman akhbar Perancis yang kaitkan dirinya dengan isu pembunuhan Altantuya, saman NYT yang kaitkan dia dengan isu 1MDB dan banyak lagi akhbar antarabangsa atau majalah. Baru

anak jantan!

Paling kurang mendiang Lee Kwan Yew, bekas perdana menteri Singapura berani juga saman FEER (Far Eastern Economic Review) dan berani juga pergi ke mahkamah untuk disoal balas oleh QC (Queen Counsel) iaitu George Carman QC yang digelar 'a superb cross examiner'.

Seperti mana sebuah akhbar mengulas tentang George Carman, "Asking questions, he is virtuoso" (bertanya soalan, beliau sangat berbakat).

Allah lebih tahu.

■ **Mohamed Hanipa Maidin ialah Ahli Parlimen Sepang dan Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH.**



# Patriot sokong mansuhkan undi pos

**K**UALA LUMPUR: Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) menyokong saranan Bersih 2.0 agar sistem undi pos diperbaiki ataupun dimansuhkan dan berpendapat kategori penjawat awam yang diberi kebenaran untuk mengundi secara pos patut dikurangkan dan bukan ditambah.

Presidennya, Brig Jen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, anggota polis dan tentera yang membentuk kumpulan terbesar pengundi pos juga sepatutnya tidak perlu mengundi secara pos memandangkan negara kini berada dalam keadaan aman.

"Tidak sama sewaktu kita berjuang menentang musuh-musuh negara, di mana sebahagian besar anggota berada dalam hutan ataupun bersiap sedia untuk diatur gerak menghadapi sebarang kecemasan.

"Kita sekarang berada dalam keadaan



**Brig Jen (B) Mohamed Arshad Raji**

aman dan anggota ditempatkan di pangkalan masing-masing.

"Senarai bertugas yang kemas dengan mudah akan membolehkan semua anggota keluar mengundi pada hari

pengundian," katanya.

Arshad menambah, perkara yang sama juga boleh dilakukan untuk semua jabatan dan agensi awam seperti imigresen, kastam, bomba dan penyelamat, penjara, kesihatan dan termasuk mereka yang bertugas pada hari pengundian.

Jelas beliau, pengurusan yang betul oleh pegawai atasan membolehkan semua penjawat awam di bawah jagaan mereka mengundi pada hari pengundian.

Menurutnya, pengundian secara pos harus dihadkan kepada anggota keselamatan yang menjalankan tugas negara dan tidak mampu kembali ke pangkalan dalam masa sehari, seperti membuat rondaan di laut dan maritim.

Arshad yakin proses pembuangan undi dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa pengundian secara pos sebagai-

mana dilakukan negara jiran.

Malah tambah beliau, Malaysia boleh melakukan perkara yang sama dengan lebih baik.

"Patriot ingin sekali lagi mendesak rakan-rakan kita dalam angkatan tentera dan polis yang sedang berkhidmat untuk menjalankan tugas demokratik mereka untuk mengundi tanpa rasa takut dan gentar.

"Mengundi juga merupakan tugas patriotik anda," ujarnya.

Arshad mengulas cadangan Bersih 2.0 kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya sistem pengundian secara pos diperbaiki ataupun dihapuskan sama sekali.

Bersih 2.0 mengkritik keputusan SPR menambah jumlah kategori pengundi pos dari sembilan kepada 12 kerana khuatir ia boleh disalahgunakan.

## PPBM failkan saman pemula terhadap RoS

**KUALA LUMPUR:** Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) memfailkan saman pemula terhadap Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 22 Feb lalu kerana gagal melaksanakan tugas dan tanggung jawab seperti mana termaktub dalam Akta Pertubuhan.

Tetuan Mohd Haniff Khatri Abdulla memfailkan saman pemula itu dengan Setiausaha Agung PPBM Datuk Dr Shaharuddin Md Salleh sebagai plaintif.

Bercakap kepada wakil media di ruang legar mahkamah, Mohd Haniff berkata, RoS telah mengeluarkan pelbagai kenyataan umum kononnya PPBM telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pertubuhan dan perlembagaan parti.

Tindakan RoS ini dibuat walaupun PPBM dari semasa ke semasa telah mengadakan perbincangan dan mengutus surat rasmi dengan jabatan itu namun tiada sebarang respon positif diperolehi.

"Memandangkan PPBM sudah berdaftar secara rasmi sejak 8 Sept 2016, PPBM telah laksanakan (kewajipan) menurut perlembagaan parti dan peruntukan Akta Pertubuhan.

"Oleh kerana perkara ini masih dipersoalkan tiba masanya PPBM bawa ke

mahkamah supaya mahkamah dapat beri keputusan adil," ujarnya.

Menurut Mohd Haniff, dalam saman pemula itu RoS dituntut bertanggungjawab menjalankan kuasa mengikut perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan dalam semua hal berkaitan PPBM.

Jabatan terbabit juga, ujar beliau perlu mengikut prosedur di bawah Akta Pertubuhan apabila menerima sebarang aduan ahli terhadap parti dan tidak mengeluarkan pernyataan awam berbau mala fide dan menyalahi Akta Pertubuhan.

RoS juga, jelas beliau diminta menyasat aduan yang dikemukakan mana-mana pihak terhadap PPBM menurut peruntukan undang-undang yang sama.

Justeru kata Mohd Haniff, sehingga mahkamah membuat sebarang keputusan, RoS tidak dibenarkan mengeluarkan sebarang pernyataan awam yang tidak memberi penjelasan tepat dan boleh menimbulkan salah faham terhadap PPBM.

Beliau juga berkata dokumen saman pemula itu turut dihantar kepada RoS.

Ditanya mengapa saman pemula ini tidak difailkan serentak dengan



**Mohd Haniff dan para pemimpin PPBM setelah memfailkan saman pemula terhadap RoS di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.**

semakan kehakiman yang dibuat oleh Pakatan Harapan sehari sebelumnya, Mohd Haniff menjelaskan, permohonan untuk pendaftaran PH mesti dikeluarkan melalui semakan kehakiman.

"Hari ini saya memfailkan satu deklarasi melalui saman pemula bukan semakan kehakiman. Parti berpendapat RoS tidak

mematuhi undang-undang dan sebenarnya RoS yang terlebih dahulu kena patuh kepada undang-undang," ujarnya.

Turut hadir di mahkamah ialah Naib Presiden PPBM Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Ketua Srikandi Rina Harun dan Ketua Penerangan Datuk Kamaruddin Md Nor.

## Mahkamah Rayuan bebaskan Adam Adli dari tuduhan menghasut

**PUTRAJAYA:** Aktivis Adam Adli dibebaskan daripada tuduhan di bawah Akta Hasutan setelah berulang alik ke mahkamah sepanjang empat tahun lalu.

Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Zawawi Mohd Salleh berkata terdapat salah arahan oleh Mahkamah Sesyen yang memerlukan campur

tangan Mahkamah Rayuan.

"Maka keputusan yang dibuat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen tidak dapat dipertahankan," kata Mohd Zawawi ketika membacakan keputusan 22 Feb lalu.

Dalam status di laman Facebooknya, Adam mengucapkan penghargaan di atas sokongan yang telah diberikan.

"Alhamdulillah. Dibebaskan dari tuduhan bawah Akta Hasutan. Terima kasih kepada semua yang sentiasa bersama dari awal hingga ke pengakhiran. Tak ternilai jasa kalian," ujar beliau.

Adam sebelum ini didapati bersalah membuat kenyataan berbaur hasutan dalam ceramah di Dewan Perhimpunan

Cina Selangor dan Kuala Lumpur (KLSCAH) pada malam 13 Mei 2013.

Pada 2014, Adam dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur tetapi hukuman itu ditukar kepada denda RM5,000 selepas rayuan di Mahkamah Tinggi.



# Indeks Persepsi Rasuah paling buruk

**KUALA LUMPUR:** Kemerosotan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) sepanjang 23 tahun diperkenalkan Transparency International (TI) mengejutkan rakyat negara ini.

Keadaan ini meletakkan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berada di kedudukan terburuk berbanding era kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang.

"Kepimpinan sembilan tahun Najib telah menyebabkan negara menduduki kedudukan tercorot berbanding dua bekas Perdana Menteri, Pak Lah dan Tun Mahathir," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Menurut beliau, prinsip integriti, ketelusan dan urus tadbir yang baik di negara ini semakin keterbelakang berbanding beberapa negara seperti China dan Indonesia yang memperlihatkan penambahbaikan.

"Pada tahun pertama CPI ini diperkenalkan meliputi 41 negara,

INDEKS PERSEPSI RASUAH 2017								
TARAF 2017	NEGARA	2017 SKOR	2016 SKOR	2015 SKOR	2014 SKOR	2013 SKOR	2012 SKOR	RANTAU
54	Italy	50	47	44	43	43	42	Eropah dan Asia Tengah
54	Mauritius	50	54	53	54	52	57	Sub Sahara Afrika
54	Slovakia	50	51	51	50	47	46	Eropah dan Asia Tengah
57	Croatia	49	49	51	48	48	46	Eropah dan Asia Tengah
57	Arab Saudi	49	46	52	49	46	44	Timur Tengah dan Afrika Utara
59	Greece	48	44	46	43	40	36	Eropah dan Asia Tengah
59	Jordan	48	48	53	49	45	48	Timur Tengah dan Afrika Utara
59	Romania	48	48	46	43	43	44	Eropah dan Asia Tengah
62	Cuba	47	47	47	46	46	48	Amerika
62	Malaysia	47	49	50	52	50	49	Asia Pasifik

TIWI The Malaysian Insight Infografik

Sumber: www.transparency.org

kedudukan Malaysia ketika itu berada di tengah-tengah iaitu di tangga 23 dengan skor pada skala 5.28 berbanding 10 (paling bersih) dari kedudukan sifar (paling korup).

"Ketika itu, China dan Indonesia berada di kedudukan terendah pada tangga 40 dan 41,"

kata Kit Siang.

Jelasnya, jika Malaysia mencatat peningkatan skor sebanyak 0.1 mata setiap tahun selama 22 tahun lalu, negara pasti berada pada kedudukan skor 7.58 yang akan meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-16 daripada 180 negara.



"Malangnya, kedudukan CPI Malaysia semakin merosot di tangga 62 daripada 180 negara dengan skor yang rendah daripada pertengahan," katanya lagi.

Justeru, tugas utama kerajaan Pakatan Harapan sekiranya berjaya mengambil alih pentadbiran daripada BN dalam pilihan

raya akan datang katanya adalah menubuhkan Pelan Induk Integriti Nasional bersama masyarakat sivil.

Ini bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara dalam Asia yang berintegriti, membasmi rasuah dan mengamalkan urus tadbir yang baik.

## Indeks rasuah sendiri cubaan bendung reputasi buruk

Oleh **ARIF ATAN**

**KUALA LUMPUR:** Cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mewujudkan indeks rasuah sendiri dilihat sebagai usaha membendung imej buruk dan reputasi negatif negara yang semakin merudum akibat amalan kleptokrasi.

Timbalan Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Tarmizi Mohd Jam berkata, cadangan yang disuarakan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad itu juga adalah langkah terdesak bagi melindungi

imej pentadbiran Najib.

Beliau turut merujuk kenyataan Pengerusi TI Malaysia, Datuk Akhbar Satar bahawa kegagalan kerajaan bertindak dalam skandal kewangan 1MDB dan keputusan mahkamah yang tidak memihak kepada 'whistle blower' seperti kes membabitkan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli menjadi salah satu punca merosotnya penarafan Malaysia.

Naib Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan itu juga mempertikai kenyataan Dzulkipli bahawa Malaysia sepatutnya mendapat status lebih baik

dalam laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) ekoran tindakan agresif dilakukan SPRM terhadap pelaku rasuah.

"Sudah berapa ramai daripada yang ditangkap itu dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhkan hukuman? Adalah sangat menghairankan apabila Dzulkipli berbangga dengan kes tangkapan rasuah yang meningkat.

"Tangkapan mesti disusuli dengan pendakwaan dan diakhiri dengan hukuman setimpal. Bukannya tangkapan menjadi hiasan TV, kemudian lepas dan bebas," bidasnya.

Berdasarkan laporan Transparency Inter-

national, Malaysia memperoleh 47 daripada 100 markah dalam CPI 2017 dan muncul di kedudukan ketiga di kalangan 10 negara Asean manakala Singapura teratas dengan 84 markah diikuti Brunei 62 markah.

Sehubungan itu, AMANAH Wilayah Persekutuan, ujar Tarmizi menyokong penuh langkah PH untuk mewujudkan Pelan Induk Integriti Nasional bersama masyarakat sivil bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara Asia yang berintegriti, membasmi rasuah dan mengamalkan urus tadbir yang baik jika membentuk kerajaan.

## SPRM dakwa cadangan indeks rasuah sendiri disalah faham

**PUTRAJAYA:** Setelah menerima kritikan umum, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjelaskan cadangan agensi itu mewujudkan indeks rasuah sendiri dibuat bagi memberikan gambaran sebenar berdasarkan realiti dalam negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dzulkipli Ahmad juga memberitahu data untuk indeks berkenaan bukan dikendalikan oleh agensi terbabit sebaliknya "badan yang ada kredibiliti".

Bercakap kepada media di sini, baru-baru ini, Dzulkipli berkata SPRM mencadan-

gkan kepada kerajaan dan terserah kepada mereka untuk melaksanakannya.

"SPRM cadangkan sebuah badan bebas yang boleh dianggotai pihak dari universiti, pertubuhan bukan kerajaan atau mana-mana kumpulan yang berwibawa, bukannya SPRM sendiri," katanya.

Dzulkipli juga menyatakan cadangan yang dikemukakannya pada 22 Feb lalu disalah erti oleh sesetengah pihak seolah-olah SPRM sendiri mahu mengendalikan indeks berkenaan.

Untuk membuktikannya beliau meminta wartawan yang membuat liputan

sidang media tersebut supaya menyemak semula kenyataan yang dibuatnya.

Kenyataan itu dibuat sebagai reaksi Dzulkipli kepada kedudukan terkini Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) antarabangsa oleh Transparency International (TI).

Melalui data terkini kedudukan Malaysia berada di tempat ke-62 bersama Cuba.

la adalah kedudukan terburuk pernah dicatat Malaysia sejak CPI dimulakan pada 1994.

Kata Dzulkipli sudah sampai masanya untuk Malaysia mempunyai indeks rasuah

sendiri kerana CPI itu adalah hasil tanggapan waga asing terhadap Malaysia.

"Kita kena faham ya, CPI itu adalah perspektif atau persepsi masyarakat ekspatriat, orang luar dan bukan persepsi masyarakat kita sendiri," katanya.

Justeru kata Dzulkipli wujud keperluan untuk Malaysia melihat situasi rasuah di negara ini berdasarkan realiti, bukan sekadar persepsi.

"Kalau kita lihat dari sudut tindakan, SPRM sudah buat dan saya rasa kita sudah melakukan yang terbaik untuk negara ini," katanya.



# Pertambahan 150% undi pos mencurigakan

**KUALA LUMPUR:** Pertambahan mendadak bilangan pengundi pos dan awal dari 400,000 pada pilihan raya umum (PRU) lalu kepada lebih 1 juta orang menjelang PRU14 menimbulkan kecurigaan Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar.

Menurut beliau, kenaikan besar 150% jumlah pengundi pos dan awal, daripada kira-kira 400,000 sewaktu PRU13 menidakan hak pengundi yang mahu melakukan perubahan politik.

"Kerisauan saya, pembolotan sistem undi pos yang menjurus kepada satu pihak sahaja mampu mengakibatkan parti pemerintah sedia ada menang kerusi parlimen marginal," katanya dalam satu kenyataan.

BN katanya, telah memenangi 30 kerusi parlimen pada PRU13 dengan undi majoriti rendah dan dengan bantuan undi pos; sehubungan itu tidak mustahil parti itu mampu menguasai dua pertiga kerusi Dewan Rakyat pada PRU14 akan datang.

Justeru itu, beliau mendesak Pengerusi SPR Tan Sri Mohd. Hashim Abdullah melaksanakan prosedur yang lebih ketat dan telus bagi meluluskan permohonan pengundi pos dalam negara.

Setakat ini anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, petugas hospital serta klinik kerajaan, sukarelawan polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi Pengurusan Bencana Negara dan Jabatan Pendaftaran Negara yang bertugas di Pusat Transformasi Bandar dikategorikan sebagai pengundi pos.

Nurul Izzah yang juga ahli parlimen Lembah Pantai mahu Pakatan Harapan diberikan hak untuk memantau dan

**“Harus diingat, bukan semua anggota keselamatan dan kesihatan yang akan dikerahkan pada hari pengundian. Jika tidak dipantau, ada kemungkinan bahawa penyelewengan undi mampu berlaku, seperti yang dibangkitkan sebelum ini...”**

menjaga peti undi pada hari mengundi pengundi pos.

Langkah ini, katanya penting bagi menjamin proses pengundian pengundi pos berjalan dengan telus.

"Harus diingat, bukan semua anggota keselamatan dan kesihatan yang akan dikerahkan pada hari pengundian. Jika tidak dipantau, ada kemungkinan bahawa penyelewengan undi mampu berlaku, seperti yang dibangkitkan sebelum ini," tegas beliau.

Menurut statistik SPR, pada PRU13 jumlah terkini Pengundi Awal dan Pengundi Tidak Hadir adalah merangkumi tentera dan pasangan berjumlah 162,519 orang, polis dan pasangan (112,697 orang), undi pos mengikut kawasan parlimen (142,367 orang) dan pengundi tidak hadir luar negara (3,243 orang).

Sehubungan itu, Nurul Izzah menyeru agar peraturan undi pos yang termaktub bagi anggota tentera, polis, media dan petugas pilihan raya dikuatkuasa sepenuhnya.

"Butiran tentang permohonan kertas undi pos yang perlu dikemukakan melalui majikan masing-masing,

serta lantikan Pegawai Penyelaras atau Pegawai Yang Bertanggungjawab oleh Ketua Jabatan ATM atau PDRM untuk menyelaraskan permohonan undi pos perlu dipantau bagi mengelakkan ketirisan," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Nurul Izzah turut menggesa SPR menjelaskan isu membabitkan pendaftaran pengundi di kem tentera Segamat, Paloh dan Hutan Melintang yang masih belum siap.

Sekiranya SPR bersikap terbuka tentang data pengundi, beliau yakin kontroversi yang timbul dapat dielakkan.

"SPR perlu sedar, rakyat hari ini semakin bijak dan mahu disalurkan maklumat tepat - termasuk data pengundi dan ketelusan setiap proses menghampiri hari agung PRU14. Keterbukaan SPR dalam urusan pilihan raya umum, berpotensi membuka lembaran baru dalam sejarah demokrasi tanah air," ujarnya yang juga pengarah bersama pilihan raya Keadilan.



Nurul Izzah Anwar

## Wang apa DAP terima dari taikun Kuok, tanya Guan Eng

**GEORGE TOWN:** Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng 26 Feb lalu menafikan partinya pernah menerima derma atau sumbangan daripada taikun Robert Kuok seperti yang dicadangkan beberapa laporan media arus perdana.

Beliau berkata walaupun Kuok mempunyai hak demokrasi untuk menyokong dan menyumbang kepada mana-mana parti politik seperti rakyat lain, DAP tidak menerima sebarang dana daripada beliau.

"Sebagai setiausaha agung, pemimpin nombor satu dalam parti, saya tidak tahu dia pernah memberi sumbangan kepada DAP. Kalau ada, saya sudah berterima kasih.

"Saya tidak boleh berterima kasih kerana dia tidak beri kita wang. Tetapi mereka guna perkara ini untuk buli Robert Kuok.

"Kami mahu perdana menteri, Umno dan setiausaha agungnya tunjukkan bukti Kuok ada beri wang kepada DAP," kata Guan Eng kepada pemberita di Komtar.

Penulis blog Raja Petra Kamarudin baru-baru ini mendakwa Kuok menyalurkan dana kepada DAP melalui anak saudaranya, James.

James bagaimanapun menafikan dakwaan itu.

Raja Petra juga mendakwa Kuok mempunyai agenda untuk menggantikan kepimpinan Malaysia dengan DAP supaya orang Cina boleh berkuasa.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor kemudian dilapor berkata Kuok harus ingat Malaysia negara majoriti Melayu.

Lim berkata kempen memburuk-burukkan Kuok sungguh-sungguh tidak wajar kerana ahli perniagaan itu harus dihormati kerana kejayaannya.

Beliau menggesa semua pihak termasuk pemimpin BN membaca memoir Kuok.

"Kamu mahu buli DAP dan Lim Guan Eng itu perkara biasa, tetapi untuk melakukannya terhadap Kuok, seorang lelaki berusia 94 tahun, itu melampau," katanya.

Ketua Ahli Parlimen DAP Lim Kit Siang juga menafikan pernah menerima dana daripada Kuok seperti yang didakwa Raja Petra.

# Robert Kok nafi taja pembangkang, mahu saman blogger

**KUALA LUMPUR:** Ahli perniagaan Robert Kuok menafikan menaja DAP untuk menjatuhkan kerajaan.

"iDakwaan-dakwaan ini tidak benar, Robert Kuok menafikan kesemua dakwaan itu," menurut beberapa media yang memetik kenyataan pejabatnya.

Jurucakap pejabat orang terkaya di Malaysia itu juga menegaskan Kuok berhak menyaman penulis blog Malaysia Today Raja Petra Raja Kamaruddin atas tuduhan yang dileparkan itu.

"Kuok dengan jelas menyatakan bahawa artikel Malaysia Today mengandungi fitnah yang serius. Tambahan pula, tuduhan itu adalah tidak benar dan serangan terhadapnya tidak seharusnya terjadi.

"Kuok mengambil serius tuduhan tidak berasas ini dan mencadangkan untuk mengambil langkah yang perlu terhadap Malaysia Today dan penulisnya bagi menghadapi tuduhan palsu yang terkandung dalam artikel berkenaan," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa tuduhan palsu itu turut mendakwa Kuok cuba memanipulasi proses politik Malaysia, melabel Kuok sebagai antikerajaan, perkauman dan Cina cauinis.

Pejabat Kuok turut menekankan bahawa sebarang tuduhan bahawa beliau "lupa asal-usul" adalah "tidak benar sama sekali".

"Kuok juga ingin menyatakan bahawa beliau sangat menghargai semua peluang yang diberikan kepadanya dan mengikti-

raf jasa rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang, bangsa dan agama terhadap pembangunan Malaysia sehingga hari ini selain komitmen berterusan yang diberikan oleh rakyat Malaysia dalam memastikan masa depan yang cerah bagi negara ini.

"Kuok memandang tinggi pemimpin Malaysia yang sepanjang hayatnya melakukan segala yang termampu untuk disumbangkan kepada kesejahteraan rakyat Malaysia," katanya.

Terpengaruh dengan tulisan Raja Petra, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, 25 Feb lalu, mengkritik Kuok dengan berkata ahli perniagaan veteran itu tidak patut lupa bahawa beliau menjadi usahawan gula hasil dasar kerajaan Malaysia.

Pemimpin Umno termasuk Datuk Tajuddin Abdul Rahman, Datuk Seri Nazri Aziz dan Tengku Adnan Tengku Mansor pula menyifatkan Kuok sebagai "tidak kenang budi".

Nazri malah menghina dan mencabar Kuok untuk bertanding pilihan raya.

Utusan Malaysia pada 23 Februari melaporkan dakwaan bahawa Kuok mempunyai agenda menggantikan pentadbiran kerajaan sedia ada dengan DAP bagi membolehkan kaum Cina menjadi pemerintah di negara ini.

Blogger pelarian yang beroperasi di Britain, Raja Petra Kamarudin mendakwa, bagi merealisasikan impian itu, Kuok amat menginginkan gelombang perubahan di kalangan orang Melayu.



Tun Mahathir mengulas perkembangan politik negara.



Tun Mahathir dan para pemimpin PH pada Sesi Santai Teh Tarik di Kampung Tampoi, Krubong.



# Jelajah Pakatan Harapan



Tun Mahathir menyambut mesra Mohamad sambil diperhati girang Tun Siti Hasmah dan Dr Wan Azizah.

Oleh ZULKIPLY HARUN  
| Foto WAN ZAHARI SALLEH

**ALOR GAJAH:** Mungkin satu kebetulan apabila Jelajah Pakatan Harapan (PH) yang sepatutnya dimulakan di Pulau Pinang akhirnya dimulakan di Melaka; negeri yang menerima kepulangan rombongan Tunku Abdul Rahman Putra sekembalinya Allahyarham daripada rundingan kemerdekaan di London pada 1956.

Seperti himpunan di Padang Merdeka, Bandar Hilir, Melaka pada 1956 yang menjanjikan episod baru bagi rakyat Malaya, himpunan di Taman Sungai Petai Permai 2, dekat sini, 25 Feb lalu turut menjanjikan harapan bagi membina semula negara.

Ribuan penduduk Alor Gajah daripada pelbagai lapisan masyarakat hadir pada program ceramah Jelajah Harapan Melaka yang

menampilkan para pemimpin utama PH. Ini adalah program pertama Jelajah PH yang bakal diadakan di seluruh negara sehingga pembubaran parlimen.

“(Perdana Menteri Datuk Seri) Najib (Razak) sedang membuat berbagai tindakan untuk mengalahkan PH, umpamanya sehingga sekarang PH tidak didaftarkan oleh RoS (Pendaftar Pertubuhan).

“Mereka bukan sahaja tidak daftarkan, tetapi tidak jawab surat permohonan dari kita,” ujar Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berucap.

Tun Mahathir yakin pendaftaran PH sengaja dilewatkan bagi menghalang parti gabungan PH menggunakan lambar yang sama dan terpaksa menggunakan simbol parti masing-masing dalam PRU yang akan diadakan pada bila-bila masa.

Bagaimanapun Tun Mahathir yakin walaupun pentadbiran Najib ‘takut’ untuk



Bersama melancarkan jentera pilihan raya PH Melaka.



Mohamad mengambil giliran berucap di pentas treler.



Ada yang berdiri dan duduk bersila mendengar ucapan para pemimpin PH.





Dr Wan Azizah berucap penuh semangat.

# dan bermula di Melaka

mendaftarkan PH, rakyat tetap mengetahui bahawa AMANAH, PKR, DAP dan PPBM adalah parti-parti gabungan PH.

Pengerusi PPBM itu turut menyentuh pelbagai kaedah yang dilakukan BN untuk mengalahkan PH seperti mengubah persempadanan kawasan pilihan raya dan memperluaskan kategori pengundi pos.

“Kita berharap pilihan raya yang akan datang ini adalah pilihan raya yang bersih, tidak ada penipuan oleh mana-mana pihak. Saya yakin jika pilihan raya ini bersih, PH akan dapat mencapai kemenangan,” ujarnya.

Justeru itu, Tun Mahathir menyeru rakyat supaya mengundi calon dari komponen PH dan menolak calon-calon yang menggunakan simbol dacing (BN) dan bulan (Pas).

Turut berucap pada majlis yang sama Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhy-

iddin Mohd Yassin dan Mohamad Sabu, Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP Anthony Loke dan Pengerusi PH Melaka Adly Zahari. Satu persembahan montaj yang menarik dari Media Oren turut dipersembahkan di majlis tersebut.

Sebelum itu, di sebelah petang para pemimpin PH telah menghadiri program-program berasingan antaranya Sesi Teh Tarik bersama Tun Mahathir di Krubong, program Bonda Aspirasi Harapan di Ayer Molek yang dihadiri Dr Wan Azizah, program Minum Petang menampilkan Mohamad Sabu di Merlimau Pasir dan rumah terbuka Tahun Baru Cina dihadiri Anthony Loke di bandar Melaka.

Sambutan hangat rakyat negeri Hang Tuah itu terhadap PH menjadi isyarat jelas bahawa mereka mahukan perubahan.

Jelajah PH seterusnya akan menemui rakyat di Taiping.



Tun Dr Siti Hasmah turut mengiringi Tun Mahathir di Alor Gajah.



Antara ribuan penduduk Melaka yang hadir di majlis ceramah PH.



Sepanduk menampilkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.



Ketibaan Tun Mahathir disambut rakyat pelbagai kaum.



Naib Presiden AMANAH yang juga Ketua AMANAH Alor Gajah Dr Hasan Baharom bersalaman dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin.



Pengerusi PH Melaka Adly Zahari sedang berucap.



# Penjawat awam tidak akan hilang kerja

**USAHA** Pakatan Harapan untuk menyusun kembali perkhidmatan awam bukannya bermaksud membuang kakitangan awam seperti yang ditakut-takutkan BN.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil berkata, penjawat awam tidak akan kehilangan pekerjaan jika Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya pada pilihan raya akan datang.

Menurutnya, penstrukturan perkhidmatan awam itu hanya melibatkan ahli politik yang dilantik menjadi menteri atau menguasai badan kerajaan atas lantikan politik sahaja.

"Walaupun kita akan kecilkan saiz Kementerian tidak bermaksud penjawat awam akan hilang pekerjaan. Masalahnya, sebelum ini Najib beri setiap kawannya jawatan menteri supaya ada peruntukan dan projek.

Pakatan Harapan akan kecilkan jawatan-jawatan politik supaya belanjawan Kementerian dapat dikawal. Kita nak kurangkan bajet Kementerian yang banyak menghabiskan duit selama ini.

"Jadi, walaupun kita kecilkan saiz Kementerian tetapi penjawat awam tidak akan terjejas," tegasnya dalam forum 'Kenapa Mesti Pilih Pakatan Harapan?' di Putrajaya, 25 Februari lalu.

Peguam berkenaan menyifatkan



komitmen Pakatan Harapan untuk menyelesaikan masalah ekonomi yang ditinggalkan Umno-BN akan menyumbang pada masa depan penjawat awam yang lebih baik.

"Kalau kita di Pakatan Harapan selesaikan isu ekonomi dan membasmi ketirisan, kita akan pastikan peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan akan lebih terjamin," tambah Faiz lagi dalam program anjuran Bersatu itu lagi.

Untuk rekod, jumlah kakitangan semasa bagi 33 menteri ialah 607 dengan perdana menteri dan isterinya

mempunyai 200 orang kakitangan.

Pakatan Harapan akan mengecilkan saiz jemaah menteri kepada sekitar hanya 20 orang dengan memastikan tiada pertindihan fungsi antara Kementerian.

Ini termasuklah pengurangan kakitangan awam untuk timbalan perdana menteri dan menteri-menteri. Oleh itu, lebih penjawat awam akan ditugaskan semula ke tugas baru yang berurusan secara langsung dengan rakyat.

# Projek perlu bincang dengan rakyat

**KETUA** Pemuda Pakatan Harapan Kedah, Asmirul Anuar Aris berpendapat sebarang cadangan projek perlu mengambil kira kepentingan dan hak masyarakat setempat.

Menurutnya, kerajaan negeri wajar terlebih dahulu meneliti kesan sesuatu projek yang dirancang terhadap kesejahteraan rakyat.

Beliau berpendapat, banyak masalah alam sekitar yang timbul akibat projek pembangunan di Aman Laut sekali gus menjeyaskan sumber pendapatan penduduk di Kuala Kedah ekoran tiadanya penekanan tersebut.

"Penduduk Kuala Kedah sekali lagi membantah Projek Aman Laut apabila berlakunya pencemaran, habuk, takungan air laut, bau busuk dan anak-anak terkena penyakit.

"Pokok bakau dimusnahkan secara rakus tanpa mahu berbincang dengan penduduk kampung bagi menyelesaikan masalah penduduk," katanya selepas bertemu penduduk terjejas baru-baru ini.

Sehubungan itu, Asmirul yang juga Ketua Pemuda AMANAH Kedah berharap rakyat menggunakan peluang pada pilihan raya akan datang untuk memastikan BN tidak lagi mendapat mandat di kerajaan negeri.

"Rakyat perlu bangkit menentang kezaliman Umno-BN yang lebih mementingkan syarikat besar.

"Umno-BN tidak mengambil peduli



tentang kesusahan rakyat yang kini dalam dilema untuk menuntut hak mereka," katanya

Turut hadir mendengar masalah nelayan setempat akibat projek tebus guna laut itu adalah Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail dan Exco Pemuda Bersatu Nasional, Muz-zammil Ismail.

Sejak 2016, punca pendapatan lebih 250 keluarga nelayan di sekitar kawasan Sematang Pinang, Kubang Rotan dan Seberang Kota semakin terjejas akibat projek Aman Laut yang dirancang seluas 49.4 hektar itu.

Penduduk mendakwa hasil laut di tepi pantai seperti kepah, lala, mentarang, ketam dan kerang semakin sukar diperoleh akibat kerja-kerja penambakan tanah.

Mengikuti Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), projek Aman Laut merupakan perbandaran baharu yang menempatkan banglo mewah, kondominium, pusat beli-belah serta komersial.

## Masih percaya BN dengar suara kita?

Oleh ARIF ATAN

"Dan kami dengar kesemuanya. Kini suara anda akan memacu perjalanan negara menuju ke arah 2050". Itu antara ungkapan yang terpapar pada iklan satu halaman penuh di akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia, 28 Februari lalu.

Ayat manis itu sempena penyerahan Kanvas Belia TN50 yang dimaklumkan disiarkan secara langsung di RTM1, TV3, Astro Awani dan FB Live @myTN50 pada hari itu.

Walhal, mesej sama kononnya Najib Razak mendengar suara rakyat terpampang di badan tren Komuter KTM dalam fokus memujuk lara pengundi di Lembah Kelang menjelang Pilihan Raya Umum 2013 lalu.

Selepas dua tahun mendapat kembali mandat, Kabinet Najib selamba mengenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang tidak terkecuali pada bayi yang baharu celik mata melihat dunia!

Kali ini, rakyat diberitahu ko-

nonnya kerajaan telah menerima lebih 60,000 'aspirasi unik' daripada anak muda selepas mendekati hampir dua juta rakyat sepanjang tahun lalu melalui pelbagai dialog dan program perampingan.

Bersama #TN50BermulaDenganSaya, kerajaan merumuskan harapan dan impian anak muda ke dalam apa yang dipanggil Kanvas Belia TN50 yang akan menjadi asas kepada masa depan Malaysia.

Bukan sedikit anak muda yang tertanya-tanya, benarkah kerajaan dikepalai Najib mendengar suara mereka ketika kecoh logo Tahun Melawat Malaysia Tahun 2020 dikedam bulan lalu pun, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Mohamed Nazri Aziz masih berkeras mahu menggunakan logo buruk itu?

Selepas puluhan tahun BN mendapat mandat untuk terus mentadbir kerajaan Persekutuan, adakah BN hanya sekadar mendengar tapi kemudiannya tidak dimurnikan dalam merangka polisi dan membuat keputusan?

Turut terpampang dalam iklan itu, wajah-wajah anak muda pelbagai kaum ketika umum sedia maklum banyak unit hartanah mewah diisi muka-muka warga asing bergelar ekspatriat dari latar korporat.

Bahkan, bukan sedikit unit rumah yang disiap dibina kosong tidak berpenghuni seperti didedahkan dalam Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini.

BN sebenarnya tidak mendengar pun masalah majoriti anak muda hari ini yang bergelut untuk mencukupkan keperluan hidup daripada untuk memastikan perut berisi serta mencukupkan biaya untuk mendirikan rumah tangga.

Bagi keluarga muda pula, sesak nafas membelikan susu anak dan barangan keperluan bayi manakala belia yang datang dari keluarga berpendapatan rendah menjadi sandaran bergantung nasib ibu bapa yang sudah di usia senja atau adik-beradik yang masih bersekolah.

Kos sara hidup melambung

tinggi dan harga sepinggan nasi campur minggu ini misalnya, tidak akan turun walaupun kerajaan minggu sebelumnya mengumumkan harga petrol dan diesel turun.

Realiti tanda harga mencecah belasan dan puluhan ringgit sekilogram pada pelbagai jenis ikan dan hasil laut serta keperluan dapur semakin menggigit perasaan ketika Najib asyik berdendang kononnya ekonomi negara serba serbi molek.

Menghampiri Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), media arus perdana yang dikuasai Media Prima Bhd terus menjadi alat jentera BN meracunikan pemikiran rakyat dengan menyiarkan pelbagai habuan.

Najib dan wakil rakyat BN terang-terang berkempen di TV dan akhbar ketika ironinya, Media Prima mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM669.66 juta sehingga akhir tahun lalu.

Walaupun Najib belum mengumumkan pembubaran Parlimen, BN yang sudah disinsonimkan

dengan Barang Naik juga sudah berkempen melalui siri jelajah ke negeri-negeri.

Galak benar BN memancing undi siap daripada aksi melolong ikan sehingga menyediakan cabutan bertuah seperti sebuah apartmen, satu lot tanah perumahan, satu lot tanah pertanian, sebuah kereta dan kenderaan pacuan empat roda!

Jelas, BN dilihat terdesak untuk menyambung hayatnya selepas PRU-14 ini. Pasti 14,806,185 pengundi berdaftar sehingga suku tahun ketiga 2017 dengan 41 peratus daripadanya berusia 40 tahun ke bawah tekad untuk menolak BN di kertas undi nanti.

Bersikap tidak peduli atau termakan dengan kempen undi rosak di media sosial anjuran sekelompok belia bahkan anak yang tidak lagi berapa muda lantaran prejudis tinggi terhadap Tun Mahathir tidak akan menyelesaikan masalah kita semua.



# Isu miskin bandar meruncing

Kelolaan **ARIF ATAN**

**K**etika Najib Razak mencanangkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan asing yang masuk ke negara ini serba positif, isu agihan ekonomi masih gagal ditangani.

Jurang pendapatan ini kemudiannya menyaksikan wujudnya masyarakat miskin bandar dengan anak-anak mereka berisiko tinggi mengalami masalah pemakanan, pendidikan dan keselamatan.

Hal ini dibuktikan melalui kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dengan kerjasama firma penyelidikan tempatan DM Analytics yang dibentangkan pada 26 Februari lalu.

Didapati 52 peratus isi rumah kos rendah di Kuala Lumpur dan Selangor tidak mempunyai wang mencukupi untuk membeli makanan sejak beberapa bulan lalu.

Laporan kajian itu mendedahkan 97 peratus isi rumah kos rendah di kawasan Lembah Kelang itu mengaku tidak dapat menyediakan makanan sihat kepada anak-anak mereka lantaran harga makanan yang mahal.



Mereka yang memperoleh pendapatan median

RM2,500 itu tinggal di 17 flat kos rendah di Kuala Lumpur dan Selangor membabitkan 996 isi rumah dan 2,142 kanak-kanak sebagai responden.

Pengarah Urusan dan Ketua Ekonomi DM Analytics, Dr Muhammed Abdul Khalid dalam laporan itu turut mendedahkan kanak-kanak di flat kos rendah mengalami kekurangan zat makanan lebih tinggi berbanding purata kebangsaan.

Kajian mulai 28 Ogos hingga 30 September tahun lalu itu turut menyaksikan ibu bapa tidak

mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Sebahagian kanak-kanak yang tinggal di rumah flat kos rendah terpaksa belajar di ruang tamu, berkongsi ruang dengan ahli keluarga lain yang menonton televisyen bahkan ada yang tidak mempunyai ruang belajar sama sekali.

Sehubungan itu, Dr Muhammed mengingatkan perlunya petunjuk kemiskinan



**Kebanyakan kanak-kanak di flat kos rendah di Kuala Lumpur mengalami masalah pemakanan sihat, pendidikan dan keselamatan.**

bagi kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur diselaraskan semula.

Menurutnya, kemiskinan kanak-kanak yang tinggal di flat kos rendah tidak harus diabaikan jika tidak mahu melihat masalah lebih besar dalam tempoh 30 tahun akan datang.

"Sekiranya anda tidak membetulkannya, inilah generasi 2050. Sekiranya anda tidak menanganinya, ia akan menghantui

kita dalam masa 30 tahun akan datang," tegasnya.

Tambahnya lagi, kegagalan menangani gejala tersebut dibimbangi akan menjerumuskan Malaysia kepada risiko lemahnya pasaran buruh akibat tahap pendidikan dan produktiviti yang rendah sekali gus menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

# Mahasiswa ada hak bersuara

## KEPUTUSAN

mahkamah pada 27 Februari lalu berhubung kes mengangkat sepanduk pada forum awam 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Universiti Malaya (UM) akhirnya berpihak kepada mahasiswa.

Kejayaan empat mahasiswa daripada Persatuan Belia Baru Universiti Malaya (Umany) mencabar keputusan tatatertib yang dikenakan pihak pentadbiran bukti pelajar mempunyai hak



kebebasan bersuara.

Terdahulu, UM mensabitkan mereka bersalah melanggar peraturan tatatertib kerana mengangkat sepanduk ketika

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda Kandasamy sedang berucap pada 11 Oktober 2016.

Mereka terbabit memegang sepanduk bertulis "mahasiswa mahukan jawapan", "1MDB jangan spin", "1MDB - Kami mahu jawapan", dan "1MDB - Kembali

wang rakyat".

Namun, program anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) itu terus berjalan tanpa gangguan.

Penuntut yang terlibat ialah bekas Presiden Umany, Ho Chi Yang; Timbalan Presiden Umany, Tan Jia You; Ketua Biro Publisiti Umany, Chua Hun Ti dan Setiausaha Agung Umany, Lau Li Yang.

Mereka kemudiannya didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Universiti dan pada mulanya didenda antara RM200 hingga RM600. Keempat-empat pelajar itu turut menerima amaran keras selepas rayuan.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 13 September 2017 membenarkan pelajar terbabit mencabar keputusan tatatertib yang dikenakan universiti mereka.

Peguam kepada kumpulan pelajar itu, Lim Wei Jiet dilapor berkata, mahkamah melihat asas mencabar keputusan universiti yang mensabitkan pelajar sebagai tidak remeh dan



**Selepas dua tahun aksi protes mahasiswa UM ini, akhirnya keputusan mahkamah berpihak kepada mereka.**

menyusahkan.

Beliau berpendapat universiti tidak mematuhi peraturan jawatankuasa tatatertibnya sendiri ketika prosiding kes itu dijalankan apabila melanggar peraturan keadilan sejagat dan pendakwaan dengan bias.

"Ini adalah kerana pegawai universiti yang menyediakan pendakwaan juga adalah orang yang sama mempengerusikan pendengaran tatatertib itu dan

akan menentukan sama ada pelajar bersalah atau tidak," kata Lim.

Sebelum ini, kes UM8 juga menyaksikan UM kalah untuk mengenakan mahasiswa dengan tindakan tatatertib serta Akta Universiti dan Kolej Universiti (Auku).

Kedua-dua kes tersebut dilihat memberi mesej kepada pentadbiran universiti supaya menghormati hak kebebasan bersuara pelajar.



**Empat mahasiswa daripada Umany meraikan kemenangan bersama rakan aktivis. Foto FB Asheeq Ali**



# Mengapa Pok Ya Cong Codei jadi fenomena?

ENTAH mengapa hari itu ketika sedang melayan fesbuk tiba-tiba muncul telefilem *Pok Ya Cong Codei* di laman maya saya. Pelik dengan nama Cong Codei itu dan mengetahui ia karya Sabri Yunus, walaupun sudah bertahun tak menonton drama atau filem di televisyen, hari itu saya menonton *Pok Ya Cong Codei*, tanpa mengetahui ia sebuah karya terbaru Sabri yang baru saja dimainkan di televisyen.

Tak ada apa-apa kesan yang istimewa atau luar biasa. Sabri Yunus bercerita tentang orang-orang Kelantan. Sebelum ini pun pernah aku melihat drama tv yang dia bercerita tentang orang Kelantan yang datang ke Kuala Lumpur.

Dan beberapa hari kemudian saya melihat *Pok Ya Cong Codei* itu sudah viral di fesbuk. Dan beberapa hari kemudian ia sudah jadi seperti satu fenomena. Eh, mengapa ya? Apa istimewanya filem PYCC ini hingga mendapat sambutan begitu hebat sekali, terutamanya dalam kalangan orang Kelantan?

Dan tiba-tiba Faisal Abdul Aziz Setiausaha Agung Abim menghubungi saya minta bercakap mengenai filem itu dalam satu wacana yang akan dibuat di ibu pejabat Abim di Taman Cemerlang Gombak, 27 Februari, bersama dengan Sabri Yunus sendiri.

Oleh kerana bersetuju dengan permintaan Faisal, mulai saat itu mulalah saya berfikir serius mengenai filem PYCC – apa istimewanya. Sengaja saya tak menontonnya semula di *Youtube* untuk melihat apa yang ingin saya cari itu kerana saya lebih percayakan kesan daripada pertemuan yang pertama, untuk menilai sesebuah karya.



**Satu wacana berkaitan telefilem Pok Ya Cong Codei yang dibuat di ibu pejabat Abim di Taman Cemerlang Gombak, 27 Februari, bersama dengan Sabri Yunus sendiri.**

Pertama, mengapa saya mendapat kesan bahawa PYCC itu hanya sebuah filem tvi yang biasa? Jawabnya ialah kerana saya cenderung melihat hasil kerja-kerja seni dalam sebuah filem, yang bermaksud keindahan penggambaran, lakonan yang bergaya dan mengesankan, sudut-sudut permainan kamera yang artistik, pencahayaan yang menimbulkan mood dan suasana, latar lanskap yang boleh menangkap atau memukau pandangan dan sebagainya.

Semua hal itu memang tidak ketara dalam PYCC. Lalu apa yang ketara? Yang ketara ialah perwatakan Pok Ya yang dilakonkan oleh Sabri Yunus sendiri. Memang pada diri Pok Ya itu ada keistimewaan. Bukan saja istimewa kerana

seorang lelaki berusia 40-an atau 50-an berkahwin perempuan muda belasan tahun yang cantik, tetapi istimewa yang sehingga seorang peguam kaya yang tinggal di Kuala Lumpur terpaksa balik ke kampung di Kelantan mencari Pok Ya untuk dibawa ke Kuala Lumpur bagi mencari anak perempuannya yang hilang.

Dan istimewanya Pok Ya bukan sebagai bomoh mencari orang hilang dengan ilmu jampi serapah tetapi dengan ketokohan dan kehebatannya sebagai seorang 'gedebe' yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah manusia yang biasanya berkait dengan dunia samseng atau gengstar, melalui hubungannya dengan orang-orang muda yang meng-



hormatinya dan sanggup bekerja membantu mengikut arahnya.

Maka saya merumuskan PYCC jadi fenomena kerana perwatakan Pok Ya itu yang dilakukan dengan bersahaja tetapi cemerlang oleh Sabri Yunus. Pok Ya lakonan Sabri itu bukan gedebe sebarang gedebe tetapi itulah manusia gedebe yang dihormati dan disanjung rakyat Kelantan. Gagah, berani, keras tetapi di dalamnya ada kelembutan dan kasih sayang. Ada kelebihannya dan ada kekurangannya.

Selain itu sebutan "Cong Codei" (sebutan salah oleh Pok Ya terhadap ejaan 'Concorde') itu sendiri juga adalah suatu tarikan kepada orang ramai. Saya sendiri pun. Ia seperti memberi sentuhan magik kepada filem itu, yang saya percaya Sabri pun tak menjangkanya.

Dalam prosesnya menghasilkan sekian banyak filem sehingga kini, dengan minat dan cintanya yang mendalam terhadap seni dan budaya Kelantan, saya kira Sabri telah menemui dan menebatikan dan mensenyawakan dirinya dengan watak Pok Ya itu hingga orang Kelantan telah melihat Pok Ya gedebe itu di dalam diri Sabri. Kini Sabri itulah Pok Ya dan Pok Ya itulah Sabri. Andainya filem ini dilakukan oleh orang lain ia tak akan diminati seperti itu.

**BERSAMBUNG KE MUKA 21**

## Faktor Abdul Hadi, Pas punca Pakatan Rakyat bubar

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

**A**PA dan siapa pun puncanya, realitinya Pakatan Rakyat sudah berkubur. Tragedi itu amat menggembarakan Umno. Sukar ditolak, Umno berperanan besar menguburkan Pakatan Rakyat.

Caranya ialah memperdaya Pas dalam isu yang sangat Pas minati iaitu pelaksanaan undang-undang Islam atau ringkasnya hudud. Siapa boleh nafi peranan Asyraf Wajdi dan Jamil Khir

dalam tragedi ini?

DAP memutuskan hubungan dengan Presiden Pas, bukan dengan Pas pada awalnya sebagai tindakbalas kepada beberapa tindakan Presiden Pas sendiri yang tidak menghormati keputusan Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat.

Bukankah Ustaz Abdul Hadi Awang gagal menepati janjinya sendiri kepada Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan 2015 akan dibincangkan pada Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat terlebih dahulu?

Bukankah pembentangan RUU 355 oleh

Abdul Hadi dibuat tanpa terlebih dahulu dibentangkan kepada AJK Pusat PAS serta Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat?

Sikap Abdul Hadi membelakangkan pimpinan partinya sendiri dan pimpinan Pakatan Rakyat kerana termakan dengan janji pemimpin Umno bahawa Umno akan sokong usaha Pas dalam isu ini.

Saya konsisten untuk berkata Abdul Hadi dan Pas punca Pakatan Rakyat bubar. Di belakang tabir tragedi ini adalah tanggungan pemimpin Umno.

Jika Abdul Hadi konsisten dengan permuafakatan dalam PR dan tidak terpen-

garuh dengan Umno, PR tak akan bubar.

PR tak mahu beri ruang kepada Islam, macam mana Pas nak bersama? Pelaksanaan Islam itu hanya alasan Pas sahaja untuk kuburkan PR kerana Pas sudah terpesona dengan janji Umno.

Kalau DAP menghalang pelaksanaan Islam di Kelantan, mengapa selepas PR bubar dan DAP tak ada satu kerusi pun di Kelantan, undang-undang Islam menurut acuan Pas tak berjalan juga?

Dan paling tak boleh lupa, MB Kelantan dah letak jawatan?



# 'Terima kasih bersama perjalanan ini'

**T**ANGGAL 18 Mei 2013, kira-kira lima tahun yang lalu, saya ditahan bawah Akta Hasutan 1948 selepas 1948 selepas menyampaikan sebuah ucapan di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor. Ucapan berapi-api yang tersebar luas melalui media sosial itu akhirnya menyebabkan saya disumbatkan ke dalam rumah pasung di Jinjang selama seminggu.

Sepanjang minggu itu jugalah, rumah pasung Jinjang yang selalunya sunyi di waktu malam menjadi meriah dan bising. Tiap malam, ratusan jika tidak ribuan hadir untuk bersolidariti dengan menyalakan lilin, menconteng dinding kompleks tahanan, membina arca protes, menyanyi, berpuisi, dan berucap. Dari dalam ruang tahanan, saya dapat dengar suara orang ramai setiap malam. Itulah pemberi semangat buat saya waktu itu.

Tidak cukup dengan tahanan yang sama sekali tidak wajar tersebut, di hari akhir tahanan, saya diheret pula ke Mahkamah Kuala Lumpur di Jalan Duta untuk didakwa sebelum boleh dilepaskan. Mahkamah Sesyen akhirnya bersetuju dengan kes yang diajukan oleh pendakwaraya. Saya diperintah untuk mula membela diri.

Selain saya, lima orang lagi teman seperjuangan turut menjadi mangsa. Sebaik saya dibebaskan pada sebelah pagi, Tian Chua, Safwan Anang, Haris Ibrahim, Tamrin Ghafar, dan akhir sekali Hishamuddin Rais mulai ditahan seorang demi seorang. Kesemua kami didakwa bawah akta yang sama, oleh pendakwa yang sama.

September 2014, selepas lebih setahun turun naik tangga mahkamah, akhirnya hukuman pertama dijatuhkan ke atas saya – 12 bulan atau setahun pemenjaraan. Mujur juga teman-teman yang bersama sudah bersedia dengan sebarang kemung-

kinan. Saya dijamin keluar dan menyambung rayuan sehingga ke peringkat lebih tinggi.

Usaha merayu tersebut membuahkan sedikit hasil. Pemenjaraan saya akhirnya dianggap sebagai tidak wajar, an Mahkamah Tinggi pada Februari 2016 menggantikannya dengan denda maksimum sebanyak RM5,000.00. Dalam keadaan ditekan dengan sebegitu banyak kes-kes lain selain Akta Hasutan tersebut, pengurangan hukuman adalah berita yang sudah cukup baik. Tentu sekalilah pejabat Peguam Negara tidak berpuas hati.

Pejabat Peguam Negara yang tidak berpuas hati ini telah menghantar rayuan semula kepada Mahkamah Rayuan, agar hukuman lebih tinggi, atau dalam erti kata lain, pemenjaraan dipulangkan kembali ke atas saya. Apabila pejabat Peguam Negara menyambung rayuan mereka, pihak yang mewakili saya tidak berdiam diri.

Akhirnya kami mencabar semula bukan sahaja hukuman, malah pendakwaan ke atas saya itu sendiri. Mungkin ada yang menganggap ianya berisiko tinggi dan hanya menempah kegagalan. Baik sahaja dicabar hukuman, biarlah kekal bersalah asalkan tidak ke penjara. Mujur, pasukan peguam saya – termasuk Eric Paulsen dan Lateefa Koya ini orang lama dan sudah biasa dengan sepak terajang aktivisma politik. Mereka percaya bahawa saya tidak pun bersalah, dan akta tersebut adalah akta yang harus ditentang habis-habisan.

Atas semangat ini, kami menempuh sekali lagi buat kali terakhir proses panjang



ADAM ADLI

universiti ketiga



Suasana ceria dan gembira selepas Mahkamah Rayuan pada 22 Februari 2018 lalu membebaskan Adam Adli.

mahkamah untuk mendapatkan kembali keadilan buat diri saya. Pasukan peguam yang mewakili saya disertai oleh nama besar dunia perundangan, Profesor Gurdial sebagai ketua peguambela. Dengan sokongan beliau, kes yang diajukan oleh kami mulai menjadi makin kuat.

Akhirnya, 22 Februari 2018, seminggu yang lalu, segalanya tamat. Kemenangan dipulangkan kepada saya. Bukan sahaja hukuman penjara berjaya diketepikan, malah keseluruhan pendakwaan ke atas saya digugurkan. Panel Mahkamah Rayuan mendapati terdapat salah arah yang serius dalam pendakwaan ke atas saya.

Selama lima tahun, itulah yang saya lalui. Benar, saya berjaya mengelakkan hukuman penjara selama setahun, namun tanpa disedari, penjara lain yang mengurung

saya selama lima tahun. Proses mahkamah yang memenatkan, wang ringgit yang dibelanjakan, masa dan sebagainya – hanya untuk menuntut kebenaran dan keadilan, itulah penjara yang saya lalui bersama keluarga dan teman-teman selama lima tahun.

Hari ini, saya dan yang lain dapat menarik nafas lega. Kebebasan akhirnya milik saya, keluarga, dan teman-teman semula. Tinggal lagi, satu-satunya perkara yang membuat saya terkilang adalah kemenangan ini tidak dapat dikongsi bersama penyokong nombor 1 saya sejak hari pertama ditahan, arwah Ayah.

Terima kasih kepada semua yang bersama sepanjang perjalanan ini. Kemenangan tempoh hari, saya pulangkan kepada kalian semua. Terima kasih.

## Mengapa Pok Ya Cong Codei jadi fenomena?

DARI MUKA 20

MELALUI PYCC Sabri telah berjaya mengangkat realiti kehidupan dan budaya rakyat Kelantan ke peringkat nasional. Ini suatu kejayaan besar, yang turut memberi kebanggaan kepada orang Kelantan.

Seperti dibincangkan dalam wacana petang Selasa lalu, Sabri telah mengangkat realiti ke dalam filem, seperti yang dilakukannya dalam beberapa filem sebelum ini, tetapi dalam PYCC inilah dia menyempurnakannya.

Dan mengangkat realiti ke dalam filem bukanlah satu kerja mudah. Ia memerlukan kemahiran tersendiri. Sabri telah melepasi kesukaran itu, dan dia telah

pun menemui gaya penceritaannya atau naratifnya sendiri, dan malah bahasa filemnya sendiri.

Dan Sabri secara sedar memilih rakyat dan budaya Kelantan sebagai bahan utama penceritaan filem-filemnya (saya sebut filem sahaja walaupun kategorinya ialah drama tivi). Di sini saya melihat dan membandingkan keseniman Sabri Yunus dengan keseniman para sasterawan yang bercerita dan mengangkat realiti masyarakat ke dalam karya sastera – novel dan cerpen.

Maka tentulah wajar kalau para pengkaji seni-budaya dan sastera kita mula memberikan perhatian kepada kerja-kerja seni yang dilakukan oleh Sabri Yunus!

Secara berseloroh dalam wacana Abim itu saya katakan juga bahawa faktor lain mengapa minat orang ramai begitu besar terhadap Pok Ya ialah kerana watak manusia gedebe istimewa ini ditampilkan tepat pada waktu masyarakat Malaysia sedang kehilangan kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin yang ada di sekeliling mereka, di peringkat bawah hinggalah ke peringkat atas.

Pok Ya hadir membawa perwatakan pemimpin yang diperlukan masyarakat Malaysia sekarang. Suatu kebetulan. Tetapi terlepas dari konteks itu, perwatakan Pok Ya Cong Codei sebenarnya kalau diamat-amati adalah suatu perwatakan yang agak istimewa dan unik dalam khazanah kesenian dan kesusasteraan

Melayu.

Saya teringat watak lain yang istimewa begitu ialah watak Utih dalam karya teater Usman Awang. Ini menyebabkan saya melihat serius kerja seni Sabri yang PYCC merupakan karya filem/drama tivinya yang ke-22, bermula dengan "Sanggul Beracun" (2011) yang mengejutkan peminat-peminat filem dengan beberapa keistimewaan bagi filem pertama seorang pengkarya.

Sanggul Beracun mendapat anugerah skrin 2012 bagi kategori drama terbaik, sinematografi terbaik, skrip terbaik dan pengarah terbaik.



# Tun M calon terbaik pulihkan ekonomi negara

**PARIT SULONG:** Presiden AMANAH Mohamad Sabu yakin pengalaman selama 22 tahun sebagai perdana menteri melayakkan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan semula ekonomi negara.

Ini kerana jelas beliau, kehidupan rakyat semakin terhimpit ekoran pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kejatuhan nilai ringgit.

“Sebab itu kita kena kembalikan ekonomi Malaysia, dan pemimpin yang layak memimpin kita dua tiga bulan lagi ialah Tun Dr Mahathir Mohamad,” katanya.

Mohamad berucap di hadapan lebih 2000 hadirin pada program Jelajah Harapan di Seri Medan, Parit Sulong, 22 Feb lalu.

Pada Konvensyen Pakatan Harapan (PH) di Shah Alam, 7 Jan lalu, Tun Mahathir diumumkan sebagai calon perdana menteri manakala Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon timbalan perdana menteri.



Ribuan penduduk sekitar Parit Sulong hadir pada majlis ceramah PH di Seri Medan.

Turut diumumkan penyelesaian pembahagian kerusi parlimen di Semenanjung Malaysia bagi keempat-empat parti yang

menyaksikan PPBM bertanding di 52 kerusi diikuti Keadilan (51), DAP (35) dan AMANAH (27).

Pengumuman calon perdana menteri itu juga sekaligus membolehkan PH meningkatkan sokongan Melayu menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang bakal diadakan pada bila-bila masa.

“Hari ini laporan indeks persepsi rasuah antarabangsa, Malaysia di tangga ke-62. Di zaman Tun Mahathir kita capai kedudukan 30 atau bawah 30, tapi sekarang 62.

“Ertinya rasuah makin teruk. Saya yakin PH dapat perbaiki indeks ini bila kita ambil alih kerajaan,” katanya.

Mengulas tohmahan sesetengah pihak khususnya Umno dan sekutunya bahawa pemilihan Tun Mahathir hanya bakal mengulangi episod ‘kepimpinan diktator’, Mohamad berkata PH mempunyai mekanisme sendiri untuk memastikan ia tidak akan berlaku.

“Sebab itu janji kita, Perdana Menteri tidak boleh lebih daripada dua penggal,” katanya.

## Tekad menangkan PH di Temerloh

**TEMERLOH:** Sesi dialog bersama Jawatankuasa AMANAH Negeri Pahang berlangsung 24 Feb lalu bagi merungkai beberapa persoalan yang timbul termasuk isu peruntukan kerusi yang telah dipersetujui oleh Pakatan Harapan (PH).

Wakil Jawatankuasa AMANAH Nasional yang hadir ialah Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir, Pengarah Komunikasi yang juga Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad serta Ketua Wanita AMANAH Nasional yang juga Ahli Parlimen

Kota Raja Dr Siti Mariah Mahmud.

Pertemuan yang berlangsung di Pejabat AMANAH Pahang itu dihadiri Pengerusi AMANAH negeri Dr. Hamzah Jaafar dan ahli jawatankuasa AMANAH negeri.

Sementara itu, pertemuan dengan para pemimpin AMANAH Nasional juga dimanfaatkan pemimpin AMANAH negeri bagi membangkitkan semangat jentera parti untuk bersatu dan bekerja keras memenangi kerusi parlimen Temerloh.



Perbincangan pemimpin AMANAH Pusat dan AMANAH Pahang berlangsung di Temerloh.

## Label anti-Islam budaya ISIS @ Daesh

**DARI** sudut modus operandi, sebelum ISIS @ Daesh mengisytiharkan kelompok Islam yang berbeza dengan mereka boleh diperangi dan halal darah, selalunya mereka akan menuduh kalangan yang berbeza dengan mereka sebagai “anti-Islam” atau “musuh Islam”.

Malangnya pendekatan ISIS ini semakin kedengaran dalam kerangka politik di Malaysia. Mangsa tuduhan ini adalah rakan-rakan dari Parti Amanah Negara dan DAP.

Lebih menakutkan apabila pihak kerajaan, mahupun Jabatan Agama Islam dan institusi mufti, tidak pernah mengeluarkan sebarang pandangan ataupun



**PENDAPAT**  
WAN JI WAN HUSSIN

kenyataan untuk membanteras amalan ini.

Perlu diingat, perbezaan pandangan atau pendekatan dalam perkara yang melibatkan Islam tidak membolehkan kelompok yang berbeza pandangan digelar sebagai “anti-Islam”. Contohnya, kritikan terhadap pengurusan Tabung Haji, tidak bermakna ia

“Perlu diingat, perbezaan pandangan atau pendekatan dalam perkara yang melibatkan Islam tidak membolehkan kelompok yang berbeza pandangan digelar sebagai “anti-Islam” ...”

mengkritik ibadat Haji. Begitu juga, apabila ada yang tidak bersetuju dengan pendekatan dilakukan oleh golongan yang menggunakan label Islam seperti Pas, mereka tidak boleh dianggap sebagai ‘anti-Islam’.

Di Syria dan Iraq, apabila pendekatan Jabhah al-Nusrah berbeza dengan ISIS; Walau-

pun Jabhah al-Nusrah itu dari kalangan Muslim, mereka telah dituduh oleh ISIS sebagai anti-Islam. Lebih sadis, selepas itu ISIS menghalalkan darah kalangan Jabhah al-Nusrah.

Malahan, al-Qaradawi dan al-Raisuni juga pernah menjadi mangsa tuduhan sebagai anti-Islam oleh ISIS ekoran kritikan dua

ulama besar ini terhadap amalan ISIS. Malahan al-Qaradawi dahulu pernah dituduh sebagai “ulama berhala” oleh Taliban, ekoran kritikan al-Qaradawi terhadap kumpulan itu yang meruntuhkan patung (Buddha) Bamiyan di Afghanistan.

Saya kira, pendekatan ISIS ini tidak wajar berlaku dalam negara kita, Malaysia. Malahan institusi Islam ataupun mufti dalam negara wajar melihat perkara ini dengan serius dan berusaha untuk membanterasnya.

**Wan Ji Wan Hussin ialah pegawai perenerangan di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan aktivis Angkatan Muda Keadilan (AMK).**



# BN 'panas' isu peneroka llok selesai

Oleh **ARIF ATAN**

**S**HAH ALAM: Pengerusi AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim menyifatkan Umno-BN sebenarnya berada dalam keadaan 'panas' apabila kerajaan negeri berjaya menyelesaikan masalah peneroka di Mukim llok yang berlarutan selama 18 tahun.

Menurut beliau, BN sengaja mengheret isu peneroka di llok menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) ketika langkah penyelesaian kerajaan negeri di bawah pentadbiran Datuk Seri Azmin Ali memberi faedah kepada peneroka terlibat.

"Umno-BN sebenarnya yang 'panas' bukan kerajaan negeri Selangor. Perkara ini sudah selesai dan peneroka sudah dapat hak mereka. Yang panasnya BN sebab dia punca sebenarnya segala masalah ini.

"Merekalah punca sebenar masalah ini berlarutan begitu lama. Syarikat kroni Umno-BN gagal melaksanakan amanah dalam membangunkan tanah peneroka seperti yang telah dijanjikan," ujarnya ketika dihubungi.

Sehubungan itu, Izham berpendapat Umno-BN berada dalam situasi tertekan kerana langkah penyelesaian isu di llok yang melibatkan ramai peneroka memberi lonjakan besar kepada imej positif Pakatan Harapan (PH).

"Mereka (Umno-BN) cuba mahu kelencong bahawa kerajaan negeri di bawah PH beri tanah pada syarikat lain. Walhal syarikat itu bukan kroni mana-mana pihak.

"Datuk Seri Azmin pun tiada kepentin-

gan dalam syarikat itu seperti yang dituduh.

"Syarikat itu memang betul-betul pemaju yang profesional dan mampu melaksanakan projek yang asalnya mereka (Umno-BN) gagal," jelas beliau.

Tambah Izham, pakej yang ditawarkan syarikat pemaju berjaya membetulkan kebuntuan dan dalam masa sama rakyat dan kerajaan negeri masing-masing mendapat bahagian.

Beliau berkata, langkah penyelesaian kerajaan negeri di bawah pentadbiran Azmin membolehkan peneroka terbabit memperoleh rumah dan pampasan yang tidak mereka peroleh ketika BN menguasai Selangor sebelum ini.

"Daripada hilang semua (tanah), syarikat itu masuk dan pakejkan balik dengan bank. Hasilnya, hutang dengan bank selesai. Tanah penduduk tidak sangkut lagi dengan bank. Semua pihak dalam situasi menang-menang.

"Pada peringkat awal dulu, tanah peneroka terbabit dirampas sebab kerajaan negeri tidak dapat bayar tuntutan yang tinggi mencecah ratusan juta ringgit," jelasnya.

Mengulas lanjut, Izham berkata, kerajaan negeri Pakatan Harapan mewarisi kegagalan pentadbiran BN yang lebih mengutamakan kepentingan syarikat kroni mereka berbanding hak rakyat.

"Isu tanah di llok ini dulu masa zaman BN, peneroka ada perjanjian dengan syarikat-syarikat kroni Umno-BN. Jadi ada janji tertentu, tanah ini kononnya akan dimajukan manakala peneroka dijanjikan dapat duit dan rumah.



Ir Izham Hashim

"Tapi projek itu gagal bukan sahaja di llok bahkan banyak lagi projek berdepan masalah sama antaranya seperti di Sungai Buaya.

"Kes tanah yang sudah dicagar kepada bank ini, kerajaan negeri terpaksa warisi daripada BN memegang kuasa dulu," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan BN kononnya kerajaan negeri Selangor di bawah pentadbiran Pakatan Harapan bersikap lepas tangan dalam isu pampasan peneroka llok.

"Projek dilakukan selepas dapat persetujuan penduduk. Bukannya kerajaan negeri buat dulu, baru tawarkan pada penduduk. Mereka daripada awal sudah ditawarkan. Penduduk setuju baru boleh jalan projek ini.

"Lantaran dapat persetujuan semua pihak berkaitan iaitu bank dan penduduk, baru bo-

leh jalan projek. Sudah lebih dua tahun pun. "Sebahagian besar peneroka berpuas hati daripada hilang semua tapi sekarang mereka dapat juga bahagiannya masing-masing," tambahnya lagi.

Untuk rekod, masalah melibatkan 987 peneroka di llok berlarutan sejak pentadbiran BN apabila mereka menyerahkan hak milik tanah kepada syarikat kroni Umno-BN pada 2000 tetapi pampasan tidak dijelaskan.

Pada 2004, peneroka terbabit dijanjikan pampasan dan rumah bernilai RM180,000 tetapi tidak ditunaikan sebaliknya kroni Umno-BN menggadai tanah itu kepada bank.

Bekas Menteri Besar, Tab Sri Abdul Khalid Ibrahim cuba untuk merampas tanah daripada kroni Umno-BN pada 2010 dan dibenarkan oleh pihak mahkamah.

Namun, kerajaan negeri perlu membayar pampasan ratusan juta ringgit pada bank. Akibatnya, 30 kes mahkamah difailkan antara kerajaan negeri, bank dan syarikat.

Ketika peneroka bimbang bank akan melelong tanah mereka, kroni Umno-BN meninggalkan syarikat tersebut dan diambil alih pengurusan baru.

Kerajaan negeri di bawah pentadbiran Azmin kemudiannya berjaya menyelesaikan isu tersebut yang menyaksikan syarikat swasta membayar pampasan kepada setiap peneroka terbabit berjumlah RM180,000 dan rumah bernilai sekurang-kurangnya RM400,000.

## Angin perubahan bertiup di Muar

Oleh **HUSIN MAHAT**

**MUAR:** Angin perubahan politik kini bertiup di Muar ekoran kepekaan penduduknya terhadap isu-isu nasional dan lokal.

Malah kunjungan kerap ketua Pemuda PPBM Syed Saddiq Syed Abdul Rahman ke daerah itu mendapati penduduk amat kesal dengan sikap wakil rakyat mereka yang mahu terus bersekongkol dengan pemimpin kleptokrat.

"Memang benar saya kerap turun Muar. Ini kerana saya percaya Muar yang merupakan Bandar Diraja dan juga Mutiara Johor adalah kunci bagi Pakatan Harapan untuk menawan Putrajaya," kata Syed Saddiq.

Beliau turut mengingatkan ahli parlimen Muar yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim tentang teguran penduduk daerah itu terhadap ahli Majlis Tertinggi Umno itu.

"Setiap kali saya turun ke Muar, saya ditanya kenapa pemimpin yang kami pilih masih bersekongkol dengan perasuah negara walhal pemimpin jiran di Pagoh berani bersuara mene-

-ntang golongan kleptokrat," katanya.

Malah tambah beliau, penduduk Muar juga bertanya mengapa pemimpin mereka tidak ambil kisah tentang kenaikan kos sara hidup yang semakin membebankan.

"Penduduk Muar terus dengan soalan mereka mengapa mereka sukar mendapat peluang pekerjaan meskipun pada hari minggu kita melihat lambakan warga asing membanjiri Bandar Maharani," tambah Syed Saddiq.

Menurut beliau, statistik Kementerian Sumber Manusia menunjukkan jumlah pekerja asing yang memiliki 'pas lawatan kerja sementara' pada 2014 mencecah 2.1 juta manakala pendatang tanpa izin seramai 4.6 juta.

"Rakyat Muar bertanya mengapa mereka diketepikan? Setiap kali saya turun ke Muar, saya diaju pelbagai soalan. Soalan-soalan yang menunjukkan tidak kira lah siapa yang bertanding di Muar, penduduk Muar peka dengan realiti nasional dan lokal. Angin perubahan semakin dirasakan di Muar.

"Apa yang saya boleh katakan di sini, Pakatan Harapan mendengar suara penduduk Muar. Pakatan Harapan ingin membangunkan Muar kerana kami percaya Muar adalah Mutiara Johor," katanya lagi.



**SEMAKAN DAFTAR PENGUNDI...** Pelbagai persediaan dibuat bagi menghadapi pilihan raya umum yang menjelang tiba. Di Tapah, AMANAH Kawas Tapah mengadakan program semakan daftar pemilih bagi membantu orang ramai mendapatkan maklumat pendaftaran pemilih. Berbekalkan telefon android, para petugas diketuai Naib Ketua AMANAH Tapah Mejar (B) Dr Nazri Hashim membantu orang ramai membuat semakan di laman portal Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Program yang berlangsung di hadapan sebuah pasaraya mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Mereka juga menerima hadiah buah mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina.



## Wakil rakyat tak ambil peduli Empat tahun jambatan runtuh

Oleh MOHD ALI HASHIM

**S**IK: Sikap tidak peduli wakil rakyat BN yang mewakili Dun Belantek untuk membantu mengatasi masalah jambatan runtuh di Kampung Landai dan Kampung Melaka sejak empat tahun lalu amat mengecewakan penduduk.

Jambatan yang menjadi laluan utama penduduk dua kampung tersebut untuk berulang-alik ke masjid, sekolah dan juga kebun tidak dibaik pulih walaupun aduan telah dibuat beberapa kali.

Tinjauan yang dibuat turut mendapati jambatan itu merentangi sungai dan amat merbahaya kepada penduduk yang menggunakan laluan tersebut.

Penduduk yang ditemui, Harun Che Tam berkata, setakat ini sudah tiga orang yang terjatuh dan mengalami kecederaan kerana jambatan rosak itu tidak diperbaiki.

"Kami sudah pun membuat aduan kepada wakil rakyat BN tersebut, tapi sehingga kini sudah empat tahun tiada apa yang mereka lakukan.

"Yang mereka maklum pada kami tiada peruntukan, sedangkan jambatan ini men-

jadi laluan utama untuk pelajar Sekolah Kebangsaan Gulau dan juga jemaah Masjid As-Solihin.

"Akibat ketidakpedulian tersebut, kami penduduk kampung berusaha untuk membaiki dengan meletakkan dua keping papan bagi memudahkan penduduk; tetapi ia semakin uzur dan amat merbahaya," keluhnya.

Sementara itu Timbalan Ketua AMANAH kawasan Sik, Abdul Rashid Abdullah berkata, wakil rakyat sepatutnya bertindak apatah lagi setelah empat tahun penduduk membuat aduan.

"Ke mana perginya Ahli Parlimen Sik yang



Harun Che Tam



Jambatan runtuh terpaksa digunakan penduduk walaupun merbahaya.

diterajui oleh wakil rakyat Umno dan BN. "Apakah Adun Belantek yang juga Exco kerajaan negeri tidak peduli masalah penduduk yang rata-ratanya penoreh getah. "Takkanlah tidak ada peruntukan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah ini, sedangkan jambatan ini amat tinggi dan

merbahaya serta sudah usang dan senget penghadangnya," kesal beliau.

Oleh kerana itu, beliau menasihati penduduk dua buah kampung itu supaya menilai prestasi wakil rakyat yang mereka pilih dan melakukan perubahan dalam pilihan raya umum ini.

## Umno perlu jelaskan mengapa tanah Perda dijual murah



Guan Eng merasmikan pecah tanah projek perumahan mampu milik kerajaan negeri di Kampung Kepala Gajah, Sungai Bakap.

**SUNGAIBAKAP:** Umno Pulau Pinang didesak segera menjelaskan isu penjualan tanah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) yang dijual di bawah harga pasaran sejak dibangkitkan dua tahun lalu.

Isu ini menjadi pertikaian sejak sekian lama dan laporan telah dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), namun tiada sebarang tindakan diambil.

"Penjualan tanah tersebut merugikan kerana mengikut harga pasaran yang sebenar bernilai RM16.6 juta, sebaliknya ia telah dijual dibawah harga pasaran hanya RM1.4 juta sahaja.

"Sehingga kini, Umno Pulau Pinang masih lagi tidak memberi apa-apa respon meng-

enai isu ini, walaupun telah beberapa kali ia dibangkitkan," kata Ketua Menteri Lim Guan Eng.

Guan Eng ditemui semasa majlis pecah tanah projek perumahan mampu milik kerajaan negeri di Kampung Kepala Gajah, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sebelum ini Pengerusi Perda Datuk Shabudin Yahya telah diminta untuk menjelaskan kedudukan sebenar isu penjualan tanah berhampiran Kampung Tok Keramat, Seberang Perai Selatan.

Malah ujarinya lagi, pendedahan mengenai penjualan tanah seluas 3.46 hektar di Mukim 9, Seberang Perai Selatan tersebut telah pun dibangkitkan sejak tahun 2016.

"Penjualan tanah di bawah harga pasaran



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA... Lebih 3,000 penduduk Teluk Intan hadir pada majlis rumah terbuka sambutan Tahun Baru Cina anjuran Pakatan Harapan Perak, baru-baru ini. Sambutan hangat penduduk tempatan ini membuktikan sokongan tidak berbelah bahagi komuniti Tionghoa terhadap Pakatan Harapan yang diharap bakal menerajui negara selepas pilihan raya umum ini. Majlis berlangsung di dewan sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina. Antara yang hadir memeriahkan majlis Pengerusi AMANAH Perak Asmuni Awi dan Pengerusi DAP negeri Nga Kor Ming. "Bersama kita bina semula negara!"

tersebut menyebabkan kerugian besar mencecah RM15.2 juta.

"Ia adalah suatu kepentingan awam dan tidak harus dipandang ringan oleh Umno Pulau Pinang.

"Oleh kerana itu adalah diharapkan Pengerusi Umno Pulau Pinang dapat men-

jawab persoalan ini dengan segera," tegasnya lagi.

Hadir sama dalam majlis pecah tanah itu Ahli Parlimen Nibong Tebal, Datuk Mansor Othman, Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap, Datuk Maktar Shapee serta para pemimpin kerajaan negeri.



# BN gagal agih kerusi punca PRU lewat

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**R**ANTAU PANJANG: Ramai menyangka BN berada dalam keadaan stabil dan kepimpinan Datuk Seri Najib Razak dapat mengawal dengan baik parti-parti dalam pakatan itu.

Namun Pengarah Jentera Pilihan Raya AMANAH Nasional, Dr. Hatta Ramli mendedahkan perebutan kerusi antara parti-parti dalam BN kini amat hebat.

"Akibat persempadanan semula kawasan pilihan raya, parti-parti bukan Melayu BN (khususnya di Semenanjung) boleh lenyap dari muka bumi Malaysia selepas pilihan raya nanti," ujar beliau ketika berucap merasmikan jentera pilihan raya Pakatan Harapan (PH) Rantau Panjang di Lubok Jong, dekat sini, 22 Feb lalu.

Dengan menjadikan kawasan pilihan raya didominasi kaum tertentu, katanya tiada lagi kawasan bukan Melayu yang boleh dimenangi BN khususnya MCA, Gerakan dan MIC.

"Sebab itu parti-parti bukan Melayu berebut-berebut untuk bertanding di kawasan majoriti Melayu.

"Misalnya kawasan Cameron Highland

menjadi rebutan antara MCA dan PPP (Baru)," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Salleh Said Keruak yang mahu semua parti komponen BN menyerahkan kepada Najib untuk menentukan calon pilihan raya.

"Ini menunjukkan perundingan berkaitan kerusi di kalangan mereka telah gagal. Inilah antara sebab sampai sekarang Najib tidak dapat menentukan tarikh pembubaran parlimen untuk memanggil pilihan raya umum," katanya.

Suasana ekonomi yang tenat juga, tambah beliau menjadikan BN begitu takut untuk berhadapan dengan pilihan raya.

"Bayangkan sejumlah 7 juta isi rumah iaitu 23 peratus daripada rakyat tertunggu-tunggu Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) walaupun jumlahnya tidak seberapa.

"Sedangkan sebelum ini kita diuar-uarkan kononnya tiada lagi kemiskinan dan kemiskinan tegar telah turun tidak sampai satu peratus," katanya.

Negara juga katanya begitu bergantung kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sedang pentadbiran semua perdana menteri terdahulu boleh berjalan dengan



**Dr Hatta Ramli (tiga dari kiri) menyerahkan bendera AMANAH seusai merasmikan jentera pilihan raya PH Kelantan kepada Ahmad Termizi Ramli.**

baik tanpa GST.

"Dahulu rakyat dapat menikmati pelbagai kemudahan seperti subsidi barangan keperluan asas dan biasiswa pelajar hingga ke universiti berbanding sekarang," katanya.

Mengenai AMANAH Rantau Panjang yang dipimpin orang-orang muda berpendidikan tinggi, beliau yakin itu petanda parti itu akan

mencapai kejayaan.

"Walaupun parti ini masih baru, kita mendapat kepercayaan golongan profesional seperti doktor dan peguam.

"Dulu ketika saya dalam parti lama, begitu lama kita tunggu untuk ada peguam dan golongan profesional lain ikut serta," katanya.



**BOOTH PEDULI RAKYAT...** Prihatin dengan peningkatan harga barangan keperluan harian akibat pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), AMANAH Kawasan Tambun menganjurkan Booth Peduli Rakyat. Gerai ini menawarkan barangan keperluan harian yang lebih rendah daripada harga pasaran. Program ini mendapat sambutan hangat penduduk setempat yang hadir bagi mendapatkan barangan dapur seperti beras, gula dan tepung.



**SEMBANG SANTAI...** Pelbagai program penerangan dilaksanakan AMANAH dan Pakatan Harapan (PH) Perak menjelang pilihan raya umum (PRU) yang bakal berlangsung pada bila-bila masa. Di Kampung Air Kuning, Taiping diadakan program Sembang Santai Bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Changkat Jering Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin. Selain bekas menteri besar Perak itu, program santai tersebut turut dihadiri Pengerusi AMANAH negeri Asmuni Awi dan Ketua Pemuda AMANAH negeri Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim.



**ZIARAH AKTIVIS VETERAN...** Kesempatan pulang ke kampung halamannya di Perlis baru-baru ini, Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir meluangkan masa menziarahi aktivis veteran, Khoo Yang Chong (kiri sekali) di Taman Utara, Jejawi. Beliau yang mesra dengan panggilan Cikgu Khoo kini bersama AMANAH. Cikgu Khoo pernah menggalas tanggung jawab selaku Pengerusi Dewan Himpunan Penyokong Pas (DHPP) Perlis sebelum ini. Kebetulan semasa kunjungan, beliau turut diziarahi seorang sahabat Sami Buddha yang datang dari Bangkok, Thailand. Foto BASHIR ISHAK.



# Orang Asli perlu bersama kerajaan baru

Oleh ZIKRI ABDULLAH

**G**UA MUSANG: Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang mahu masyarakat Orang Asli menyertai sama kerajaan baru Pakatan Harapan (PH) yang bakal ditubuhkan nanti.

"Kalau tak ada wakil rakyat kita akan lantik senator dari kalangan mereka untuk pastikan kelompok ini dapat pembelaan yang wajar," katanya ketika berucap sebelum melawat tapak sekatan

(blockade) ke kawasan pembalakan, 26 Feb lalu.

DAP katanya, berjuang untuk seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau mana-mana kelompok.

"Saya telah 50 tahun berjuang untuk rakyat Malaysia. Perjuangan untuk mereka yang tertindas, tidak kira apa kaum atau bangsa mereka," katanya.

Isu Orang Asli katanya satu isu besar kerana ia melibatkan perkara asas kehidupan mereka.

"Sekarang sumber kehidupan, tempat

mereka bergantung hidup diancam. Hutan yang jadi hak mereka kini dirosakkan secara tiada perikemanusiaan," katanya.

Mengulas kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Abdullah yang mengakui tidak tahu menahu mengapa Orang Asli membuat sekatan, Kit Siang menganggap kenyataan itu amat tidak wajar dikeluarkan seorang pemimpin negeri.

Lim Kit Siang mengambil masa hampir empat jam beramah mesra dengan

masyarakat Orang Asli.

Di kampung Parik beliau diraikan dengan dipakaikan pakaian tradisional masyarakat Orang Asli dan acara sambutan ringkas.

Beliau kemudian melawat tapak sekatan di Chawas di samping mengadakan sesi dialog dengan wakil-wakil perkampungan Orang Asli.

Rombongan beliau diiringi Timbalan Pengerusi PH Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.



Lim Kit Siang (tengah) tiba di Chawas, tempat sekatan Orang Asli.



Sesi dialog berlangsung di pondok tempat sekatan Orang Asli di Chawas.

## AMANAHAH teruskan perjuangan Tok Guru Nik Aziz

**PENKALAN CHEPA:** Setelah ketiadaan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, Pas meninggalkan legasi tinggalan Almarhum iaitu menjalin kerjasama dengan semua pihak yang melawan Umno.

Malah Pengerusi AMANAH Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata parti itu semakin tersasar jauh apabila ingin bertanding di 130 kerusi Parlimen seluruh negara.

"Apakah sejarah 1978 ingin diulang semula," soal beliau ketika berucap di majlis Pelancaran Jentera Pakatan Harapan (PH) Parlimen Pengkalan Chepa, dekat sini, baru-baru ini.

Pemimpin Pas Kelantan sekarang, katanya ialah mereka yang tidak merasai perjuangan awal di bawah Tok Guru Nik Aziz.

"Di mana Menteri Besar, Datuk Ahmad

Yakob dan timbalannya serta exco-exconya ketika melalui saat getir membangunkan parti.

"Di mana mereka pada 1977 ketika Pas menjadi ibu tunggal selepas bercerai dengan BN. Tentu tiada siapa yang dapat mengesan di mana mereka," katanya.

Pada tahun 1978 katanya Pas bertanding 98 kerusi Parlimen seluruh negara dan menang satu kerusi iaitu Pengkalan Chepa.

"Di peringkat Dun hanya menang 2 kerusi. Bayang mereka pun tidak ada waktu itu," katanya.

Kelibat mereka juga, katanya tiada pada tahun 1982 ketika Pas menang 10 kerusi Dun dan 4 kerusi Parlimen.

"Ketika Pas kekal dengan 10 kerusi DUN dan 1 kerusi Parlimen iaitu Pengkalan

Chepa pada tahun 1986, mereka masih tidak ada," katanya.

Apabila berlaku perpecahan besar dalam Umno menjelang pilihan raya umum 1990 katanya, Pas yang mengatur kerjasama dengan Semangat 46 dan beberapa parti lain menang mutlak di semua kerusi Dun dan Parlimen Kelantan.

"Pun mereka ini masih tidak nampak muka," katanya.

Menurut Cikgu Rahim yang juga Pengerusi Pilihan Raya Pakatan Harapan (PH) Kelantan, para pemimpin kerajaan negeri sekarang hanya muncul pada 1995.

"Mulai pilihan raya umum tahun itu mereka muncul, setelah semua hutan rimba dan duri perjuangan telah selesai ditebang tebas oleh angkatan yang

berjuang bersama Tok Guru yang memerintah Kelantan pada 1990.

"Mereka tidak merasa pun keperitan berjuang melawan Umno-BN sebelum itu," katanya.

Kini kata beliau kumpulan yang bersama arwah Tok Guru bangkit bersama AMANAH.

"Khususnya di Kelantan, siapakah yang akan dihadapi oleh kepimpinan Pas di dalam PRU14 ini?"

"Tidak lain yang akan dihadapi oleh mereka nanti ialah saki-baki pejuang yang telah bersama Almarhum Tok Guru pada tahun 1990 dahulu.

"Mereka kini sedang memimpin kemaraan AMANAH bersama dengan para pelapis generasi baru," katanya.

## Calon TPM wanita PH satu pencapaian besar negara

**RANTAU PANJANG:** Menamakan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri (TPM) adalah satu pencapaian penting negara.

Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Norashidah Jaafar berkata dalam sejarah negara ini jawatan setinggi itu bagi wanita seperti mimpi.

"Dengan keputusan PH mencalonkan wanita sebagai TPM, semua wanita perlu bangkit bersama untuk membentuk sebuah kerajaan baharu selepas pilihan raya nanti," katanya ketika berucap di majlis Pelancaran Jentera Pilihan raya Pakatan Harapan (PH) Rantau Panjang, baru-baru ini.

Menurutnya, nasib wanita di negara ini perlu terus dibela kerana mereka mempunyai potensi untuk meningkatkan diri.

"Saya berpengalaman dalam bidang penjagaan armalah (ibu tunggal) di bawah kerajaan negeri Kelantan.

"Di Kelantan ada 70,000 ibu tunggal yang terpaksa hidup penuh derita kerana tidak ada mekanisme pembelaan untuk mereka.

"Bayangkan bila seorang wanita muda telah menjadi janda pada usia muda dengan anak antara hingga lima orang terpaksa bersendirian membesarkan anak-anak," katanya.

Beliau yakin, jawatan timbalan perdana

menteri yang disandang seorang wanita dalam kerajaan PH mampu mengetengahkan agenda membela wanita.

Menurutnya, Wanita PH nasional telah menggariskan tujuh halatuju untuk wanita bila terbentuk kerajaan baharu nanti.

"Antara perkara penting adalah memperkasakan wanita dari segi ekonomi. Kita akan memastikan setiap wanita akan terbela dari segi ekonomi sama ada mereka ada suami atau tidak ada suami.

"Skim mikro kredit seperti Amanah Ikhtiar akan diperluas dan dibuat penambahbaikan supaya benar-benar membantu dan bukannya satu penindasan

terhadap mereka yang menyertainya," jelas beliau.

Norashidah menyeru wanita supaya bergerak aktif untuk bersama menyebarkan gelombang rakyat menjatuhkan kerajaan kleptokrasi.

"Sekarang kita sudah ada gabungan mantap pelbagai parti dengan tokoh-tokoh besar termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menerajui pentadbiran.

"Kita menyeru para suami supaya memberi peluang kepada semua kaum wanita keluar memberi penerangan supaya tidak ada yang tertinggal bersama selamatkan Malaysia," katanya.



# Demokrasi mengangkat daulat rakyat dan khaira ummah

**SEPERTI** yang sering saya katakan sebelum ini, hidup ini tidak bermakna sekiranya rakyat atau umat tidak berada di tempat mulia di dalam negara. Kita juga tahu bahawa majoriti pemikir dan penggerak umat menerima demokrasi sebagai jalan atau wasilah mengangkat martabat rakyat. Menerusi demokrasi rakyat boleh digerak untuk mendaulatkan dirinya.

Demokrasi juga bakal membebaskan rakyat dari berminda mentimun. Demokrasi dapat menyelamatkan rakyat dari budaya takut yang menjerat dan menjerut diri mereka. Oleh itu sekiranya demokrasi dapat dituangkan ke dalam jiwa dan pemikiran rakyat terbanyak ia bakal merubah cara berfikir dan bertindak mereka.

Strategi 'pembodohan rakyat' oleh sang penguasa tidak akan dapat disuburkan sekiranya gerakan pendaulatan rakyat berjalan di negara ini. Tokoh di alam Melayu yang pertama memperkenalkan konsep daulat rakyat, Bung Hatta pada 20 September 1931 yang menggariskan makna konsep ini dalam pendahuluan terbitan sulung majalah *Daulat Rakyat* seperti berikut:

*Bagi kita rakyat itu yang utama, rakyat umum yang mempunyai kedaulatan, kekuasaan (sovereiniteit) kerana rakyat itu jantung hati bangsa. Dan rakyat itulah yang menjadi ukuran tinggi rendah darjat kita. Dengan rakyat kita akan naik dan dengan rakyat kita akan turun.*

Demokrasi juga dapat mengelakkan dari kediktatoran dan kezaliman. Seperti yang diungkapkan oleh Sheikh Dr. Ahmad Al-Raisuni dalam bukunya *Syura Dan Demokrasi Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah*:

*Sebahagian pemimpin sebenarnya tidak berniat untuk muncul sebagai seorang diktator, tetapi sikap dan perasaannya itu tumbuh sedikit demi sedikit.*

*Apabila orang yang memegang kuasa dibiarkan berfikir, bertindak, membuat keputusan, menyuruh dan melarang secara bersendirian tanpa ada yang menegur, menasihati dan membangkang, maka apakah yang didapati darinya selain kediktatoran dan kezaliman?*

Firman Allah SWT dalam surah al-Alaq, ayat 6 yang bermaksud:

"Ketahuilah! bahawa manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya)."

Bukankah inilah yang telah membuatkan Firaun menjalankan pemerintahan dan berhubung dengan manusia seperti Firman Allah SWT dalam surah Ghafir ayat 29 yang bermaksud:

"Musa berkata: 'Wahai kaumku! Pada hari ini kepunyaan kamulah kuasa memerintah dengan bermaharajalela di muka bumi (Mesir dan sekitarnya); tetapi kiranya keadaan bertukar) maka

siapakah yang akan membela kita dari azab Allah kalau azab itu datang menimpa kita?' Firaun berkata: 'Aku tidak mengesyorkan kepada kamu melainkan dengan apa yang aku pandang (elok dijalankan), dan aku tidak menunjukkan kepada kamu melainkan jalan yang benar.'"

Setiap orang diktator menggunakan kaedah yang sama, sama ada mereka mengakuinya ataupun tidak. Sebagaimana syura melindungi rakyat daripada kediktatoran pemimpin, maka syura juga melindungi pemimpin daripada kecondongan untuk menjadi diktator yang sedia tersemat di dalam dirinya.

Apabila kita membaca firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf ayat 54 yang bermaksud:

"(Dengan yang demikian) maka Firaun memperbodohkan kaumnya, lalu mereka mematuhinya; sesungguhnya mereka itu adalah kaum yang fasik (derhaka)."

Perlembagaan Mesir dan Tunisia yang ditulis semula pada 2014 telah memasukkan peruntukan yang antara lain berbunyi, "Kedaulatan itu hanya milik rakyat". Kedaulatan rakyat yang kita bicarakan pada masa ini harus dikaitkan dengan konsep Islam "khaira ummah" seperti firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 110 yang bermaksud:

"Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah."

Khaira ummah merujuk kepada umat yang unggul, umat yang mulia, umat yang terhormat bukan umat atau rakyat yang boleh diperlecehkan. Dengan lain perkataan tiada siapa dari kita boleh mendakwa kita adalah umat terbaik sekiranya kita tidak memiliki kedaulatan.

Seperti mana yang pernah dibicarakan oleh guru saya, Dr Siddiq Fadhil bahawa khaira ummah itu tidak menepati maksudnya apabila rakyat atau umat berada dalam suasana pembodohan dan perlecehan. Umat yang 'khair' adalah umat yang unggul dan berdaulat, yang memiliki kehormatan, yang memiliki harga diri.

Khaira ummah menurut Za'ba, adalah wajib mendapat kejayaan bagi umat. Pendeta Za'ba mengungkapkan firman Tuhan dari surah Al-Mulk ayat 2 yang bermaksud:

"Tuhan yang telah menjadikan hidup dan mati kerana ia hendak menguji, mencuba kamu siapakah daripada kamu yang lebih baik kerjanya."

*Kehidupan dalam dunia ini adalah kehidupan beramal atau bekerja, kehidupan berjuang dan berlawan-lawan*

*seperti dalam perlumbaan. Tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan baha-giannya sendiri dengan tidak bergantung kepada orang akan menyempurnakannya. Ia sendiri mestilah merasa bertanggung jawab bagi menyempurnakan kewajipan dirinya dan tanggungannya dalam perjuangan dan perlumbaan itu.*

*Maka yang akan menang dalam perlumbaan itu hanyalah orang yang tetap, tekun dan sabar dalam menjalankan kerja-kerja kewajipannya itu dengan bergantung kepada ikhtiar dan daya upaya dirinya sendiri dan permohonan pertolongan hanya kepada Allah sahaja. (Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri: Za'ba – Edisi Khas Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2009)*

Oleh itu apa yang diperkatakan oleh Za'ba di atas tidak akan mungkin berlaku sekiranya anggota masyarakat atau rakyat tidak berada dalam golongan umat terbaik, khaira ummah itu. Apakah semua ini dapat dilaksanakan kalau rakyat masih dibelenggu, diikat oleh suasana dan keadaan "jiwa hamba" atau "minda tawanan".

Umat tidak menjadi khair dan umat akan terus luka kalau ia tidak dirawat oleh perjuangan pembebasan. Jiwa hamba, minda tawanan digantikan dengan jiwa merdeka seperti mana yang sering kita laungkan petikan puisi-puisi Burhanuddin Al-Helmy, "Di atas robohan Kota Melaka, kita dirikan jiwa merdeka".

Umat tidak dapat melaksanakan amal soleh tanpa berada dalam kebebasan, berdaulat tidak terikat atau dikongkong oleh mana-mana kuasa. Hanya umat yang khair sahaja yang dapat melaksanakan amal soleh sebagai perbuatan baik oleh manusia sesuai dengan fitrah manusia yang mampu membedakan antara baik dan yang buruk.

Manusia yang bebas dapat menyesuaikan diri dengan panggilan jiwa dalam memenuhi segala keperluan dan sentiasa berada dalam lingkaran kasih sayang. Sekali lagi tidak mungkin amal soleh itu boleh dilaksanakan oleh mana-mana umat yang tidak memiliki keunggulan, kebebasan dan kedaulatan.

Memetik dari Dr Akram Kassab dalam kitabnya "Al-Intikhabat: Ahkam wa Dawabit" sesungguhnya pilihan raya dalam sistem demokrasi itu adalah satu proses penyaksian.

Sebahagian sarjana pula berpandangan bahawa pilihan raya adalah mirip dengan penyaksian atau pencadangan. Ini kerana setiap individu rakyat dipinta untuk memberi penyaksian ke atas calon, adakah ia layak atau tidak atau memberi kesaksian kepada individu tertentu.



Orang pertama yang menyatakan pandangan sebegini ialah Syeikh Hasan al-Banna. Sebenarnya, penulis mengangap pada asalnya datang dari Dr. Yusuf al-Qaradawi, namun setelah itu ternyata gurunya (al-Banna) telah dahulu mengutarakan idea ini. Al-Qaradawi selepas itu mengembangkan idea gurunya dan ini tidaklah pelik kerana mereka berdua berasal dari aliran yang satu.

Pandangan ini juga dipegang oleh individu lain seperti Dr. Munir Al-Bayati, Dr. Ahmad At-Toyyib dan Dr. Ali Jumaah.

Hasan al-Banna berkata: "Perlu diketahui bahawa memberikan suara (undi) adalah penyaksian yang akan dipertanggungjawabkan kelak. Justeru, gunakanlah ia dengan hati dan akal yang rasional. Jadilah orang yang bebas dalam menegakkan kebenaran serta berani memilih pihak yang terbaik."

Al-Qaradawi pula berkata: "Sistem pilihan raya atau pungutan suara yang wujud hari ini menurut pandangan Islam adalah merupakan penyaksian terhadap kebolehan dan kelayakan seseorang calon.

Justeru, golongan pemilih perlu memiliki syarat-syarat kelayakan seperti bersifat adil dan baik pekerti sebagai mana ianya juga perlu ada pada diri calon."

Menjadi tanggungjawab semua untuk meyakinkan rakyat bahawa menerusi demokrasi kita sebenarnya menegakkan digniti atau kehormatan.

Menegakkan 'Daulat al-Ummah' memerlukan penyertaan para penggerak sosial agar fiqh prodemokrasi dapat digarap. Para ahli politik pula bertanggungjawab membuka ruang partisipasi rakyat. Pendidikan politik dan demokrasi hendaklah berlaku secara teratur dan aman.

Rakyat perlu didorong untuk mengguna dan memanfaatkan sebarang tindakan berasaskan kefahaman, persetujuan dan bukan paksaan, dengan kata lain 'tindakan secara sukarela'.

Demokrasi menekankan dialog, perundingan, tawar menawar, negosiasi dan akhirnya membawa kepada kerjasama rakyat secara sukarela. Jelas menerusi sistem demokrasi kita bakal membina kualiti pengikut, penyokong di kalangan rakyat yang mantap.

Tegaklah daulat rakyat untuk memaknai khaira ummah.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.



# MCA: Praising China, attacking Dr Mahathir

By DENNIS IGNATIUS

**WITH** little else to offer, MCA appears to have firmly hitched its wagon to the People's Republic of China in a desperate attempt to stay relevant. No surprise then that they have emerged as China's loudest local trumpeters.

Recently, at a gathering with the newly-minted PRC ambassador, MCA president Liow Tiong Lai launched a blistering attack against opposition leader Dr Mahathir Mohammad accusing him of attempting to wreck bilateral relations with China. Mahathir, he said, was "creating unnecessary fears among Malaysians over Chinese investments".

Attacking Mahathir might, of course, win the MCA some brownie points from UMNO but it is unlikely to influence voters. And playing the China card is simply not enough to overcome the party's dismal record of defending the legitimate interests of minority communities.

## Sentimental nonsense

Gushing forth enthusiastically about the relationship with China, Liow was also quoted as saying that "relations between Malaysia and China are not built on interest but on genuine friendship".

What a load of baloney! Only fools build bilateral or multilateral relations on the basis of sentiment. In international affairs, there are no permanent friends or enemies; only permanent interests.

It is precisely this kind of muddled, misguided, mushy-gushy, wishy-washy approach to bilateral relations that have incre-

asingly put us at a disadvantage vis-à-vis China, already a master in the art of bending feeble nations to its will.

Anyone who deals with China will quickly know that they are not sentimental; they know exactly what they want and pursue it with persistence and determination. Behind the smile and sweet talk is an iron fist; just ask our navy commanders trying to enforce our sovereignty in the South China Sea.

Hopefully, our diplomats are not so starry-eyed about China or any other nation for that matter.

## In defence of the CCP

Liow also went on to defend the Communist Party of China (CCP) against allegations that it is trying to colonize Malaysia.

The CCP must, no doubt, be cooing with delight that it has such stalwart local defenders. At this rate, China might not even need an ambassador here!

The dictionary defines "colonize" as "sending settlers to a place with the intention of establishing political control over it". These days economic leverage is sufficient to dominate and control, especially when there are compliant local partners.

Whatever it is, anyone who accuses Mahathir of being anti-China is simply ignorant of history.

Mahathir was the one who really opened up Malaysia-China relations with his groundbreaking visit and discussions with Deng Xiaoping in 1985. Despite the reservations of some of his colleagues in cabinet, Mahathir pressed ahead with the

full normalization of relations. Our relations with China are what they are today in no small part due to Mahathir's farsightedness and courage.

As well, he worked tirelessly to involve China in the emerging regional economic and security infrastructure through initiatives like the East Asia Economic Caucus and the ASEAN dialogue mechanism.

Until he broke ranks with Umno, Mahathir was always feted as a great statesman in Beijing, another reminder that China doesn't have permanent friends, only permanent interests.

## Genuine concerns

What concerns Mahathir, as well as many others, is simply the lack of transparency and the disadvantageous terms we seem to end up with in so many of these China projects. The East Coast Railway, for example, has been panned by economists as grossly overpriced, economically unviable, and slanted too heavily in China's favour.

As well, Mahathir is rightly concerned about why we are suddenly borrowing huge sums of money to fund massive infrastructure projects that the government has yet to prove are really necessary.

Why is there a need, for example, to suddenly upgrade or build several new ports along the west coast when existing ports are not fully utilized? China itself has made no commitment to using all these expensive ports they are now building for us.

It's one thing if China wants to invest its own money in infrastructure projects as

part of OBOR, but getting us to borrow from China to build projects that arguably serve China's strategic goals, promote China's industries and expertise and employ Chinese labour, makes no sense at all.

Even BN lawmaker and former finance minister, Tengku Razaleigh Hamzah, no friend of Mahathir, expressed alarm over the government's ballooning debt which stood at a staggering RM687.43 billion last year.

Furthermore, given Malaysia's horrendous record of corruption, lax oversight and mismanagement, should we not be concerned that these projects might end up as yet another burden on taxpayers?

Has the MCA forgotten about the Port Kelang Free Trade Zone fiasco?

## Misguided priorities

And for that – for demanding a better deal for Malaysia, for insisting on transparency and proper project governance – the MCA sees fit to slam Mahathir in front of the PRC ambassador.

China is, of course, a close neighbour, a big power and an important economic partner; good relations is not an option but a necessity.

However, wanting to ensure that relations with China (as with other countries) serve Malaysia's interests above all else cannot be wrong. If the MCA cannot see that, its priorities are clearly messed up.

■ **Dennis Ignatius is a former ambassador.**

## Dr Mahathir a double-edged sword?

By T K CHUA

**MUCH** has been said about Dr Mahathir Mohamad's foray into opposition politics. This includes pundits from across the causeway claiming that Mahathir would not make a difference in the opposition's push to unseat Umno/BN from power.

Here at home, numerous views have been expressed, with some accusing Mahathir of being the grandfather of all ills besetting the country today.

Some have said that Mahathir should apologise, and not only that, he must state clearly what he is apologising for.

Some have claimed that Mahathir is a double-edged sword. He may gain some votes for the opposition but at the same time, he may drive away many of his detractors, especially the

non-Malays.

Put simply, they say that Mahathir is least qualified to talk and fight for reforms and good governance.

I find most views expressed nowadays, even by research institutes, are nothing more than personal inclinations and opinions. How useful do such views, as expressed above, help us to enhance our understanding of the political situation in the country?

So is Mahathir a service or disservice to the opposition? It is so easy to say he is a double-edged sword, but which side of the sword is sharper? Do we know?

If Mahathir is of no help, why is everybody, including those in Umno and BN, talking about him endlessly? If Mahathir is insignificant or a disservice, why does the opposition coalition engage him and give him prominence?

The last time I checked, the opposition is not compelled to accept him. In fact, the opposition coalition can ditch him anytime if that is a better option for them.

Whatever mistakes Mahathir committed cannot be undone. At most, we can only draw a lesson from it. He has been out of power for nearly two decades.

Are we saying if Mahathir had committed grievous mistakes in the past, he is no longer qualified to help to alleviate the bigger mistakes prevailing now?

Look, the opposition has existed in this country when Mahathir was in government, out of government and now out of Umno.

The opposition is not beholden to Mahathir, but if he chooses to help, why are we creating so much fuss?

I have the inkling that Mahathir has,

in fact, gained traction with Malaysians in general. He has the stature and the credentials to speak despite his chequered past. Without him, I think the opposition is dead in the water.

The vociferous attack on Mahathir is a sign that he is effective.

If ever Mahathir is reappointed PM, I don't think he will amass power to himself like what he did in the 1980s and 1990s. First, time is not with him, and second, the Pakatan Harapan members of parliament and coalition partners will not allow it.

The fear of Mahathir by the reformasi groups is really unwarranted. It is just for some to settle old scores, perhaps.

■ **TK Chua is an FMT reader.**



# Waris Felda Kg Bukit Cerakah gesa siasat kronisme tanah

**SHAH ALAM:** Anak-anak peneroka Kampung Felda Bukit Cerakah menggesa kerajaan negeri menyiasat perbuatan kronisme dalam pemberian hak milik tanah di kampung itu.

Lebih 50 anak peneroka yang bergabung di bawah Gerakan Generasi Ke-2 Kampung Felda Bukit Cerakah (GGF2) berkata kerajaan negeri perlu menyiasat adakan wujud dalam kronisme di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kuala Selangor dan pimpinan kampung selepas didapati hanya 15% orang memperolehi hak tanah daripada 119 penama yang lulus.

Menurut Pengerusi GGF2 Faizal Rahman, pada awalnya seramai 281 orang penduduk asal diminta mengisi borang memohon hak milik tanah dan diserahkan kepada PDT Kuala Selangor pada 2015.

"Bila kita meneliti lanjut, secara keseluruhan sebanyak 85% penduduk tempatan tidak disenaraikan sebagai penerima," katanya kepada pemberita di



Faizal menyerahkan memorandum kepada Shuhaimi dengan disaksikan Mazlan.

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dekat sini, 27 Feb lalu.

Faizal mendakwa pihaknya mendapati 85% penama 'digantikan' dengan orang-orang luar, ahli Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan (JKKP).

"Ini satu perkara yang pelik bagaimana nama-nama yang telah dikemukakan

boleh hilang dan diganti dengan penduduk luar," katanya.

GGF2 menyerahkan memorandum kepada Setiausaha Politik kepada Menteri Besar, Shuhaimi Shafie.

Mereka menuntut satu siasatan menyeluruh dijalankan bermula dengan PDT Kuala Selangor dan menggesa kerajaan negeri membatalkan dan menolak senarai penama sedia ada.

Turut mengiringi Faizal dan pemimpin GGF2 ketika menyerahkan memorandum ialah Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman.

Menurut Mazlan, GGF2 juga menuntut setiap keluarga peneroka di Kampung Felda Bukit Cerakah diberikan satu lot tanah, permohonan orang luar bagi mendapatkan lot tanah di kampung tersebut dibatalkan dan kampung mereka dibangunkan secara terancang.

"Anak mendokong usaha mereka dan mengucapkan syabas terhadap usaha yang dilaksanakan," kata Mazlan.

## Projek hospital baru di Perak gagal

**SAYA** meneliti hujah Menteri Besar Perak dalam program Selamat Pagi Perak pada 15 Feb baru-baru ini berkaitan janji BN untuk membina hospital baharu di negeri ini.

Saya melihat beliau gagal menjawab persoalan yang dilontarkan kepadanya dan berbelit-belit memberikan

ulasan. Untuk itu, saya akan membantu beliau menjawab persoalan berkaitan janji BN untuk membina hospital baharu ini yang sehingga kini gagal dilaksanakan.

Terdapat tiga (3) hospital baharu yang telah dijanjikan sebelum ini setiap kali menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) iaitu Hospital Parit Buntar (Kerian), Hospital Seri Iskandar (Perak Tengah) dan Hospital Kampar.

### 1. HOSPITAL PARIT BUNTAR

Acara pecah tanah tapak projek Hospital Parit Buntar telah dibuat sejak zaman Tan Sri Mohamad Tajol Rosli Ghazali sebagai Menteri Besar sekitar tahun 2006 selepas PRU ke-11.

Pada 1 Mac 2008 pula, media melaporkan bahawa Hospital Parit Buntar akan diteruskan dengan peruntukan baru sebanyak RM112 Juta seminggu sebelum PRU12 pada 8 Mac 2008.

Manakala pada 2 Mac 2008 sekali lagi, media melaporkan Tan Sri Tajol Rosli bersedia untuk melepaskan jawatannya sebagai Menteri Besar jika projek tersebut tidak dimulakan dalam tempoh enam bulan.

Pelbagai kenyataan dibuat berkaitan isu projek hospital baharu ini termasuklah pada



PENDAPAT  
ASMUNI AWI

11 Sept 2012 dimaklumkan bahawa Hospital Parit Buntar telah dimasukkan di dalam Rolling Plan ketiga iaitu projek-projek RMK-10.

Perdana Menteri semasa mengadakan lawatan kerja ke Perak pada 14 Jan 2012 telah mengumumkan keputusan kerajaan untuk

membina sebuah hospital pakar yang mempunyai lebih 300 buah katil di sini.

Manakala pada 29 Jul 2017 pula, dimaklumkan bahawa Hospital Parit Buntar akan siap sekitar tahun 2021, di dalam RMK-11 yang boleh memuatkan 76 katil dan akan dibina di atas tanah seluas 21 hektar.

Terkini pada 20 Feb 2018, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof pula berkata pembinaan hospital empat tingkat di atas tanah seluas 5.2 hektar itu akan menggunakan teknologi Pemodelan Bangunan Bermaklumat (BIM).

Ianya dibina berasaskan reka bentuk imej tiga dimensi. Pembinaan Hospital Parit Buntar ini akan menelan kos sekitar RM136.7 Juta dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung Dis 2020.

Saya ingin mengingatkan kepimpinan negara bahawa janji untuk membina Hospital Parit Buntar ini telah berusia 12 tahun namun masih lagi belum menjadi kenyataan.

### 2. HOSPITAL SERI ISKANDAR

Cadangan bagi projek Hospital Bandar Seri Iskandar pula telah dimaklumkan oleh Ketua Umno Bahagian Parit, Datuk Mohd Zaim Abu Hassan yang menjelaskan

bahawa ianya telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2007 lagi.

Pada 26 Feb 2008, media melaporkan bahawa Bandar Seri Iskandar akan mendapat sebuah hospital baharu bernilai RM85 juta di atas tanah seluas 12.1 hektar iaitu di bekas tapak Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Seri Iskandar.

Pada 1 Sept 2011 pula dilaporkan bahawa sebuah hospital baharu akan dibina di Perak Tengah bernilai RM104 Juta yang dikatakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10).

Pada 4 Okt 2014, dimaklumkan bahawa projek hospital ini adalah kelulusan secara prinsip daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan bukannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Manakala pada 8 Mac 2017 yang lalu pula, Datuk Seri Zambry Abdul Kader memaklumkan bahawa projek Hospital Seri Iskandar kini di peringkat reka bentuk yang dijangka siap pada Mei 2017.

Janji BN untuk membina Hospital Seri Iskandar pula telah berusia 11 tahun dan masih gagal dilaksanakan.

### 3. HOSPITAL KAMPAR

Pada 23 Jul 2011, Menteri Kesihatan Datuk Sri Liow Tiong Lai memaklumkan bahawa Hospital Baharu Kampar dan Parit Buntar akan dilaksanakan dalam di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10).

Sekali lagi pada 18 Mei 2012, Tiong Lai mengumumkan bahawa kerajaan akan membina hospital baharu bagi menggantikan Hospital Kampar sedia ada dengan peruntukan berjumlah RM150 Juta. Turut dimaklumkan bahawa tapak projek

itu telah dikenal pasti iaitu tanah seluas 104.26 ekar dan akan dibina di Tanjung Rengas, Bandar Baru Kampar yang terletak kira-kira lima kilometer dari hospital sedia ada yang boleh memuatkan 150 katil.

Pada 4 Ogos 2017 dimaklumkan bahawa projek ini akan diteruskan di atas tanah seluas 40 hektar di Kampar yang telah diluluskan pada 2012 dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Sehingga kini nasib Hospital Kampar ini masih belum dapat dipastikan kerana Menteri Kesihatan dan Menteri Besar membusu serta tidak mahu membuat sebarang ulasan kerana tapak asalnya menimbulkan persoalan.

Janji untuk penduduk Kampar bagi membina sebuah Hospital Baharu pula telah berusia 7 tahun dan tidak ada sebarang petunjuk untuk malaksananya.

Pada 2 Feb 2018 baru-baru ini, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein pula menjanjikan sebuah Hospital Veteran baharu di Tambun sedangkan janji 3 hospital sebelum ini masih belum dilunaskan.

Kesimpulannya bagi saya, timbulnya isu projek Hospital baharu ini ialah kerana ianya menjadi modal pilihan raya kepada BN.

BN cuba menjadikan jaminan kesihatan rakyat ini sebagai bahan kempen terutamanya menjelang setiap kali pilihan raya umum.

BN gagal melunaskan janji mereka untuk membina hospital baharu di Perak. Jadi tidak salahlah rakyat meletakkan tagline "Jangan tipu rakyat" kepada BN.

Asmuni Awi ialah Pengerusi AMANAH Negeri Perak.



# Padang Terap: Penduduk susah, wakil rakyat tak endah

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

**AMANAH** Kawasan Padang Terap bersama komponen Pakatan Harapan (PH) Padang Terap telah siap siaga untuk menghadapi bahang pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang semakin terasa.

Senario politik terkini memperlihatkan penduduk khususnya pengundi daerah ini yang berjumlah lebih 46,000 semakin celik dengan isu semasa yang melingkari hidup mereka.

Sehubungan itu gerak kerja, aktiviti turun padang dan program peduli rakyat telah, sedang dan akan diteruskan AMANAH dan PH kawasan bagi memastikan rakyat mendapat pembelaan wajar.

Pegawai Penyelaras AMANAH Kawasan Padang Terap Mohd Khairizal Khazali ketika ditemui berkata, walaupun kawasan Parlimen Padang Terap diwakili Menteri Pelajaran Datuk Seri Mahdzir Khalid, bekas menteri besar Kedah itu gagal berperanan menyelesaikan masalah dihadapi penduduk.

"Daripada lebih 46,000 pengundi bagi Parlimen Padang Terap, 90 peratus adalah Melayu.

"Manakala pengundi keturunan Cina hanyalah sebanyak 0.1 peratus dan selebihnya adalah pengundi keturunan Siam.

"PRU13 lalu menunjukkan peningkatan jumlah keluar mengundi sehingga 90 peratus," jelas Khairizal.

Beliau yang juga Naib Ketua Pemuda AMANAH Negeri Kedah memberitahu, Dun Kuala Nerang mempunyai 17 PDM, manakala bagi Dun Pedu 14 PDM.

Malah katanya, PH mempunyai peluang yang besar kali ini kerana



Khairizal menemui penduduk dan anak muda di Kampung Belukar Melong, Paya Terap, Perik, Kuala Nerang.

majoriti rakyat telah mulai sedar dengan pelbagai janji BN yang tidak tertunai.

"Terlalu banyak isu rakyat yang tidak dapat mereka selesaikan walaupun tempoh hayat untuk BN memerintah semakin berakhir.

"Isu bekalan air bersih masih

yang melampau, tetapi tidak diberi perhatian oleh Adun maupun Ahli Parlimen.

Selain itu ujar Khairizal, tiga wakil rakyat BN bagi Dun Kuala Nerang, Dun Pedu dan Parlimen Padang Terap tidak peduli dengan kemudahan asas penduduk seperti jalan tar dan lampu jalan.

"Banyak jalan-jalan kampung yang rosak dan berlubang serta tidak diturap dalam tempoh yang begitu lama.

"Wakil rakyat tidak pernah memberi perhatian termasuklah jambatan dan titi yang usang mahupun uzur.

"Mereka juga jarang turun padang kecuali kawasan kubu kuat Umno serta mengamalkan 'pilih kasih' dalam memberi bantuan kepada penduduk," ujarnya lagi.

Khairizal berkata, kebanyakan penduduk di daerah Padang Terap menampung hidup sebagai penoreh getah. Pendapatan mereka terjejas teruk akibat harga getah sekerap yang rendah dan tidak menentu.

"Dalam setahun selama tiga

seperti menemui penduduk yang melarat, miskin, daif serta orang kurang upaya menjadi rutin saban hari.

"Kita menyusun atur aktiviti dengan membanyakkan program peduli rakyat termasuklah mendekati golongan muda dengan menyediakan pelbagai bentuk keperluan mereka seperti riadah dan keperluan rekreasi serta sukan.

"Anak yatim, ibu tunggal, warga emas dan mereka yang sakit turut diberi perhatian serius termasuklah meringankan beban yang mereka tanggung," tambahnya.

Selain itu katanya, kerjasama antara komponen PH semakin erat melalui pelbagai program yang menyelusuri keperluan hidup masyarakat khususnya orang Melayu serta masyarakat keturunan Siam dan juga Cina.

Dalam PRU ke 13 yang lalu BN berjaya menenangi kerusi Parlimen Padang Terap apabila mengalahkan



Mohd Khairizal



Mahmud Hassan

belum dapat diselesaikan sejak 10 tahun yang lalu.

"Masih ramai pengundi tidak mendapat bekalan air bersih dan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak bagi membeli tong air serta mengepam air bukit untuk disalurkan ke kediaman mereka," ujarnya.

Khairizal menambah, ada juga penduduk yang tidak mempunyai bekalan elektrik akibat kemiskinan



Pejabat AMANAH kawasan Padang Terap telah beroperasi di Kuala Nerang untuk memudahkan gerak kerja menjelang PRU.

paksa memberhentikan persekolahan anak mereka," katanya lagi.

Sementara itu Naib Ketua AMANAH kawasan Padang Terap, Mahmud Hassan yakin peluang AMANAH dan PH di kawasan Parlimen Padang Terap cerah.

"Sejak penubuhan AMANAH di kawasan Padang Terap gerak kerja

calon Pas dan calon Bebas dengan majoriti 4,442 undi.

Bagi kerusi Dun Kuala Nerang pula BN menang menewaskan calon Pas dan Bebas dengan kelebihan 1,997 undi.

BN turut menang di Dun Pedu apabila mengalahkan calon Keadilan dengan majoriti 2,960 undi.



Khairizal menghadiri program komponen PH di Padang Terap.



Khairizal ketika menemui Melor Noor di Kampung Perik, Paya Terap yang uzur sejak 7 tahun lalu.



# Wajah redup rakyat sambut Tun Mahathir di Melaka

**MELAKA:** Ia bukanlah program berprestij tinggi, cuma program 'Santai Teh Tarik' bersama Tun Dr Mahathir Mohamad di alamat 921-1, Batu 7 1/2, Kampung Tampoi, Krubong, dekat sini.

Namun kehadiran Pengerusi Pakatan Harapan (PH) yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tetap mencuri perhatian.

Apa tidaknya, beberapa hari sebelum program diadakan, ada pihak yang membuat aduan polis bagi menghalang ia diadakan.

Ahli Majlis Tertinggi PPBM Mohd Rafiq Naizamohideen menyifatkan ia tindakan terdesak dan 'amat melucukan' kerana tiada sebarang kesalahan undang-undang yang dilakukan.

Menurutnya, alasan bahawa penganjur tidak mendapat permit tidak boleh dipakai kerana mengikut Akta Perhimpunan Aman, permit tidak perlu dipohon hanya sekadar memaklumkan kepada polis.

Surat rasmi telah dihantar kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah dan polis telah memaklumkan tiada halangan untuk diadakan program teh tarik berkenaan.

"Saya melihat ini sebagai satu yang mencuit hati. Takkanlah bekas Perdana Menteri hendak datang minum teh tarik bersama penduduk kampung pun perlu dibuat laporan polis?" kata Mohd Rafiq dipetik Sinar Harian.

Namun siapa yang hadir di lokasi program berhadapan padang bola dan kompleks penghulu itu dapat memahami mengapa ada pihak yang gusar dengan program santai itu.

Ratusan penduduk kampung dan kawasan sekitar hadir menyambut Tun Mahathir, bekas perdana menteri selama 22 tahun itu.

Kehadiran bukan sekadar di kalangan orang Melayu, malah kaum India dan Tiong-hoa.

Yang hadir bukan sekadar golongan tua, malah remaja dan kanak-kanak yang ingin melihat bekas pemimpin negara itu dari dekat.

Benarlah kajian dibuat beberapa badan penyelidik bahawa susuk Tun Mahathir melonjakkan sokongan kepada PH dan menggentarkan BN di pedalaman kampung dan penempatan Felda.



Antara penduduk Kampung Bendang Man, Belantek yang disantuni AMANAH.



Berebut-rebut merakam kehadiran bekas PM.



Tun Mahathir sambil diiringi Mohd Rafiq disambut mesra penduduk kampung.



Kanak-kanak juga hadir meraikan Tun Mahathir.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

**RM 500**

**TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

**AMANAH**

**BETULKAH SHAFEE**

**UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:**

**01132334322 (EN HAKIM)**



12 Saman fitnah: Tun M jauh berani dari Najib Razak

13 Patriot sokong mansuhkan undi pos

24 Indeks Persepsi Rasuah paling buruk

Tun M calon terbaik pulihkan ekonomi negara ms22



PP18978/03/2016(034450)

### WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
04.03.18	5:58	6:08	7:22	1:28	4:42	7:28	8:38
05.03.18	5:58	6:08	7:22	1:28	4:41	7:28	8:37
06.03.18	5:57	6:07	7:22	1:27	4:40	7:28	8:37
07.03.18	5:57	6:07	7:21	1:27	4:40	7:28	8:37
08.03.18	5:57	6:07	7:21	1:27	4:39	7:28	8:37
09.03.18	5:56	6:06	7:21	1:27	4:38	7:28	8:37
10.03.18	5:56	6:06	7:20	1:26	4:38	7:28	8:37

# Amanah

BIL 92 | 4 - 10 MAC 2018

# "SUMPAAH JADI ABU"

## BUKTI PAS AMBIL DUIT UMNO

UZM turut mempersoalkan samada benar atau tidak pimpinan PAS ada menerima duit daripada UMNO.

Keratan dari rakaman video "Sumpah Jadi Abu" yang kini mula tular dalam laman sosial.

**SEBAHAGIAN** audio rakaman 'Sumpah Jadi Abu' yang memaparkan pengakuan seorang pemimpin Pas bahawa parti itu bekerjasama dan menerima duit dari Umno mula beredar. Ia termasuk penjelasan bagaimana taklimat itu

berjalan dan siapa yang terlibat dalam taklimat itu.

Ekoran itu, Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan mengungkitkan nilai persahabatan dalam Pas.

➔ **Laporan penuh muka 8**

## Menjelang PRU 14, 3 menteri kanan dapat kem tentera

**TIMBALAN** Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamid mendapat Kem Hutan Melintang, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri mendapat Kem Bera manakala Menteri Kesihatan Datuk Seri S. Subramaniam mendapat Kem Segamat.

Pada PRU13, ketiga-tiga mereka menang dengan undi tipis. Zahid hanya menang dengan majoriti 2,108 undi, Subramaniam menang kerusi Segamat dengan majoriti 1,217 undi manakala Ismail menang

Kem Segamat belum siap dan belum diduduki tetapi 1,079 pengundi tentera sudah didaftarkan di situ, dakwa Bersih 2.0.



dengan majoriti 2,143.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mendapat paling banyak undi tentera di Pahang iaitu 5,137 pada PRU 11 lalu.

Pakatan Harapan (PH) juga mendakwa, sebuah kem tentera baru dibina di Semberong iaitu Kem Paloh yang terletak dalam kawasan Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishamudin Husein.

➔ **Laporan penuh muka 9**

**TAWARAN ISTIMEWA & 2017 PROMOSI**

### TURKI

30 NOV - 9 DIS 2017  
BERMULA RM4,199 ALL IN

07 - 16 FEB 2018 | NOVEMBER | DISEMBER  
BERMULA RM4,100 ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
TURKI  
BERMULA RM3,899 ALL IN

21 - 30 JUN 2018  
TURKI  
BERMULA RM4,100 ALL IN

OCTOBER  
TURKI  
BERMULA RM4,100 ALL IN

### SEOUL

09 - 13 NOV 2017  
BERMULA RM3,150 ALL IN

13 - 22 APRIL 2018  
SEOUL  
BERMULA RM3,150 ALL IN

01 - 05 FEB 2018 | 08 - 12 FEB 2018 | 01 - 05 MAC 2018  
BERMULA RM2,990 ALL IN

### PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA(RM)	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
13 - 24 DIS 2017	DEWASA 7,150   KANAK* 6,800	MEKAH	MADINAH
17 - 28 JAN 2018	6,890   6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (200-300M)	CONCORDE HOTEL (150M)
01 - 12 FEB 2018	6,890   6,590		
01 - 12 MAC 2018	6,890   6,590		
04 - 15 APRIL 2018	6,890   6,590		

TARIKH	HARGA(RM)	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
18 - 28 DIS 2017	DEWASA 6,790   KANAK* 6,490	MEKAH	MADINAH
18 - 29 APRIL 2018	5,890   5,590	MEKAH LULUT (400-600M)	CONCORDE HOTEL (150M)

## PELBAGAI DESTINASI MENARIK!

HUBUNGI  
**+603 - 6184 1542**